

PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU :
KAJIAN DI PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN

MOHAMMAD SHUKRI DRAMAN

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010

PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU :
KAJIAN DI PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN

MOHAMMAD SHUKRI DRAMAN

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA DISERTASI)

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Mohammad Shukri bin Draman (No. K.P/ Pasport : 640610-11-5063)

No. Pendaftaran/ Matrik : IGB 060051

Nama Ijazah : Sarjana Usuluddin

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU : KAJIAN DI
PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG SELANGOR DARUL EHSAN

Bidang Penyelidikan: Metodologi Dakwah/ Penyelidikan Lapangan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian bertajuk Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru : Kajian Di Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan ini memfokuskan kepada hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru di Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan. Ia bertujuan antara lain untuk mengetahui aktiviti pentadbiran dan pengurusan yang dilaksanakan terhadap saudara baru oleh unit yang bertanggungjawab yang mencakupi hal-hal pendidikan, kebajikan dan lain-lain. Di samping itu kajian juga bertujuan untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh sama ada di pihak unit yang menguruskan atau di pihak saudara baru itu sendiri atau sesiapa juga yang mungkin turut terlibat dalam memberikan sumbangan kepada kebajikan saudara baru.

Umumnya kajian ini mengunapakai metode kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Sebanyak 5 set soal selidik telah diedarkan kepada semua staf yang semuanya 5 orang yang bertugas di unit yang menguruskan hal-hal berkaitan saudara baru di Pejabat Agama Islam Daerah Klang dan sebanyak 92 set soal selidik telah diedarkan kepada saudara baru yang masih berada di bawah seliaan pejabat agama berkenaan. Di samping soal selidik turut dilakukan beberapa siri temubual dengan pelbagai pihak yang ada perkaitannya dengan saudara baru. Observasi pula dilakukan ketika pelaksanaan program pendidikan dan pengagihan bantuan kepada saudara baru. Hasil kajian mendapati pengurusan dakwah terhadap saudara baru mencakupi pelbagai aspek seperti pengurusan terhadap aspek pendidikan ilmu fardu ain yang melibatkan peringkat

asas, pertengahan dan lanjutan, aspek bantuan kewangan yang melibatkan bantuan sara diri, pendidikan, sewaan, perniagaan, perkahwinan, pembayaran bil-bil dan sebagainya.

Golongan saudara baru umumnya berpuashati dengan pelbagai bantuan yang diberikan sama ada oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap mereka secara langsung atau oleh sesiapa juga yang perihatin terhadap ehwal mereka yang sebahagian besarnya menghadapi masalah kefahaman terhadap tuntutan agama yang dianuti. Boleh dikatakan bahawa atas dasar kewajipan dan ehsan pelbagai pihak, kebajikan golongan saudara baru dalam pelbagai aspek di negara ini telah cuba dipenuhi walaupun terdapat kekurangan yang perlu diperkemaskan dari semasa ke semasa.

ABSTRACT

Research entitled Dakwah Management on Muslim Convert [*Mualaf*]: Research carried out at The Klang District Islamic Religious Office, Selangor Darul Ehsan focused on matters concerning Dakwah Management on Muslim Convert at The Klang District Islamic Religious Office, Selangor Darul Ehsan. The aim of this research is to identify the management and administration activities which were carried out on Muslim Convert by the unit responsible on the matters such as education, welfare and others. In addition to this, this research also tends to identify the problems faced by the unit which managed the Muslim Convert and other parties which involved in the contribution of welfare of the Muslim Convert.

Generally, the methodologies used in this research were Library Research and Field Research. Five sets of questionnaires were distributed to the 5 staff attached to the The Klang District Islamic Religious Office, Selangor Darul Ehsan, who handled the Muslim Convert affair and 92 sets of questionnaires were distributed to the Muslim Convert under the supervision of The Klang District Islamic Religious Office. Apart from the questionnaires, interviews were carried out with relevant authorities who managed the Muslim Convert. Observation was done during the implementation of educational and distribution programs. The result of the research shows that Dakwah Management on Muslim Convert covered all aspects such as the Fardu Ain education at Basic, Intermediate and Advance Levels, Financial Aid which include Self Support, Education, Leasing, Business, Marriage, Payment of Utility Bills and others.

In general, most of the Muslim Convert satisfied with the various helps and supports given by the relevant authorities who dealt directly with them or other parties who were sensitive with their well being which most of the Muslim Convert having difficulty in understanding their new religion which is Islam. We can say that various parties tried their best to fulfill the needs of the Muslim Convert based on religious obligation and goodwill even though, many things needed to be done for the betterment of the *mualaf* in the future.

Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Maha Penyayang, segala puji-pujian yang hakiki hanya untuk Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan mujahid-mujahid dan seterusnya pencinta-pencinta Islam seluruhnya.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya saya dapat menyiapkan disertasi ini sebagai memenuhi syarat untuk dianugerahkan ijazah Sarjana Usuluddin dalam bidang pengajian Dakwah. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Ustaz Roslan bin Mohamed kerana telah memberikan bimbingan yang terbaik di sepanjang penulisan disertasi ini. Juga setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada En. Nawi bin Abdullah, pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya di atas kesudian memberikan bimbingan dan panduan terhadap hal-hal yang berkaitan dengan penulisan ini terutama yang melibatkan penyediaan soalan-soalan kaji selidik, pemprosesan data dan lain-lain.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada staf-staf di Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor, staf-staf di Jabatan Agama Islam Selangor, staf-staf di Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Klang, guru-guru kelas fardu ain saudara baru, teman-teman seperjuangan Ustaz Mohamad Zaki bin Hamid, Ustaz Ab Aziz bin Omar dan lain-lain yang telah memberikan kerja sama yang amat baik dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga Allah SWT melimpahkan kerahmatan dan keberkatan kepada semua.

Ucapan terima kasih seterusnya saya rakamkan kepada ahli keluarga yang dikasihi, isteriku Zuhailah Abdul Samad, putera dan puteri-puteriku Muhammad Shazri, Nur Syakirin, Nur Syazwin dan Nur Syazanin yang telah memberi ruang yang selesa dan masa berharga untuk memudahkan penyempurnaan penulisan ini. Semoga penulisan ini memberi manfaat kepada yang menatapnya.

Sekian, terima kasih.

MOHAMMAD SHUKRI BIN DRAMAN
JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2010

SUNGAI BERTEK
KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN

<i>DAFTAR ISI</i>	<i>Halaman</i>
Penghargaan	iii
Abstrak	v
Abstract	vii
Daftar Isi	ix
Senarai Jadual	xiii
Senarai Lampiran	xv
Senarai Kependekan	xvi
Transliterasi	xvii

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Permasalahan Kajian	2
1.2	Objektif Kajian	3
1.3	Kepentingan Kajian	4
1.4	Metodologi kajian	5
1.5	Kajian Terdahulu	11
1.6	Batasan Kajian	18
1.7	Sistematika Penulisan	19
1.8	Kesimpulan	20

BAB DUA

PENGURUSAN DAKWAH

2.0	Pengenalan	21
2.1	Definisi Pengurusan	21
2.2	Konsep Pengurusan Menurut Perspektif Islam Dan Barat	25
2.3	Ciri-Ciri Pengurusan Menurut Pandangan Islam Dan Barat	28
2.4.	Prinsip-Prinsip Pengurusan Menurut Pandangan Islam Dan Barat	32
2.5	Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru	43
2.6	Definisi Dakwah Dari Sudut Bahasa Dan Istilah	44
2.7	Definisi Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru	46
2.8	Definisi Saudara Baru	47
2.9	Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru : Suatu Cadangan	49
2.10	Ciri-Ciri Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru	56

BAB TIGA

PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN (MAIS) DAN PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG (PAID)

3.0	Pengenalan	66
3.1	Program-Program Dakwah Terhadap Saudara Baru : Bahagian Pembangunan Insan (MAIS) Sebagai Penyelarasan	66
3.2	Struktur Organisasi Pejabat Agama Islam Daerah Klang	68
3.3	Pelaksanaan Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru Di Pejabat Agama	

3.4	Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan Program-Program Dakwah Terhadap Saudara Baru Di Unit	72
	Pembangunan Insan	76
3.5	Program-Program Dakwah Terhadap Saudara Baru Pada Masa Hadapan: Perancangan Bersama Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Dan Unit Pembangunan Insan	85
3.6	Program-Program Dakwah Terhadap Saudara Baru: Aktiviti Secara Langsung Dan Tidak Langsung Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Klang Dan Badan-Badan Dakwah	87

BAB EMPAT

PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU :

ISU DAN MASALAH

4.0	Pengenalan	105
4.1	Isu Dan Masalah Di Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Klang	106
4.1.1	Faktor Pengurusan Pentadbiran	106
4.1.2	Faktor Kewangan	107
4.1.3	Faktor Kemudahan Tempat	110
4.1.4	Faktor Masa Melaksanakan Aktiviti Dakwah	111
4.1.5	Faktor Perundangan	112
4.2	Masalah Dalaman Saudara Baru	113
4.2.1	Faktor Peribadi	114
4.2.2	Faktor Keluarga	116

4.2.3	Faktor Rakan	118
4.2.4	Faktor Kewangan	119
4.2.5	Faktor Pekerjaan	120
4.2.6	Faktor Kefahaman Terhadap Ajaran Islam	121

BAB LIMA

ANALISIS PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU

5.0	Pengenalan	123
5.1	Dapatan Soal Selidik Staf Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Klang	124
5.1.1	Profil Responden	124
5.1.2	Sikap Responden Terhadap Tugas	126
5.1.3	Program-Program Meningkatkan Keberkesanan Pengurusan Dakwah	130
5.2	Dapatan Soal Selidik Saudara Baru	133
5.2.1	Profil Responden	133
5.2.2	Sikap Staf Terhadap Pengurusan Dakwah Menurut Pandangan Responden	137
5.2.3	Pengurusan Dakwah Melalui Peningkatan Bantuan Kewangan Dan Kemudahan Kebendaan	142
5.3.1	Keberkesanan Program Kelas Bimbingan Dan Pengajian	145
5.4.1	Aspek Pengurusan Dan Program Dakwah Yang Berkesan	149

BAB ENAM

PENUTUP

6.0	Pengenalan	155
6.1	Pemantapan Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru : Cadangan Dan Saranan	156
6.1.1	Peranan Pihak Berkuasa Agama	156
6.1.2	Peranan Badan-Badan Atau Pertubuhan-Pertubuhan Dakwah	165
6.1.3	Peranan Anggota Masyarakat	167
6.1.4	Peranan Media Massa	173
6.1.5	Peranan Individu	171
6.2	Kesimpulan	174
	BIBLIOGRAFI	175

SENARAI JADUAL

- Jadual 5.1 : Sikap Responden Terhadap Tugas
- Jadual 5.2 : Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Penilaian Sikap Staf Terhadap Tugas
- Jadual 5.3 : Aspek Peningkatan Keberkesanan Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru
- Jadual 5.4 : Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Aspek Mempertingkatkan Keberkesanan Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru
- Jadual 5.5 : Taburan Responden Mengikuti Tempoh Memeluk Islam
- Jadual 5.6 : Taburan Responden Mengikut Jadual
- Jadual 5.7 : Taburan Responden Mengikut Gender
- Jadual 5.8 : Taburan Responden Mengikut Bangsa
- Jadual 5.9 : Taburan Responden Mengikut Tahap Akademik
- Jadual 5.10 : Sikap Staf Terhadap Pengurusan Dakwah Menurut Responden
- Jadual 5.11 : Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Aspek Sikap Staf Terhadap Pengurusan Dakwah Menurut Responden
- Jadual 5.12 : Keperluan Meningkatkan Bantuan Kewangan Dan Kemudahan Kebendaan
- Jadual 5.13 : Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Aspek Penilaian Terhadap Keperluan

Meningkatkan Bantuan Kewangan Dan Kemudahan
Kebendaan

Jadual 5.14 : Keberkesanan Program Kelas Bimbingan Dan Pengajian

Jadual 5.15 : Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata
Dalam Aspek Keberkesanan Program Kelas Bimbingan
Dan Pengajian

Jadual 5.16 : Pengurusan Dan Program Dakwah Yang Berkesan

Jadual 5.17 : Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata
Dalam Aspek Pengurusan Dan Program Dakwah Yang
Berkesan

SENARAI LAMPIRAN

1. Surat permohonan untuk melaksanakan kajian
2. Borang Soal Selidik Untuk Staf Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam
Daerah Klang Selangor Darul Ehsan.
3. Borang Soal Selidik Untuk Saudara Baru.

Senarai Kependekan

ABIM	:	Angkatan Belia Islam Malaysia
BPI	:	Bahagian Pembangunan Insan
CD	:	Compact Disc
FRC	:	Friendly Comparative
ICT	:	Information Computer Technology
IDIP	:	Institut Dakwah Islam PERKIM
INTAN	:	Institut Tadbiran Awam Negara
IQA	:	Islamic Outreach
JAIS	:	Jabatan Islam Selangor
JAKIM	:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	:	Jabatan Agama Islam Wilayah
JIM	:	Jamaah Islah Malaysia
JKKK	:	Jawatankuasa kemajuan Dan keselamatan kampung
KIMMA	:	Kongres India Muslim Malaysia Assosiation
KISAS	:	Kolej Islam Sultan Alam Shah
LZS	:	Lembaga Zakat Selangor
MOU	:	Memorandum Of Understanding
MACMA	:	Malaysia Chinese Muslim Association
MAIS	:	Majlis Agama Islam Selangor
MLVK	:	Malaysia latihan Vokasional Kebangsaan
PAID	:	Pejabat Agama Islam Daerah
PERKIM	:	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PERMIM	:	Persekutuan Pertubuhan India Muslim
PKPIM	:	Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
PUM	:	Persatuan Ulama Malaysia
SAW	:	Salallahu ‘Alai Wassalam
SWT	:	Subhanahu Wa Taala
SIM	:	Saba Islamic Malaysia
SIMSB	:	Saba Islamic Media Sdn. Bhd.
UDSK	:	Unit Dakwah Saudara Kita
UIA	:	Universiti Islam Antarabangsa
UiTM	:	Universiti Teknologi Mara
UPI	:	Unit Pembangunan Insan
YPEIM	:	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

Transliterasi

Transliterasi yang diguna pakai dalam penulisan disertasi ini adalah mengikut transliterasi yang dikeluarkan oleh Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam Tahun 2008. Transliterasi yang digunakan adalah seperti berikut:-

1. Konsonan

Huruf Arab Nama Transkripsi

ا, ء	a, '(Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y

ä	h
---	---

2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi
- (hahtaF)	a
- (harsaK)	I
- (hammaD)	U

Vokal Panjang	Transliterasi
آ/ي	â
ي	ï
و	û

3. Diftong

Diftong	Transliterasi
و~	aw
ي~	ay
ؤ~	Uww
ي~	iy/i

Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Tahun 2008.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Pengurusan dakwah terhadap saudara baru merupakan salah satu isu penting yang perlu diberi perhatian. Pengurusan dakwah terhadap golongan ini perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa agar keluhuran ajaran Islam dan nikmat hidup sebagai muslim dapat dinikmati mereka. Banyak pihak ingin melihat golongan saudara baru mendapat kenikmatan beragama setelah menerima Islam dan tiada isu-isu besar yang menjadi penghalang untuk mencapai tujuan tersebut.

Kesejahteraan hidup seseorang berkait rapat dengan faktor-faktor kewangan, keilmuan, keimanan, perhubungan, pekerjaan dan sebagainya. Pihak yang terlibat dalam hal-hal berkaitan saudara baru hendaklah mengambil langkah sebaik mungkin untuk memastikan kesejahteraan hidup golongan ini tercapai. Jika isu ini tidak dapat diselesaikan, dibimbangi akan berlaku gejala-gejala seperti murtad, bertambahnya golongan peminta sedekah jalanan, keruntuhan institusi rumah tangga dan seumpamanya.

Berasaskan keperluan tersebut, kajian berkaitan pengurusan dakwah terhadap saudara baru telah dilakukan di Pejabat Agama Islam Daerah Klang (PAID), Selangor Darul Ehsan. Kajian ini memberikan tumpuan kepada sistem pengurusan dakwah yang dilaksanakan, di samping mengenal pasti program-program kemaslahatan untuk saudara baru serta permasalahan-permasalahan yang wujud. Di akhir kajian, beberapa cadangan

dan pandangan akan dikemukakan dan diharap ia boleh menjadi panduan kepada pihak-pihak tertentu untuk menangani isu pengurusan dakwah terhadap saudara baru.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Islam merupakan agama yang menjanjikan kesejahteraan hidup kepada para penganutnya. Rasulullah SAW merupakan insan mulia yang diutuskan untuk membawa kesejahteraan kepada seluruh isi alam. Islam membentangkan pelbagai panduan kehidupan yang mencakupi segenap aspek. Ini semua dinyatakan oleh sumber-sumber asas panduan hidup dalam Islam sama ada oleh al-Quran atau Hadis secara putus atau dinyatakan para ulama yang memperjelaskan sumber-sumber tersebut.

Namun demikian berdasarkan kepada pelbagai maklumat dan paparan berita masih terdapat sebahagian umat Islam yang masih tercari-cari kesejahteraan hidup yang dijanjikan itu. Persoalannya adakah mereka ini tidak berusaha mendapatkan kesejahteraan itu seperti yang dituntut atau ketiadaan usaha dari mana-mana pihak yang membantu mereka mencapai impian yang dijanjikan Islam itu. Inilah topik yang selalu berlegar dan menjadi isu di kalangan saudara baru yang telah memilih Islam sebagai cara hidup.

Umum mengetahui bahawa pihak berwajib dan diberikan tanggungjawab dan juga pelbagai pihak lain telah melakukan apa yang perlu untuk memastikan golongan saudara baru mendapat sebuah kehidupan yang sejahtera berasaskan kepada ajaran Islam yang dianuti. Pelbagai bantuan telah diberikan yang mencakupi pelbagai aspek. Namun demikian suara-suara dan pandangan-pandangan yang mempersoalkan

peranan dan tanggungjawab serta bantuan yang diberikan itu masih lagi menjadi isu dalam masyarakat. Keadaan ini dibuktikan dengan wujudnya paparan-paparan berita yang mendedahkan mengenai keperitan hidup sebahagian saudara baru.

Bertitik tolak dari persoalan ini, kajian ini dilaksanakan untuk meninjau dan menyelusuri bagaimanakah pelaksanaan pengurusan dakwah yang dilaksanakan kepada golongan saudara baru oleh pihak berwajib yang diberikan tanggungjawab dan pihak-pihak lain yang turut memberikan sumbangan dan bantuan kepada penyelesaian masalah yang dihadapi oleh saudara baru. Kajian ini akan cuba mendapatkan maklumat dan pandangan dari pelbagai aspek yang mungkin boleh memperjelaskan isu sebenar yang telah dan sedang berlaku.

Kajian terhadap pengurusan dakwah terhadap saudara baru ini dilaksanakan secara khusus di Pejabat Agama Islam Daerah Klang yang secara kebetulan berada di kawasan berhampiran tempat tinggal pengkaji. Walau bagaimanapun kajian ini juga akan melihat peranan-peranan yang dilaksanakan oleh pihak-pihak lain seperti pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan kebajikan dan mana-mana pihak yang ada kaitannya dengan saudara baru sama ada secara langsung atau tidak langsung. Para responden terfokus yang dipilih ialah lima staf yang sedang bertugas di Pejabat Agama Islam Daerah Klang dan 92 orang saudara baru yang masih diuruselia secara aktif oleh Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini dilaksanakan ialah :

- a) Mengenal pasti sistem pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang dilaksanakan oleh Pejabat Agama Islam Daerah Klang
- b) Mengenal pasti program-program dakwah terhadap saudara baru yang dilaksanakan oleh Pejabat Agama Islam Daerah Klang
- c) Mengenal pasti masalah-masalah yang timbul dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini diharap dapat membantu semua pihak terutama pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru khususnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) serta Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Klang. Adalah diharapkan dapatan kajian ini akan memantapkan lagi sistem pengurusan dakwah terhadap saudara baru.

Hasil kajian ini juga diharap membantu pihak-pihak yang terlibat secara tidak langsung dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Berasaskan kepada kajian yang dilakukan, mungkin langkah-langkah sewajarnya boleh dilakukan dalam usaha mereka untuk memberikan sumbangan dan bantuan kepada saudara baru. Seterusnya hasil daripada kajian ini, diharapkan golongan saudara baru akan mendapat perhatian

dan bantuan sebaik mungkin yang akhirnya membantu mereka mengatasi masalah yang dihadapi.

Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu golongan saudara baru meneruskan kehidupan sebagai seorang muslim dalam keadaan tenang, aman dan sejahtera. Keseluruhan atau sebahagian masalah yang dihadapi sama ada berpunca daripada diri sendiri, keluarga, masyarakat, pekerjaan, pembelajaran dan sebagainya bukan lagi menjadi halangan untuk menjadi seorang muslim sejati.

1.4 METODOLOGI KAJIAN

Istilah ‘metodologi’ berasal dari bahasa Inggeris iaitu ‘method’ yang membawa maksud sistem, aturan, cara membuat sesuatu atau kaedah.¹ Jika dilihat dari aspek bahasa Melayu, istilah metode dalam bahasa Inggeris itu telah diterima pakai dalam pengertian biasa yang memberi maksud cara membuat sesuatu atau sistem.² Dengan kata lain, metode adalah cara atau jalan bagi membuat sesuatu.³

Dalam kajian ilmiah, metode adalah suatu perkara yang ada kaitan dengan kaedah kerja. Melalui cara kerja tersebut sesuatu yang menjadi sasaran kaji selidik, ilmu yang bersangkutan dapat diketahui.⁴ Seterusnya dalam bidang kajian ilmu juga, metode kajian didefinisikan sebagai suatu himpunan kaedah tertentu yang boleh membawa pengkaji mencapai objektif kajiannya, berupa kaedah atau kanun yang boleh dikira

¹ Joyce M.Hawkins (2000), *Kamus Dwibahasa* (1985), C.3, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 250.

² Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1030.

³ Koentjaraningrat (1983), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, P.T. Gramedia, Jakarta, h. 16.

⁴ *Ibid.*

natijah atau dapatan yang dicapai oleh pengkaji menerusi penggunaan sesuatu metode tertentu dalam menjalankan kajiannya. Kesimpulannya ia adalah suatu garis panduan tersusun secara sistematik bagi segala gerak kerja ilmiah; sama ada yang melibatkan proses mental atau proses inderawi, bertujuan untuk mendedahkan sesuatu hakikat , membuktikan kewujudan atau kebenaran hakikat tersebut.⁵

Dari perbincangan di atas dapat difahami bahawa metode adalah suatu yang sangat penting dalam kajian ilmiah. Kajian berasaskan metode yang sesuai akan memperoleh hasil yang tidak diragui. Sebaliknya sesuatu penyelidikan tanpa menggunakan metode yang sesuai dan betul, mengakibatkan hasil kajian dipertikaikan kesahihan.

Dalam kajian ini, metode yang akan digunakan ialah :

- a) Metode pengumpulan data
- b) Metode analisis data

a) Metode Pengumpulan Data

Data yang dimaksudkan di sini adalah maklumat yang dikumpul dan dianalisis dalam sesuatu kajian.⁶ Demikian juga apa-apa yang dimaksudkan dalam data tersebut termasuklah perkataan, surat, rajah, carta, kertas undi, bacaan meter air dan sebagainya.⁷

⁵ Mohd Fauzi Hamat (2005), *Ketokohan Al-Ghazali Dalam Bidang Logik*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 125.

⁶ *Ibid.*, h. 756.

Kesimpulannya, data adalah maklumat mentah yang menjadi asas kajian, sama ada untuk dianalisis atau dibuat kesimpulan.

Data pada asasnya terbahagi kepada dua iaitu data asas dan data sekunder atau bersumberkan pihak kedua. Data asas ialah sesuatu yang dikumpul secara langsung dari objek atau sumber. Selain data asas ialah data yang diperolehi dari sumber kedua seperti bahan bercetak.⁸

Dalam kajian ini kaedah utama pengumpulan data dibuat secara langsung dari objek atau sumber, dikenali sebagai kajian luar yang merangkumi seperti berikut :

b) Metode sampling rawak mudah (*rambang*⁹)

Metode ini adalah merupakan suatu kaedah untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan berkaitan pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Caranya mendekati pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan dakwah terhadap golongan saudara baru dan melihat sistem pengurusan dan pelaksanaan yang diamalkan. Borang kaji selidik diserahkan kepada responden melalui siri-siri perjumpaan yang diadakan.

⁷ Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 63 – 64.

⁸ J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan : Penggunaannya dalam pemasaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 41 – 42.

⁹ Rambang bermaksud tidak ditentukan atau diatur, dirancang pemilihan responden terlebih dahulu. Ianya dibuat secara sembarangan sahaja. Lihat Iskandar, *Kamus Dewan*, h. 1094.

c) Metode Temu bual (*interview*)

Metode ini bermaksud cara yang digunakan oleh seseorang untuk sesuatu tujuan atau bagi mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seorang responden. Metode ini dilakukan melalui bercakap secara berhadapan dengan seseorang. Metode temu bual akan digunakan terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti pengurusan dakwah terhadap saudara baru sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dalam siri-siri temu bual yang diadakan, pengkaji akan mengajukan kepada responden soalan-soalan yang berkaitan dengan sistem dan masalah pengurusan dakwah terhadap saudara baru, program-program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, cadangan-cadangan untuk penambahbaikan dan sebagainya. Soalan dikemukakan secara spontan supaya tidak kelihatan kaku dan terikat dengan soalan yang dirancang.

d) Metode Pemerhatian (*Observasi*)

Metode ini bermaksud cara mudah untuk mendapatkan sejumlah data dengan melakukan pemerhatian terhadap objek yang dikaji.¹⁰ Sekiranya kaedah ini digunakan dengan cermat dan teratur, ia merupakan salah satu daripada cara melakukan penyelidikan ilmiah.¹¹ Objek yang diberikan tumpuan dalam kajian ini ialah pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru dan diri saudara baru itu sendiri.

¹⁰ J. Supranto (1986), *op. cit.*, h. 67 – 68.

¹¹ Koentjaraningrat (1983), *op. cit.*, h. 137.

Kaedah pemerhatian antara lain dilakukan semasa pihak bertanggungjawab mengendalikan urusan saudara baru memeluk Islam, mengikuti kelas pengajian fardu ‘ain, menghadiri majlis forum dan seminar, mengikuti program sukan tahunan, program ihya’ Ramadan dan program ramah mesra Hari Raya dan sebagainya. Pemerhatian akan dilakukan tanpa mengganggu situasi responden mengikuti semua aktiviti.

Selanjutnya kaedah kedua yang digunakan untuk memperoleh data adalah bersumberkan kepada kajian kepustakaan. Dokumentari-dokumentari yang berkaitan yang terdapat dalam perpustakaan akan dikaji dan dokumentari-dokumentari ini boleh dimaksudkan sebagai sesuatu benda bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan. Benda-benda bertulis tersebut termasuklah gambar, kumpulan hukum, peraturan, keputusan, pengadilan dan seumpamanya.¹² Termasuk juga laporan-laporan dari jabatan kerajaan, laporan badan berkanun, syarikat, persatuan dan seumpamanya. Sumber di atas sangat penting untuk dijadikan data kajian.¹³

Selain itu, maklumat juga diperolehi melalui kertas kerja seminar yang tidak diterbitkan, rujukan fail arkib/ manuskrip. Sebagai maklumat tambahan, rujukan kepada laman web turut dibuat bagi mengukuhkan maklumat dan data yang diperolehi. Dalam penulisan ini metodologi kajian kepustakaan banyak dikemukakan dalam bab satu dan dua.

¹² *Ibid.*, h. 55.

¹³ Abd. Halim bin Hj. Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Metodologi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 115.

e) **Metode Analisis Data.**¹⁴

Prosedur untuk menganalisis data kajian adalah dengan menggunakan *Statistical Package For Sosial Science (SPSS)* Versi 12. Proses menganalisis data daripada soal selidik akan dimulakan dengan menyemak soal selidik yang telah diperolehi daripada para responden yang terlibat. Selepas itu data kuantitatif yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan *SPSS*. Set soal selidik ini menggunakan skala binary di mana ia hanya akan melihat aspek diskriptif sahaja iaitu melalui taburan kekerapan dan peratus sahaja. Manakala data daripada temubual dan observasi dianalisis dengan membuat perbandingan terhadap institusi yang terlibat di samping membandingkannya dengan kajian-kajian terdahulu.

Dengan adanya sejumlah data-data terkumpul yang diperolehi melalui cara-cara di atas, data tersebut dianalisis melalui metode berikut :

i) Metode induktif, yang bermaksud pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.¹⁵

Data-data yang diperolehi akan disimpulkan dalam bentuk huraian umum. Huraian bentuk umum ini terdapat di sepanjang penulisan ini.

¹⁴ Data ialah maklumat yang dikumpulkan dan dianalisis dalam sesuatu kajian. Lihat Bailey, Kenneth D., (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 756. Termasuk dalam istilah data ialah perkataan, surat-surat, rajah, carta, kertas undi dan sebagainya. Lihat Mohd. Majid Kounting (1990), *Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 259.

¹⁵ Imam Barnadib (1982), *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, h. 52 – 53.

ii) Metode Deduktif, yang bermaksud pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang bersifat khusus.¹⁶

iii) Metode Komparatif, yang bermaksud sesuatu kesimpulan yang dibuat berdasarkan data-data yang diperolehi melalui perbandingan di antara kedua-dua data deduktif dan induktif.¹⁷ Dengan menggunakan tiga jenis metode di atas, diharap hasil penemuan baru yang diperolehi memuaskan dan tidak diragui kesahihan.

Data dan maklumat masih dikira sebagai bahan-bahan mentah yang dijadikan sebagai asas kajian sama ada untuk bahan analisis atau sebagai kesimpulan yang bersifat sementara.

1.5 KAJIAN TERDAHULU

Sehingga kini, kajian ilmiah terhadap golongan saudara baru agak banyak, namun kajian mengenai pengurusan dakwah terhadap saudara baru masih diperingkat permulaan. Keadaan ini mungkin disebabkan penumpuan kajian yang lebih mendalam kepada tajuk-tajuk seperti sebab-sebab saudara baru menganut Islam, sebab-sebab berlakunya kemurtadan di kalangan saudara baru dan sebagainya. Para pengkaji terhadap isu saudara baru kelihatan membuat suatu tanggapan bahawa pengurusan

¹⁶ *Ibid.*, h. 52.

¹⁷ *Ibid.*

dakwah terhadap golongan ini akan berjalan seiring dengan tajuk-tajuk kajian seperti yang dinyatakan.

Dalam usaha untuk memutuskan pengurusan dakwah terhadap saudara baru sebagai tajuk penulisan ini, beberapa penulisan terdahulu yang menyentuh mengenai golongan saudara baru telah dilihat. Hasil daripada pemerhatian yang dibuat didapati penulisan-penulisan berkenaan memberikan tumpuan terhadap isu saudara baru seperti yang dinyatakan dan tidak menyentuh secara langsung terhadap isu pengurusan dakwah terhadap saudara baru.

Setelah mendapat pengesahan daripada pegawai yang bertanggungjawab mengenai saudara baru di Pejabat Agama Islam Daerah Klang (PAID), Selangor Darul Ehsan bahawa tiada kajian dan penulisan dibuat terhadap pengurusan dakwah maka tajuk berkaitan pengurusan dakwah terhadap saudara baru ini dipilih.¹⁸ Berikut dikemukakan beberapa kajian dan penulisan yang menyentuh mengenai saudara baru untuk perbandingan. Di antara kajian-kajian terdahulu ialah:

¹⁸ Ustaz Yaacob Alwi bin Abdullah, Pembantu Pegawai Dakwah, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 16 Mac 2007 jam 8.30 pagi.

a) “Sebab-Sebab Saudara Baru Memeluk Islam oleh Dr. Nawawi Jusoh, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (2003)¹⁹

Dalam kajiannya, Dr. Nawawi Jusoh telah mengemukakan sebab-sebab yang mendorong saudara-saudara baru memeluk Islam yang antara lain terangkum dalam sebab-sebab seperti kerana ingin berkahwin, kerana tertarik dengan cara hidup Islam seperti yang ditunjukkan rakan-rakan sekerja atau sepembelajaran atau sama tempat kediaman atau kerana bacaan mengenai Islam melalui buku-buku atau kerana mendapat penerangan mengenai Islam daripada kenalan yang telah memeluk Islam atau dari pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam aktiviti dakwah Islamiah.

b) “Sebab-Sebab Saudara Baru Menjadi Murtad oleh Azhar Yaakub, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2000)²⁰

Dalam kajiannya, Azhar Yaakub telah mengemukakan sebab-sebab yang mendorong sebahagian saudara baru menjadi murtad yang antara lain berpunca daripada perceraian, tekanan keluarga, bebanan kewangan, dipulaukan ahli keluarga dan rakan-rakan dan ketiadaan pimpinan berterusan dari sudut keilmuan Islam dan lain-lain.

¹⁹ Nawawi Jusoh (2003), Sebab-Sebab Saudara Baru Memeluk Islam, (Tesis, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

²⁰ Azhar Yaakub (2000), Sebab-Sebab Saudara Baru Menjadi Murtad, (Tesis, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

c) “Kefahaman Akidah Di kalangan Saudara Baru (Yusri Abu: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2004)²¹

Dalam kajiannya, Yusri Abu telah mengemukakan dapatannya mengenai tahap-tahap kefahaman saudara baru terhadap akidah Islamiah, bentuk-bentuk pengajian yang diikuti oleh saudara baru seperti pengajian ilmu fardu ain, pengajian al-Quran dan lain-lain serta kelas-kelas pendidikan umum untuk meningkatkan kefahaman saudara baru terhadap ilmu-ilmu Islam seperti panduan kehidupan berjiran dan seumpamanya.

d) “Kefahaman Tentang Islam Dan Pengamalan Oleh Saudara-Saudara Baru Sekitar Kuala Lumpur (Mahfuz Hj Teh, Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1992)²²

Kajian ini antara lain mengemukakan bentuk-bentuk kefahaman asas mengenai Islam di kalangan saudara baru. Seterusnya ia melihat aspek-aspek ajaran Islam yang banyak dihayati dan diamalkan di kalangan saudara baru. Ia juga turut merumuskan bahawa tahap penghayatan ajaran Islam di kalangan saudara baru perlu dipertingkatkan untuk mengelak golongan ini menghadapi masalah kecelaruan dalam beribadat.

²¹ Yusri Abu (2004), Kefahaman Akidah Di Kalangan Saudara Baru, (Disertasi, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²² Mahfuz Hj Teh (1992), Kefahaman Tentang Islam Dan Pengamalan Oleh Saudara Baru Sekitar Kuala Lumpur, (Disertasi, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

e) “Dorongan Penganutan Agama Islam Bagi Saudara-Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan Dan Masalah-Masalah Yang DiHadapi (Maziah Husain (1996), Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya, Kuala Lumpur)²³

Kajian ini pula antara lain mengemukakan sebab-sebab golongan saudara baru menganut Islam dan masalah-masalah yang dihadapi kerana memeluk Islam. Antara lain ia memperjelaskan terdapat pelbagai sebab yang mendorong seseorang saudara baru menjadi Islam seperti kerana pergaulan, perkahwinan, ingin mencari ketenangan dan sebagainya. Oleh kerana kajian tersebut ada menyentuh tentang masalah-masalah saudara baru ia telah digunakan oleh penulis sebagai sebahagian garis panduan dalam menghuraikan permasalahan yang timbul di kalangan saudara baru.

f) “Islamic Outreach ABIM : Pendekatan Dakwah Terhadap Non Muslim Dan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan (Nor Patimah Abd Rahim (1990), Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)²⁴

Kajian ini mengemukakan pendekatan-pendekatan dakwah yang dilakukan oleh ABIM kepada golongan saudara baru yang dipecahkan kepada beberapa tahap seperti golongan saudara baru yang baru memeluk Islam, dan telah lama memeluk Islam.

²³ Maziah Husain (1996), Dorongan Penganutan Islam Bagi Saudara-Saudara Baru Bagi Wilayah Persekutuan Dan Masalah-Masalah Yang Dihadapi, (Disertasi, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁴ Nor Patimah Abd Rahim (1990), Islamic Outreach ABIM : Pendekatan Dakwah Terhadap Non Muslim Dan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan, (Disertasi, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Pendekatan-pendekatan yang digunakan antara lain seperti pengedaran risalah, majlis penerangan dan usrah dan sebagainya. Pendekatan-pendekatan dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang telah dikemukakan dalam kajian ini telah membantu penulis mendapatkan maklumat berkaitan bagaimana untuk memberikan kefahaman Islam kepada golongan saudara baru.

g) “Peranan Institusi Dakwah Dalam Menangani Masalah Murtad Di Lembah Klang (Norhafizah bt Musa (2002), Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).²⁵

Kajian ini menyusuri sebab-sebab terjadinya murtad di kalangan saudara baru yang antara puncanya tidak terus mendalami ajaran Islam setelah memeluk agama Islam. Faktor memeluk Islam hanya kerana ingin berkahwin juga tidak menambahkan kecintaan kepada Islam, dan tidak terkecuali faktor kemiskinan terus meningkatkan peratus golongan saudara baru meninggalkan Islam.

Seterusnya kajian ini menjelaskan bagaimana pihak berkuasa agama menangani isu ini melalui pelbagai aktiviti yang dilaksanakan dengan kerja sama pelbagai pihak yang terlibat. Pengkaji telah mengemukakan langkah-langkah tertentu yang telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa agama dalam usaha mereka untuk memberi kesedaran yang sebenar kepada golongan saudara baru mengenai ajaran Islam.

²⁵ Norhafizah bt Musa (2002), Peranan Institusi Dakwah Dalam Menangani Masalah Murtad Di Lembah Klang, (Disertasi, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

h) “Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan Di Penjara Kajang, Selangor (Abdul Munir b Hj Ismail (2003), Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya).²⁶

Dalam kajian berkaitan tajuk di atas, pengkaji telah menumpukan kajian berkaitan aktiviti-aktiviti dakwah yang dilaksanakan di kalangan banduan di Penjara Kajang, Selangor Darul Ehsan. Pengkaji telah membuat kesimpulan bahawa pelbagai metodologi dakwah telah digunakan pihak berkuasa penjara dengan kerja sama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membimbing para banduan mendalami dan menghayati ajaran Islam.

Selain daripada melihat adanya keberkesanan dari usaha dakwah yang dilakukan, pengkaji juga mengakui bahawa wujud masalah-masalah yang menjadi halangan kepada penghayatan tersebut seperti keadaan persekitaran penjara dan terutama sekali disebabkan sikap tidak berminat para banduan terhadap seruan yang disampaikan yang di antara puncanya adalah kerana latar belakang pendidikan agama yang lemah.

²⁶ Abdul Munir b Hj Ismail (2003), Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan Di Penjara Kajang, Selangor: (Disertasi, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Bahagian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

i)., “ Dakwah Islam Di Malaysia”, Ab Aziz Mohd Zin (2006), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)²⁷

Selain daripada menjelaskan tentang kepelbagaian anutan agama dan kepercayaan penduduk Malaysia yang didasarkan kepada suku bangsa atau kaum yang ada, buku ini juga telah memperjelaskan tentang perkembangan aktiviti dakwah dan institusi-institusi dakwah yang terdapat di Malaysia. Terdapat pelbagai institusi atau badan dakwah, dari pihak kerajaan atau bukan kerajaan yang telah dihuraikan peranan dan aktiviti oleh penulis. Juga dikemukakan tentang permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh institusi-institusi dakwah dalam penganjuran aktiviti dakwah.

Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa kajian tentang pengurusan dakwah terhadap saudara baru dalam bentuk yang menjurus secara berfokus belum dilakukan oleh mana-mana pihak terutama kajian mengenai pengurusan dakwah terhadap saudara baru di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Klang, Selangor Darul Ehsan. Sepanjang pengamatan penulis kajian yang dikemukakan ini adalah merupakan pertama kali dibuat dan diharap ia sebagai perintis untuk kajian selanjutnya.

1.6 BATASAN KAJIAN

Tumpuan utama kajian adalah untuk memfokuskan hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang dilihat dari pelbagai aspek yang dilaksanakan Unit Pembangunan Insan (UPI), PAID Klang. Dalam masa yang sama

²⁷ Ab Aziz Mohd Zin (2006), Dakwah Islam Di Malaysia : (Tesis, Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya).

maklumat-maklumat tertentu berkaitan saudara baru yang melibatkan pihak-pihak lain di pelbagai agensi akan dikaji. Tempoh masa kajian melibatkan antara tahun- tahun 2007 hingga 2008. Maklumat-maklumat yang disentuh tidak melibatkan batas masa tertentu dan akan menyentuh isu-isu berkaitan sebelum tahun 2007 dan berlanjutan selepas tahun 2008. Justeru, staf-staf dan saudara-saudara baru yang menjadi responden adalah mereka yang masih berkhidmat dan berurusan di antara tempoh-tempoh masa berkenaan.

1.7 SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Penulisan dalam bab satu akan menyentuh paparan pendahuluan yang meliputi hal-hal yang berkaitan dengan permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, kajian terdahulu batasan kajian dan kesimpulan.

Seterusnya dalam bab dua dijelaskan tentang hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan dakwah. Penekanan diberikan kepada teori dan pengertian terhadap perkataan atau rangkaikata yang berhubung kait dengan tajuk pengurusan dakwah itu sendiri. Bab tiga pula membincangkan pelaksanaan aktiviti pengurusan dakwah oleh pihak-pihak bertanggungjawab khasnya aktiviti pengurusan yang dilaksanakan oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Klang. Turut dikemukakan aktiviti-aktiviti pengurusan dakwah yang dilaksanakan oleh badan-badan dakwah bukan kerajaan. Seterusnya di dalam bab empat dikemukakan dapatan-dapatan yang menjurus kepada masalah-masalah yang timbul dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru.

Berikutnya bab lima mengemukakan analisis maklumat dan dapatan yang diperolehi dari para responden yang menjadi medan kajian beserta analisis yang menjelaskan dapatan keseluruhan soal selidik yang dilaksanakan. Penulisan ini diakhiri dengan dikemukakan bab enam yang merupakan bab penutup kepada penulisan ini yang antara lain membincangkan beberapa kesimpulan dan saranan.

1.8 KESIMPULAN

Adalah diharapkan kajian terhadap pengurusan dakwah terhadap saudara baru akan memberi manfaat kepada banyak pihak sama ada yang mempunyai perkaitan langsung atau tidak langsung dengan golongan saudara baru. Melalui dapatan-dapatan yang diperolehi dan cadangan-cadangan untuk tindakan yang dikemukakan, diharap ia akan memberi nafas baru kepada golongan saudara baru untuk terus mengecap nikmat kehidupan sebagai insan bergelar muslim dan seterusnya mencapai tingkat keimanan yang lebih mantap seperti yang dirasai sebahagian oleh umat Islam yang lain.

Bilangan saudara baru yang semakin meningkat dari masa ke semasa sama ada di negeri Selangor atau di seluruh negara diakui telah menyemarakkan lagi peningkatan dan perkembangan dakwah Islamiah tetapi dalam masa yang sama masalah yang mengiringinya juga telah menjadikan kehidupan saudara baru terganggu dari sudut keharmonian dan kedamaiannya. Dengan adanya langkah-langkah berkesan yang diambil dalam pengurusan dakwah terhadap golongan ini oleh semua pihak, diharapkan syiar Islam terus berkembang dan masalah-masalah yang timbul dapat diatasi dengan baik dan berkesan.

BAB DUA

PENGURUSAN DAKWAH

2.0 PENGENALAN

Banyak pihak telah memberikan pandangan mengenai maksud dan pengertian pengurusan dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya. Pandangan-pandangan ini sudah semestinya berbeza kerana berbezanya pegangan agama, budaya, persekitaran, pendidikan dan sebagainya. Islam sendiri sebagai *al-Din*²⁸ juga mempunyai pandangannya yang tersendiri terhadap erti pengurusan dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya. Pandangan-pandangan mengenai perkara tersebut boleh dilihat dalam tajuk definisi pengurusan.

2.1 DEFINISI PENGURUSAN

Dalam kata kerja terbitan pengurusan terdapat beberapa kata kerja lain yang perlu diberikan makna dan pengertiannya. Antara kata kerja tersebut ialah kata kerja urus. Mengurus membawa maksud mengatur sesuatu supaya sempurna; mengendalikan sesuatu supaya sempurna; menyelenggara sesuatu supaya berjalan dengan baik; mengendalikan sesuatu supaya teratur dan lain-lain.²⁹

²⁸ Al-Din antara lain bererti ketaatan, kepatuhan, pembalasan, penghisaban pada hari kemudian. (Imam Shahrastani (2006), *Agama dan Ideology*, Muhammad Ramzi Omar (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. vii.

²⁹ Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1779.

Berdasarkan maksud dan pengertian di atas, jika pengurusan itu dihubungkan dengan dakwah terhadap saudara baru ia membawa maksud segala aspek yang berkaitan dengan dakwah terhadap saudara baru hendaklah diurus atau dikendalikan dengan sempurna supaya ia berjalan dengan baik dan teratur dan memberikan hasil yang diharapkan. Maka kerana itu pengurusan dakwah dapat didefinisikan sebagai proses menyatukan dan menjuruskan segala sumber organisasi yang terhad secara optimum untuk mencapai matlamat dakwah.³⁰

Secara umumnya , pengurusan itu adalah suatu proses merancang, menyusun, mengawal dan memimpin sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan. Pelaksanaan proses itu memerlukan kerjasama antara pihak pengurusan dan kakitangan umum (pekerja) dan ia melibatkan beberapa unsur iaitu matlamat (nilai), sistem, kaedah, pengurus, kakitangan (pekerja) dan teknologi (alat). Sekiranya ketiadaan salah satu unsur-unsur tersebut akan mengganggu kelicinan proses pengurusan dan menjauhkan organisasi dari mencapai matlamatnya.³¹

Dalam bahasa Inggeris perkataan *urus* adalah *to manage, to settle, put in order* dan lain-lain.³² Perkataan-perkataan di atas membawa maksud *to organize and control, to succeed in doing or dealing with something*³³ yang jika diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia adalah membawa maksud mengatur atau mengendalikan sesuatu

³⁰ Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*, Shah Alam: Ummah Media, h.19.

³¹ Abdullah Muhammad Zin (2004), "Falsafah dan Etika Pengurusan Islam", dalam Ali Yakub Matondang et al. (eds.), *Asas Kecemerlangan Ummah*, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 15.

³² *Kamus Dwibahasa* (1995), Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Eagle Trading Sdn. Bhd., h. 478.

³³ Christina Ruse (1988), *Oxford Student's Dictionary Of Current English For KBSM*, second Edition, Shah Alam: Fajar Bakti, h. 388.

supaya sempurna; menyelenggara sesuatu supaya berjalan dengan baik; mengendalikan sesuatu supaya teratur dan lain-lain.

Pengurusan juga boleh ditakrifkan sebagai proses bekerja bersama orang lain dengan menggunakan sumber secara optimum dalam persekitaran yang sentiasa berubah. Pengurus bertanggungjawab untuk memastikan proses pengurusan berjalan lancar, bertindak menggunakan sumber fizikal dan manusia dengan cekap dan berkesan ke arah mencapai matlamat organisasi.³⁴

Aspek pengurusan merupakan satu bidang yang amat luas dan penting. Maju mundur dan jatuh bangun sesebuah institusi antara faktornya adalah berkait rapat dengan gaya dan corak pengurusannya. Corak dan gaya pengurusan yang menurut serta dan menitikberatkan kehadiran Ilahi (*the present of god*) di dalam jiwa pentadbir dan warga kerjanya sudah pasti akan menatijahkan satu hasil yang lebih baik dan impak yang tinggi. Sesungguhnya kepercayaan tentang setiap tindak tanduk akan dipersoalkan dan setiap diri bertanggungjawab melaksanakan tugas yang diamanahkan atas paksi tauhid yang utuh akan membuahkan hasil yang terbaik seterusnya memacu perubahan yang berterusan (*continues improvement*) dan mencapai tahap *Total Quality Management (TQM)*³⁵

Pengurusan menurut perspektif Islam adalah sebahagian daripada misi kebaktian kepada manusia dan pengabdian kepada Pencipta. Dengan demikian ia harus dapat

³⁴ Mohd Salleh Aman (2006), *Asas Pengurusan Sukan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 6.

³⁵ Akademi Pengurusan YPEIM (2005), *Pengurusan Dalam Islam: Menghayati Prinsip Dan Nilai Qurani*, Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM, h. i.

memenuhi tuntutan dua pihak : keperluan manusia dan keredaan Tuhan. Mengurus keperluan manusia bererti merealisasikan manfaat dan masalah untuk penyempurnaan keinsanannya (rohani, akli dan jasmani). Apa yang disebut sebagai keperluan manusia itu harus ditundukkan kepada nilai-nilai kemakrufan, moral dan hukum keagamaan. Hal-hal yang bersifat maksiat dan kemungkaran yang merosak dan memudaratkan keinsanan tidak diiktiraf sebagai keperluan manusia.³⁶

Pengurusan juga boleh membawa maksud segala aktiviti yang mencakupi aktiviti merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sesebuah organisasi. Merancang bermaksud menetapkan matlamat , mengenal pasti strategi dan membina perancangan untuk menyelaraskan aktiviti. Manakala mengorganisasi pula bermaksud menentukan tugas yang perlu dilakukan, bagaimana untuk dilakukan dan siapa yang akan bertanggungjawab. Memimpin pula melibatkan proses mempengaruhi tenaga kerja dengan cara berkomunikasi, memberikan motivasi dan menyelesaikan isu-isu berkaitan tingkah laku pekerja dan perkataan mengawal pula melibatkan proses pemantauan aktiviti, menilai pencapaian, membandingkannya dengan tahap “standard”, dan mengambil tindakan jika perlu – memastikan kerja dijalankan mengikut rancangan.³⁷

Pandangan-pandangan di atas merupakan antara pandangan berkaitan aspek pengurusan yang dikemukakan oleh mereka yang pakar dan terlibat secara langsung dalam mengurus sebuah organisasi yang besar. Pandangan ini boleh menjadi panduan berguna untuk memastikan aspek sesebuah organisasi mencapai matlamat yang direncanakan. Pandangan-pandangan ini merupakan sorotan awal penulisan ini untuk

³⁶ *Ibid.*, h. 7.

³⁷ Mohd Salleh Aman (2006), *op. cit.*, h. 9.

meneroka aspek pengurusan yang seterusnya akan dihubungkan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru.

2.2 KONSEP PENGURUSAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT

Menurut Islam konsep sesuatu pengurusan itu hendaklah berpangkal kepada tauhid yang meletakkan Allah SWT sebagai satu-satunya Tuhan, satu-satunya *Rabb al-'Alamin* bagi seluruh alam seisinya. Dalam surah *al-Fatihah* ungkapan *Rabb* membawa makna Tuhan adalah pengurus dan pentadbir iaitu pengurus dan pentadbir yang Maha Memelihara, Maha Pemurah dan Maha Penyayang.³⁸

Islam telah meletakkan aspek pengurusan yang ingin dilakukan hendaklah berdasarkan ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW dan amalan para sahabat yang telah dilantik meneraju negara dalam pelbagai jawatan seperti Khalifah, Gabenor, Qadi, Ketua Pasar dan sebagainya.³⁹

Oleh kerana itu apabila manusia diberi ruang untuk mengurus alam yang berada di bawah tanggungjawabnya, ia hendaklah semampu mungkin mengikut gaya pengurusan Ilahi yang antara lain berasaskan perkara-perkara berikut:⁴⁰

³⁸ Akademi Pengurusan YPEIM (2005), *op. cit.*, h. 3.

³⁹ Naceur Jabnaun (1994), *Islam And Management*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar., h. 4.

⁴⁰ *Ibid.*, h. 4.

- i) Mempastikan ketertiban dan keteraturan perjalanan alam ini.
- ii) Mempastikan keharmonian alam yang mewujudkan sifat kesalingan di kalangan sesama makhluk.
- iv) Menyerlahkan keindahan dan memaksimumkan kemanfaatan alam untuk dinikmati.
- v) Menggembleng secara sistematik potensi manusia untuk menjadi sumber daya insan yang produktif dan kreatif.
- vi) Tidak mengabaikan golongan yang terbiar dan tidak berkemampuan.
- vii) Mengamalkan konsep kerja berbakti kepada manusia berabdi kepada Pencipta.
- viii) Sentiasa mengutamakan yang makruf dan meninggalkan yang mungkar.
- ix) Sentiasa mencari takwa dan keredaan Allah SWT di samping sedaya mungkin memberikan kepuasan kepada pelanggan.

Islam mensyaratkan dalam banyak keadaan termasuk aspek pengurusan agar memberikan penekanan kepada aspek akhlak Islam secara menyeluruh. Ini adalah kerana peraturan akhlak Islam bersumberkan wahyu Ilahi dan ia merupakan intisari ajaran Islam itu sendiri. Ruang lingkup akhlak Islam sebenarnya merangkumi setiap aspek hidup manusia kerana akhlak merupakan bentuk-bentuk amalan dan tingkah laku manusia untuk menjalani kehidupan di dunia ini.⁴¹

Menurut Barat, konsep sesuatu pengurusan itu boleh dilihat dari beberapa perspektif yang berbeza, misalnya dari aspek pengurusan arena, personel, acara dan

⁴¹ Abdullah Muhammad Zin (2004), *op. cit.*, h. 22.

organisasi dan aspek-aspek ini pula berbeza dari aspek modal, jangka masa dan fokus utama. Pengurusan organisasi berlaku apabila sebilangan orang bergabung untuk menyempurnakan sesuatu tugas demi sesuatu matlamat. Organisasi yang kukuh dan diuruskan dengan cekap akan menghasilkan sumber pekerjaan. Pengurus dan pentadbir akan memastikan organisasi berkenaan akan terus berjaya dengan membuat keputusan bijak, mengemukakan idea baru, menjalankan aktiviti dan membuat penilaian.⁴²

Konsep pengurusan Barat sedikit sebanyak dipengaruhi oleh evolusi sains pengurusan yang diperkenalkan pada akhir abad ke 19 yang bermula dengan kaedah pengurusan saintifik pada 1890an. Kemudiannya diikuti dengan kaedah pengurusan klasik pada 1930an dan kaedah hubungan kemanusiaan pada 1950an. Pada 1960an kaedah pengurusan mencapai matlamat mula mengambil tempat sebelum bermulanya kaedah pengurusan penglibatan pada 1980an. Pada tahun-tahun 1990an pula muncul kaedah pengurusan korporat yang berpegang teguh pada nilai-nilai budaya tersendiri.⁴³

Umumnya falsafah pengurusan Barat adalah berasaskan kepada pengurusan sekular yang bermatlamatkan duniawi semata-mata tetapi pengamalannya ternyata lebih popular di dunia hari ini termasuk di negara-negara umat Islam kerana ianya sentiasa mencipta teknik-teknik baru dalam bidang pengurusan sehingga menampakkan ia lebih moden dan kemaskini.⁴⁴

⁴² Mohd Salleh Aman (2006), *op. cit.*, h. 8.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Abdullah Muhammad Zin (2004), *op. cit.*, h. 20.

Berdasarkan paparan yang dikemukakan di atas ternyata konsep dan gaya pengurusan Islam dan Barat membawa kaedah, gaya dan pendekatan yang berbeza. Penekanan kepada dasar ketuhanan, dunia dan akhirat di sebelah pihak (pengurusan Islam) dan kemanusiaan dan dunia semata-mata di pihak yang lain (pengurusan Barat) sudah tentu membawa hasil pengurusan yang berbeza dari segi matlamat dan pengisian. Walau bagaimanapun penulis beranggapan maksud yang ingin dicapai dari sesuatu pengurusan yang dirancang tidak dinafikan ada persamaan, yang antara lain inginkan sesebuah organisasi dan segala aspek yang ada hubung kait dengannya diurus dengan baik sehingga mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3 CIRI-CIRI PENGURUSAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT

Sistem pengurusan yang baik haruslah mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Tidak dinafikan bahawa tokoh-tokoh cendekiawan Barat telah menggariskan pandangan mereka terhadap ciri-ciri pengurusan mengikut perspektif mereka yang seluruh orientasinya menuju ke arah mendapat keuntungan kebendaan semata-mata walau dengan apa cara sekalipun dan telah banyak diterima pakai oleh kebanyakan organisasi dalam sistem pengurusan mereka. Namun tiada anehnya kalau kita juga menampilkan ciri-ciri pengurusan yang disediakan oleh Islam berasaskan kepada sumber-sumber yang digariskan oleh Islam sendiri. Di antara ciri-ciri pengurusan Islam itu ialah:⁴⁵

⁴⁵ Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (1991), *Kecemerlangan Pentadbiran : Dasar Dan Amalan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia, h. 57.

- i) Ia dapat menyelamatkan manusia dari kekufuran dan kerugian (*khusran*)
- ii) Menyesuaikannya dengan hakikat kejadian insan
- iii) Mengutamakan keredhaan Allah SWT
- iv) Menjadikan manusia lebih beradab
- v) Menyesuaikannya dengan tuntutan hak-hak asasi manusia
- vi) Menggunakan kemahiran untuk mengajarkan amal soleh
- vii) Membawa manusia kepada kesejahteraan dunia dan akhirat (*al-falah*)

Seterusnya dikemukakan lagi ciri-ciri pengurusan Islam dengan lebih khusus iaitu :⁴⁶

- i) Bekerja dengan niat kerana beribadat kepada Allah SWT
Seseorang itu dituntut agar menjalankan sesuatu tugas yang diberikan dengan lengkap dan sempurna serta merasa bertanggungjawab. Motivasi bekerja jangan hanya terikat kepada sistem dunia sahaja, tetapi juga terikat dengan ganjaran dan balasan di akhirat nanti.
- ii) Bekerja dengan Ikhlas dan amanah
Bekerja dengan ikhlas bererti bekerja dengan penuh kerelaan dan suci hati untuk mencapai *al-falah* (kemenangan mutlak dalam kehidupan dunia dan akhirat) dan *mardatillah* (keredaan Allah SWT). Sifat amanah juga penting kerana ia akan menghasilkan sifat bertanggungjawab, ihsan dan sifat-sifat murni yang

⁴⁶ *Ibid.*, h. 103.

lain. Amanah dan ikhlas dapat mengelakkan manusia daripada mengkhianati orang lain.

iii) Bekerja dengan tekun dan cekap

Pekerja hendaklah bersungguh-sungguh melaksanakan kerja dan tugasnya dalam lingkungan kepakaran dan kecekapannya. Tekun dan cekap merupakan dua sifat yang tidak boleh dipisahkan dan kecekapan bekerja itu perlu disokong oleh ilmu teknologi yang berkaitan yang dengannya akan memudahkan tercapainya sesuatu yang diinginkan.

iv) Bekerja dengan matlamat kebaikan manusia sejagat

Islam menuntut seseorang itu bekerja untuk kebaikan dan atas dasar keadilan untuk semua tanpa mengira fahaman yang dianuti oleh seseorang. Sikap ini akan mewujudkan suasana kehidupan dunia yang rukun dan sejahtera.

Menurut perspektif Barat telah dicadangkan lima ciri penting pengurusan iaitu:⁴⁷

- i) Bekerja bersama dan melalui orang lain iaitu pengurus bertanggungjawab memastikan tugas dapat dilakukan bersama dan melalui orang lain secara berkesan. Dalam hal ini masa bekerja seseorang pengurus lebih digunakan untuk mengupah, melatih, memotivasi, mengetuai “tenaga manusia” dalam organisasinya serta memantapkan rangkaian kerja dengan agensi sokongan.

⁴⁷ *Ibid.*, h.15.

- ii) Menetapkan objektif organisasi iaitu menetapkan tujuan yang hendak dicapai secara jelas. Kerjasama semua pihak amat diperlukan untuk memastikan proses pengurusan berjalan dengan lancar dan seterusnya membolehkan objektif dan prestasi organisasi tercapai dan dapat dipertingkatkan.
- iii) Memastikan pengurusan itu berkesan dan cekap iaitu usaha-usaha yang dilakukan hendaklah dilaksanakan dengan berkesan dan cekap seperti memastikan segala tugas dapat diselesaikan, semua objektif organisasi dapat dicapai dan perbelanjaan yang dikeluarkan pula adalah pada tahap yang minima.
- iv) Memastikan penggunaan sumber yang ada dengan lebih produktif yang mampu meningkatkan daya pengeluaran, sama ada berbentuk perkhidmatan ataupun barangan.
- v) Mengambil kira aspek persekitaran yang berubah-ubah yang mungkin melibatkan persekitaran-persekitaran fizikal, sosial dan budaya, maklumat dan politik. Sekiranya semua aspek ini diambil kira dan dimasukkan dalam kategori ciri-ciri pengurusan, sudah pasti ia bakal menyumbang kepada kesan positif aspek pengurusan itu sendiri dan kesan berikutnya akan berlaku sekiranya ia diabaikan atau tidak dianggap penting.

Bila diamati ternyata ciri-ciri pengurusan yang dibentangkan oleh Islam dan Barat masing-masing mempunyai identitinya yang tersendiri. Namun aspek-aspek penting yang diutarakan boleh digabungjalinkan untuk menjadikan ciri-ciri pengurusan yang digariskan boleh digunakan untuk semua dan dalam masa yang sama sesuatu pegangan agama tidak lagi menjadi penghalang untuk seseorang melaksanakan tugas yang diamanahkan.

2.4 PRINSIP-PRINSIP PENGURUSAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT

Prinsip-prinsip pengurusan berasaskan perspektif Islam akan dikemukakan terlebih dahulu berbanding Barat dan diharap ia akan menjadi lebih terfokus. Ini bertujuan untuk menjadikan pengurusan dakwah terhadap saudara baru lebih menjurus kepada prinsip-prinsip yang digariskan ajaran Islam. Islam sebenarnya telah mewarisi satu set kaedah pengurusan yang sempurna yang membentuk, merencanakan, merancang dan mencegah daripada berlakunya sebarang penyelewengan.⁴⁸ Berikut adalah sebahagian kandungan prinsip-prinsip pengurusan Islam:⁴⁹

a) Syûra

Syura adalah mekanisme pembuatan keputusan (*decision making*) dan diakui bahawa syura adalah mekanisme terbaik untuk membuat sesuatu keputusan terutama jika melibatkan perkara-perkara besar dan banyak pihak pula yang akan menerima impak

⁴⁸ Ahmad Bashir Aziz (2007) “Aplikasi Syura Dalam Proses Pembuatan Keputusan: Alternatif Kaedah Dan Pelaksanaannya Dalam Pengurusan Moden”, dalam Mohd Izani Mohd Zain et al. (eds.), *Demokrasi Dan Dunia Islam*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 63.

⁴⁹ Akademi Pengurusan YPEIM (2005), *op. cit.*, h. 95.

dari keputusan yang dibuat. Termaktub dalam al-Quran beberapa ayat yang menganjurkan syura dan berdasarkan ketentuan ini sebahagian ulama menetapkan amalan syûra adalah wajib. Ayat-ayat al-Quran yang dimaksudkan adalah seperti ayat-ayat dari surah ali-‘Imran dan surah al-Syûra iaitu:

..... وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ^ص

Maksudnya:

“ ... juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan urusan keduniaan) itu....”

Sûrah ali ‘Imran (3) : 159

وَأْمُرْهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ..

Maksudnya:

“ ... dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka.”

Sûrah al-Syura (42) : 38

Dalam tradisi masyarakat orang Melayu syura lebih dikenali sebagai musyawarah atau muafakat dan kepentingan amalan ini tercermin dengan peribahasa “bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat”. Untuk menjadikan amalan syura atau mesyuarat menepati kehendak Islam perkara-perkara berikut hendaklah diutamakan oleh setiap anggota yang terlibat dalam membuat keputusan:⁵⁰

- i) Hendaklah sentiasa bersangka baik (*husnu al-zan*) dan saling percaya (*mutual trust*).

⁵⁰ *Ibid.*, h. 96.

- ii) Menerima pakai sumber rujukan yang sama (*terms of reference*) dalam membuat keputusan.
- iii) Mempunyai kebebasan dan keberanian untuk menyatakan pandangan.
- iv) Mempunyai mandat yang penuh.
- v) Tidak meletakkan kepentingan peribadi.
- vi) Bebas daripada sikap berpuak-puak (*groupism*)
- vii) Akur dengan pandangan ramai.
- viii) Tidak mengungkit sesuatu yang telah diputuskan.

b) ‘*Amal Jama‘i*

Pengurusan Islam juga mengutamakan ‘*amal jama‘i* yang membawa maksud kerja berpasukan atau bekerja secara kolektif. Surah ali ‘Imran Ayat 104 ada menyentuh tentang arahan kepada umat Islam agar bekerja dengan semangat *ummatik*. (*kolektif-koperatif*).

Ayat berkenaan ialah :

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْعُرْفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya:

“ Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (*berdakwah*) kepada kebajikan (*mengembangkan Islam*), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (*buruk dan keji*). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

Sûrah ali ‘Imrân (3) : 104

Ayat 104 dari surah ali ‘Imran ini menjelaskan bahawa mereka yang bekerja secara bersama dalam satu barisan (*saf*) akan digolongkan dalam kelompok *al-muflihun* (orang-orang yang berjaya). Sesungguhnya hubungan yang erat dan akrab lagi mesra di kalangan ahli sesebuah organisasi memudahkan skema kerja yang direncana menuju kepada pencapaian matlamat organisasi.

Dalam gerak kerja secara berkelompok secara umumnya ahli organisasi hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:⁵¹

- i) Merestui gerak kerja yang dilakukan oleh mana-mana ahli organisasi asalkan ia dilakukan berdasarkan persetujuan , keputusan atau perancangan organisasi.
- ii) Gerak kerja itu mestilah bersifat *shar‘i* iaitu berasaskan nas yang nyata atau ijtihad ulama muktabar.
- iii) Gerak kerja itu hendaklah berasaskan kepada perencanaan yang rapi dan disertai dengan tawakkal kepada Allah SWT.
- iv) Arahan atau perintah yang dikeluarkan oleh pimpinan hendaklah dipatuhi.
- v) Kepentingan organisasi mesti diutamakan berbanding kepentingan peribadi.

⁵¹ *Ibid.*, h. 103.

c) Kepimpinan

Islam memberikan banyak keistimewaan kepada pemimpin atau ketua. Di antaranya arahan-arahan pemimpin wajib diikuti selama mana tidak menunjukkan penentangan dengan syariat. Namun demikian pemimpin juga hendaklah seseorang yang boleh diteladani (*uswah hasanah*). Pemimpin juga harus sedar bahawa amanah kepimpinan yang diperolehi adalah suatu *taklif* (amanah dan tanggungjawab).

Dalam membicarakan soal kepimpinan dan ketuanan, Islam telah menekankan perkara-perkara berikut kepada setiap organisasi untuk dijadikan panduan iaitu:⁵²

- i) Pemimpin itu hendaklah seorang yang berprinsip, berwawasan dan bermisi yang berasaskan petunjuk Ilahi.
- ii) Pemimpin itu berkeupayaan untuk mengembangkan *human capital* atau modal insan.
- iii) Pemimpin itu mampu membangun dan memupuk potensi setiap individu yang berada di bawahnya sehingga menjadi manusia berguna, manusia penyumbang yang produktif dan cemerlang.
- iv) Pemimpin itu insaf dan sedar bahawa ia hendaklah menerima manusia sebagai makhluk *mulus*, berakal dan berperasaan.
- v) Pemimpin itu mampu memasyarakatkan nilai-nilai positif di kalangan warga organisasinya seperti menghargai nilai ilmu, nilai moral, nilai ekonomi dan sebagainya kerana ini akan mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu dengan penuh iltizam.

⁵² *Ibid.*, h. 114.

- vi) Pemimpin itu bersedia mengamalkan semangat kesalingan antara pemimpin dan pengikut iaitu sikap timbal-balik dari segi keadilan, kerjasama, kasih sayang dan nasihat menasihati.

Seterusnya dicadangkan juga, seseorang pengurus atau pemimpin sesebuah organisasi, ia hendaklah menampilkan ciri-ciri dan tingkah laku seperti berikut:⁵³

- i) Membuat keputusan secara rasional.
- ii) Menunjukkan prestasi yang tinggi melalui hasil kerja yang diperolehi.
- iii) Mengimbangi matlamat organisasi dengan matlamat bahagian dan matlamat individu.
- iv) Mengenal pasti dan menetap keutamaan dalam pengambilan keputusan.
- v) Membuat analisis tentang keadaan sekitar dalam menyediakan perancangan, pembentukan strategi dan penilaian pencapaian.
- vi) Mendisiplinkan diri supaya kelakuan mereka dijadikan panduan oleh kakitangan bawahan.
- vii) Sensitif, cepat mengambil tindak balas dan mempunyai objektif seperti untuk mencapai matlamat organisasi, memenuhi keinginan dan kemahuan individu (pekerja) dan kumpulan pekerja.

Untuk menambahkan lagi penghuraian terhadap kriteria kepimpinan organisasi Islam, mereka yang berada di tampuk pimpinan dan pengurusan hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:⁵⁴

⁵³ Talib Samat (2002), *Sastera Di antara Percikan Pengurusan Dan Kemanusiaan*, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 11.

i) Iltizam dan istiqamah dengan ajaran Islam.

Pemimpin yang patuh kepada ajaran Islam akan menjadikan dirinya sebagai seorang mukmin yang bertakwa kepada Allah SWT. Orang seumpama ini akan disegani dan dihormati oleh masyarakat, malah ia akan dikasihi Allah SWT. Mereka juga akan diberikan kepercayaan dan dijadikan sebagai contoh yang baik dalam memimpin sesebuah organisasi. *Istiqamah* juga merupakan kriteria yang menentukan seseorang pemimpin itu tetap bersama Islam. Orang yang tiada *istiqamah* mudah menyeleweng dan rapuh dalam perjuangan. Mereka tidak boleh diharap untuk memimpin orang lain.

ii) Menegakkan kebenaran (*al-Haq*).

Menegakkan kebenaran merupakan tugas utama seseorang pemimpin yang memimpin organisasi Islam. Di dalam jiwa pemimpin tertanam keyakinan terhadap janji-janji Allah SWT dengan melaksanakan *amar makruf* dan mencegah kemungkaran. Ia tidak akan mencampurkan antara kebenaran dan kepalsuan, amalan yang baik dengan kemaksiatan serta tidak menyembunyikan kebenaran untuk disampaikan kepada semua anggota organisasi. Firman Allah SWT:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْمُونَ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu campur aduk yang benar itu dengan yang salah dan kamu sembunyikan yang benar itu padahal kamu semua mengetahuinya”.

Sûrah al-Baqarah (2) : 42

⁵⁴ Muhammad Yusuf Khalid, Syamsul Bahri Andi Galigo dan Mohd Radhi Ibrahim (2002), *Isu Dakwah Dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi*, Kuala Lumpur: Fajar Ulung, h. 36.

iii) Tawaduk dan warak.

Seseorang pemimpin mesti bersikap tawaduk dan warak bagi memastikan segala tuntutan dan matlamat organisasi tercapai. Sikap ini akan membantu menyuburkan kepercayaan ahli atau masyarakat Islam kepadanya. Pemimpin tidak boleh merasa ego, takabbur dan membesar diri kerana sifat terkeji ini akan menjadikan seseorang itu sombong serta tidak dapat menerima pandangan orang lain. Firman Allah SWT:

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

“Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan berlagak sombong, sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada tiap-tiap orang yang takabbur lagi membanggakan diri”.

Sûrah Luqman (31) : 18

v) Ikhlas dan jujur.

Seseorang pemimpin hendaklah melakukan sesuatu perkara itu dengan ikhlas dan jujur tanpa sebarang kepentingan di sebaliknya dan juga tidak menjadikan amanah yang diberikan untuk kepentingan diri dan keluarga. Tidak ada apa yang perlu dibanggakan oleh mana-mana pemimpin di dalam dunia ini kerana mereka hanyalah khadam kepada pengikut masing-masing. Amanah ini juga merupakan ibadah dalam Islam yang perlu ditunaikan dengan sebaiknya.

Firman Allah SWT:

قُلِ اللَّهُ أَعْبُدُ مُخْلِصًا لَهُ دِينِي ﴿١٤﴾

Maksudnya:

“ Katakanlah, Allah SWT jualah yang aku sembah dengan mengikhhlaskan amalan agamaku kepadanya”.

Sûrah al-Zumar (39) : 14

v) Tabah, tetap dan tegas pendirian.

Seseorang pemimpin dalam sesebuah organisasi Islam mestilah tidak mudah digoda dan diancam atau dipujuk rayu oleh kumpulan tertentu yang ingin merosakkan Islam. Pemimpin yang senang dipengaruhi oleh tipu daya ahli atau orang tertentu yang ada kepentingan sendiri akan menjatuhkannya ke lembah kehinaan. Oleh itu mereka hendaklah mempunyai prinsip hidup dalam memperjuangkan Islam tanpa takut kepada sebarang cacian dan makian manusia. Firman Allah SWT:

..تُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ ؕ..... ﴿٥٤﴾

Maksudnya:

“ Mereka berjuang bersungguh-sungguh pada jalan Allah dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela”.

Sûrah al-Mâidah (5) : 54

Setelah agak panjang membicarakan prinsip-prinsip pengurusan mengikut perspektif Islam, kini dikemukakan prinsip-prinsip pengurusan menurut perspektif Barat. Sesuatu yang baik dan tidak bertentangan dengan nilai Islam walaupun datang dari kalangan mereka yang bukan Islam, adalah tidak menjadi halangan kepada umat Islam

untuk menerima pakai apa juga prinsip yang dicadangkan. Barat berpandangan prinsip-prinsip pengurusan itu hendaklah mencakupi perkara-perkara berikut:⁵⁵

- i) Ganjaran kebendaan wajar diberikan kepada seseorang yang bekerja dengan kuat kerana itu akan memberikan kepuasan kepadanya.
- ii) Keuntungan dan produktiviti yang maksimum harus dicapai dengan apa cara termasuk memanipulasikan tenaga kerja.
- iii) Teknik yang paling cekap hendaklah digunakan sepanjang masa di samping memastikan penggunaan kos yang paling rendah.

Selain daripada prinsip umum yang dinyatakan di atas, Stephen R. Covey, penulis *The Seven Habits of Highly Effective People* telah menggariskan tujuh perkara utama yang mampu memberikan kesan yang lebih ketara kepada aspek pengurusan dan kepimpinan seseorang pengurus atau pemimpin.⁵⁶

- i) Hendaklah bersikap proaktif (*Be Proactive*).

Prinsip ini menghendaki seseorang pengurus atau pemimpin hendaklah berinisiatif dan bertanggungjawab terhadap tugas.

⁵⁵ Sidek Baba (2005), "Muafakat Pengurusan Pendekatan Teori I", dalam Mazilan Musa et. al.(eds), *Etika Dan Integriti Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia, h. 17.

⁵⁶ Muhammad Yusuf Khalid (2004), "The Seven Habits of Highly Effective People: Ditinjau Dari Perspektif Pengurusan Islam", dalam Ali Yakub Matondang et. al. (eds), *Asas Kecemerlangan Ummah*, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 28.

- ii) Mulakan dengan wawasan (*Begin With The End In Mind*).
Prinsip ini menghendaki seseorang pengurus atau pemimpin hendaklah mempunyai wawasan yang ingin dicapai kerana ia dianggap sebagai suatu keutamaan dalam kehidupan.
- iii) Dahulukan yang penting (*Put First Things First*).
Prinsip ini menghendaki seseorang itu mengutamakan yang lebih penting dalam kehidupannya.
- iv) Sama-sama menang (*Think Win/Win*).
Prinsip ini menghendaki seseorang pengurus atau pemimpin tidak mengharapkan keuntungan sebelah pihak sahaja bahkan semua pihak harus mendapatkan keuntungan yang sama walaupun aspeknya berbeza.
- v) Cuba memahami Sebelum Memahami (*Seek First To Understand, Then To Be Understood*).
Prinsip Ini menghendaki seseorang pengurusan atau pemimpin itu berusaha memahami sesuatu keadaan atau seseorang sebelum membuat keputusan.
- vi) Bekerjasama (*Synergy*).
Prinsip ini menghendaki seseorang pengurus atau pemimpin bekerjasama dengan orang bawahan atau pekerja pada semua masa dan keadaan yang difikirkan sesuai.

vii) Tajamkan Gergaji (*Sharpen The Saw*).

Prinsip ini mengkehendaki seseorang pengurus atau pemimpin sentiasa membaiki diri sama ada rohani atau pun jasmani.

Oleh kerana prinsip-prinsip yang dikemukakan ini tidak bertentangan dengan apa yang dikehendaki Islam, para pemimpin atau pengurus muslim boleh mempraktikkannya dalam tugas kepimpinan dan kepengurusan mereka seharian. Hasil gabungan antara pandangan cendekiawan Islam dan Barat mengenai aspek pengurusan ini jika dijadikan panduan sudah pasti akan memberikan kesan yang lebih baik memandangkan semua pandangan yang dikemukakan adalah berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh cendekiawan masing-masing.

2.5 PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU

Setelah difahami bagaimana seharusnya aktiviti pengurusan terhadap sesebuah organisasi dilaksanakan oleh setiap yang terlibat, maka diharapkan sedaya mungkin pihak-pihak berkenaan mengikuti langkah-langkah yang dicadangkan. Ini adalah kerana konsep yang dicadangkan adalah untuk kepentingan semua peringkat. Kini akan difokuskan pula kepada aspek pengurusan dakwah terhadap saudara baru.

Masyarakat umat Islam terutama golongan saudara baru hendaklah diurus dan dibina berteraskan nilai-nilai ilmu, akhlak dan syariah, wujudkan keseimbangan antara madiyah dan ruhiyyah, antara kekuatan ekonomi dan kekuatan ilmu. Seterusnya masyarakat itu juga hendaklah dipastikan pemikiran rasional dan inteleknya berteraskan

fikri al-Wasati iaitu pemikiran yang bersifat sederhana demi untuk menyelesaikan masalah dan kemelut umat.⁵⁷

2.6 DEFINISI DAKWAH DARI SUDUT BAHASA DAN ISTILAH

Perkataan dakwah secara umumnya membawa makna seruan, meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan melaung.⁵⁸ Apabila dikaitkan terhadap seseorang maka ia membawa maksud menyeru seseorang kepada sesuatu. Apabila seruan ini dikaitkan dengan Islam maka ia akan membawa maksud menyeru seseorang kepada ajaran Islam.

Perkataan dakwah berasal dari perkataan Arab iaitu: *da'a, yad'u, dakwatan, di'aayatan*. Perkataan ini dari segi bahasa membawa maksud memalingkan manusia kepada kamu dengan bersuara atau bercakap, menjemput makan, percubaan berbentuk perkataan atau perbuatan bagi tujuan mencapai matlamat atau pekerjaan.⁵⁹

Manakala dari sudut istilah pula dakwah bermaksud satu kaedah atau cara untuk menyebar dan menyampaikan. Apabila dikaitkan dengan Islam iaitu dakwah Islam dan saudara baru maka ia membawa maksud segala usaha yang dilakukan untuk menyampaikan ajaran Islam kepada manusia termasuk saudara baru yang meliputi aqidah, syariah, akhlak dan lain-lain.⁶⁰ Justeru, dakwah adalah suatu usaha yang

⁵⁷ Mohd Rumaizuddin Ghazali (2003), *Panduan Berdakwah Kontemporari*, Pahang: PTS Publications & Distributors h. 13.

⁵⁸ Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, Jil.14. Beirut: Dar Sadir, t.t., h. 257.

⁵⁹ *Koleksi dakwah* (1998), Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 16.

⁶⁰ *Ibid.*

dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah SWT.⁶¹

Dakwah juga secara umumnya adalah melibatkan aktiviti seperti berikut: ⁶²

- i) Menyampaikan dan menjelaskan apa yang dibawa oleh Islam.
- ii) Ilmu dan pengajaran.
- iii) Kaedah-kaedah yang lengkap bagi tingkah laku manusia dan menetapkan kewajipan dan hak-hak.
- iv) Mendorong manusia ke arah kebaikan dan hidayah serta melakukan *amar makruf* dan *nahi mungkar* supaya berjaya di dunia dan di akhirat.
- v) Ilmu dengannya dapat diketahui semua usaha kreativiti yang bertujuan untuk menyampaikan kepada manusia Islam yang mengandungi syariat, akidah dan akhlak.
- vi) Program yang lengkap mengandungi di dalamnya semua pengetahuan yang diperlukan oleh manusia untuk memahami matlamat hidupnya dan mengenal isyarat-isyarat perjalanan yang membimbing mereka.
- vii) Mengalihkan pandangan dan akal manusia kepada satu akidah yang berfaedah bagi mereka atau kepada satu kemaslahatan bagi mereka, ia juga satu tugas untuk menyelamatkan manusia daripada kesesatan atau daripada maksiat.
- viii) Memindahkan umat daripada satu tempat ke satu tempat yang lain.

⁶¹ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 2.

⁶² Muhammad Yusuf Khalid, Syamsul Bahri Andi Galigo dan Mohd Radhi Ibrahim (2002), *op. cit.*, h. 42.

ix) Gerakan Islam dalam dua aspeknya iaitu teori dan amali.

Penjelasan berikut juga adalah sebahagian lagi makna dakwah apabila ia disandarkan kepada Islam:⁶³

- i) Tunduk dan patuh kepada ajaran Allah SWT tanpa syarat.
- ii) Agama yang diredhai Allah SWT bagi seluruh isi alam.
- iii) Suatu kanun yang menyeluruh mengenai urusan hidup manusia yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW yang diperintahkan supaya disampaikan kepada seluruh manusia.

Daripada beberapa definisi yang diberikan di atas, kesimpulannya dakwah boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama: yang pertama sekadar menyampaikan maklumat, yang kedua menyampaikan maklumat disertai dengan unsur tarbiyah dan amali sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW kepada para sahabat.⁶⁴

2.7 DEFINISI PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU

Pengurusan dakwah terhadap saudara baru boleh difahami sebagai aktiviti mengurus dan mengatur hal-hal yang ada hubung kait dengan usaha-usaha untuk memberi dan meningkatkan kefahaman saudara-saudara baru terhadap ajaran Islam. Di awal pengislaman, terdapat sebahagian dari golongan saudara baru menghadapi beberapa masalah yang kelihatan mengganggu kerancakan perkembangan dakwah Islamiah di

⁶³ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op. cit.*, h. 18.

⁶⁴ Muhammad Yusuf Khalid, Syamsul Bahri Andi Galigo dan Mohd Radhi Ibrahim (2002), *op. cit.*, h. 43.

kalangan mereka. Masalah-masalah itu antara lain mencakupi aspek keilmuan, kewangan, tempat tinggal, pekerjaan, pengajian dan pembelajaran, ketenteraman hidup dan sebagainya.⁶⁵ Justeru, pihak yang berkenaan hendaklah bijak membantu golongan ini lebih-lebih lagi jika tugas itu merupakan tanggungjawab dan tugas utama mereka.

Untuk memperhalusi tajuk ini, penulis akan cuba memberikan beberapa takrifan kepada sebahagian rangkai kata yang terkandung dalam tajuk ini iaitu definisi dakwah dan saudara baru. Selepas itu penjelasan akan diberikan terhadap perkaitan yang wujud di antara definisi-definisi tersebut dan seterusnya akan dihuraikan semua isu yang ada hubung kait dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru.

2.8 DEFINISI SAUDARA BARU

Dalam masyarakat umat Islam di Malaysia, saudara baru sering kali diterjemahkan sebagai muallaf iaitu seseorang yang baru memeluk Islam. Tanggapan umum yang mengatakan muallaf itu seseorang yang baru memeluk Islam sebenarnya tidak tepat kerana tiada batas-batas sempadan yang ditetapkan untuk melepaskan gelaran itu daripada terus melekat kepada seseorang yang baru memeluk Islam sehingga walaupun setelah sepuluh atau puluhan tahun ia memeluk Islam statusnya sebagai muallaf terus beriringan dengan nama atau peribadinya. Kamus Dewan juga mengungkapkannya sebagai orang yang baru memeluk agama Islam.⁶⁶

⁶⁵ Ustaz Yaacob Alwi bin Abdullah, Pembantu Pegawai Dakwah, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 16 Mac 2007 jam 8.30 pagi.

⁶⁶ Noresah Baharom (2005), *op. cit.*, h. 1046.

Istilah mualaf adalah istilah Bahasa Arab yang membawa maksud orang yang hatinya dipujuk atau dijinakkan untuk cenderung kepada agama Islam dan salah satu kaedah untuk menjinakkan hati mereka ini ialah diberikan kepada mereka peruntukan zakat untuk menguatkan keimanan dan keislaman mereka. Istilah saudara baru atau saudara kita yang digunakan kepada golongan mualaf mencerminkan penerimaan masyarakat umat Islam sedia ada kepada golongan ini walaupun mereka terdiri daripada pelbagai rumpun dan bangsa sebagai saudara seIslam.⁶⁷

Golongan saudara baru perlu diperkuatkan dengan pemahaman yang jelas terhadap Islam dengan kadar yang segera terutama yang melibatkan makna dan penghayatan terhadap Islam, iman dan ihsan. Islam yang membawa makna penyerahan dan kepatuhan diri secara zahir, iman membawa erti mempercayai Allah SWT, Malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari akhirat, mengaku dengan teguh bahawa takdir baik buruk itu daripada Allah SWT dan ihsan yang membawa makna bersungguh-sungguh meyakini dan mengamalkan apa-apa yang ada dengan Islam dan rukun-rukun iman harus disampaikan segera kepada golongan saudara baru.⁶⁸

Untuk terus menjinak dan mengekalkan golongan mualaf bersama Islam, menerima dan menghayati ajarannya, golongan yang berwajib yang diamanahkan dengan tugas khusus ini dan seluruh umat Islam hendaklah memainkan peranan masing-masing. Tugas-tugas itu antaranya ialah membantu menguruskan keperluan kehidupan

⁶⁷ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op. cit.*, h. 112.

⁶⁸ Imam Shahrastani (2006), *Agama dan Ideologi*, Muhammad Ramzi Omar (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2.

mereka yang mencakupi keperluan pengibadatan, kewangan, pendidikan, pekerjaan, tempat kediaman dan sebagainya.⁶⁹

Cabaran yang muncul ketika melaksanakan tugas dan kewajipan ini hendaklah dihadapi dengan sabar dan penuh tanggungjawab. Sebagai panduan untuk menghadapi cabaran-cabaran berkenaan, ikutilah segala panduan pengurusan yang disyorkan oleh pelbagai pihak demi merealisasikan impian seluruh umat Islam yang mahukan bilangan umat Islam yang ramai dan bertambah dari masa ke semasa.

2.9 PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU : SUATU CADANGAN

Konsep pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang boleh diketengahkan adalah konsep dan gaya pengurusan *Ilahi* atau *Rabbani* yang bertujuan mentadbir kehidupan serta perundangan yang amat sesuai bagi masyarakat seperti yang telah diketahui oleh umat manusia semenjak diutuskan Nabi Muhammad SAW kepada seluruh manusia.⁷⁰ Pernyataan umum yang dinyatakan dalam konsep pengurusan sebelum ini akan didekatkan secara khusus kepada konsep pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang akan diperhalusi setiap satu darinya.

Penyampaian ajaran Islam kepada *Mad'u* (sasaran dakwah) memerlukan pelbagai pendekatan dengan harapan sasaran dakwah akan memahaminya dan seterusnya mengamalkan dalam kehidupan. Melalui seruan yang disampaikan, orang Islam dan

⁶⁹ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 11 Mei 2007 jam 9.00 pagi.

⁷⁰ Anwar al Jundi (2001), *Kejatuhan Ideologi Materiasme Dan Agenda Pengisian Islam*, (terj.) Rosli Alias, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 3.

orang bukan Islam yang menjadi sasaran dakwah akan dibawa ke jalan yang diredai Allah SWT. Seseorang *da'i* (pendakwah) akan cuba memberikan maklumat se jelas mungkin tentang keagungan dan keunggulan ajaran-ajaran Islam kepada orang bukan Islam dan mengajak mereka menerima Islam. Orang-orang Islam pula akan diseru untuk terus mendekati Allah SWT dan menghindarkan diri daripada ajaran-ajaran yang tiada kaitannya dengan Islam serta mengamalkan perilaku-perilaku mulia dan terpuji.⁷¹

Berikut adalah konsep-konsep pengurusan dakwah terhadap saudara baru untuk dijadikan panduan:

i) Memastikan Ketertiban Dan Keteraturan Perjalanan Hidup Saudara Baru

Pihak yang bertanggungjawab hendaklah memastikan para saudara baru dapat meneruskan kehidupan mereka dalam keadaan tertib dan teratur. Antara aspek utama yang perlu diberikan penumpuan ialah memastikan mereka melaksanakan segala suruhan agama dan meninggalkan apa yang ditegah. Kewajipan asas dalam Islam seperti mendirikan sembahyang, menunaikan puasa, berakhlak mulia, meninggalkan perkara-perkara keji dan mungkar serta lain-lain hendaklah dipastikan difahami sebaik mungkin oleh golongan saudara baru agar mereka meneruskan kehidupan dalam suasana tenang dan dirahmati Allah SWT.

⁷¹ M. Bahri Ghazali (1997) , *Da'wah Komunikatif*, Jakarta: Pedomon Ilmu Jaya, h. 6.

Untuk memastikan ketertiban dan keteraturan perjalanan hidup saudara baru mereka hendaklah dipastikan mendapat didikan yang betul mengenai ajaran Islam. Di samping itu keperluan-keperluan asas yang diperlukan oleh setiap manusia yang menjadikan perjalanan hidup tidak tempang dan cacat hendaklah dipastikan juga dimiliki oleh golongan saudara baru. Antaranya pendapatan yang mencukupi melalui pekerjaan yang sesuai, tempat tinggal yang selesa, hubungan dengan masyarakat yang sempurna dan seumpamanya.⁷²

Seorang saudara baru yang juga merupakan seorang ibu tunggal iaitu Puan Marina Abdullah yang tinggal di kampung Parit Baru, Sabak Bernam, Selangor, memberitahu semenjak kehilangan pekerjaan kerana kilang kecil tempat bekerja selama ini telah ditutup, beliau dan keluarganya telah mengalami kesukaran yang begitu hebat untuk meneruskan kehidupan. Kehidupannya kini bergantung kepada belas ehsan penduduk kampung dan bantuan sebanyak RM250.00 sebulan daripada Lembaga Zakat. Keadaan kewangan yang sedikit menyebabkan mereka sekeluarga terpaksa tinggal di dalam sebuah bilik di kilang berkenaan. Dengan bantuan dan ehsan penduduk kampung Parit Baru beliau berpindah ke sebuah rumah usang sebagai tempat berlindung.⁷³

ii) Memastikan Keharmonian Hidup Golongan Saudara Baru

Ini membawa maksud pihak bertanggungjawab hendaklah memastikan golongan saudara baru yang menghadapi masalah seperti dinyatakan dibantu supaya kehidupan

⁷² Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 21 Ogos 2007 jam 3.00 petang.

⁷³ *Utusan Malaysia*, Mac 24, 2007: 18 "Ibu Tunggal Daif, 18 Sekeluarga Harap Bantuan".

mereka yang sebelumnya harmoni dan berjaya akan terus dinikmati. Masalah-masalah besar yang terpaksa dihadapi oleh golongan saudara baru seperti masalah kewangan, tempat tinggal, pembelajaran dan sebagainya perlu dijadikan tajuk dan fokus utama untuk diatasi dan diurus dan ditadbir dengan sistematik dan teratur.

Ajaran Islam yang mengutamakan kemenangan dan kejayaan dalam kehidupan dunia dan akhirat harus diserlahkan kepada seluruh amalan kehidupan umat Islam termasuk juga golongan saudara baru. Untuk merealisasikan situasi ini pihak bertanggungjawab hendaklah melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan ikhlas kerana di samping ia memperolehi keredhaan Allah SWT, ia juga dapat mengelakkan seseorang itu daripada mengkhianati dan menzalimi orang lain.⁷⁴

iii) Menyerlahkan Kemanfaatan Alam Untuk Dinikmati Saudara Baru

Aspek ini bermaksud pihak bertanggungjawab hendaklah menyediakan kemudahan-kemudahan yang ada dan disediakan untuk golongan saudara baru, diserahkan dengan secepat mungkin kepada mereka. Ini adalah kerana setelah mereka memeluk Islam, ada pihak-pihak tertentu yang menafikan hak mereka untuk menikmati pelbagai nikmat dan rezeki yang selama ini menjadi milik mereka.

Ajaran Islam antara lain meletakkan objektif pelaksanaannya dalam kehidupan manusia adalah untuk mempertingkatkan pemeliharaan kebajikan manusia dengan cara memberi perlindungan kepada akidah, kehidupan, akal, keturunan dan harta kekayaan

⁷⁴ Abdullah Muhammad Zin (2004), *op. cit.*, h. 24.

mereka.⁷⁵ Untuk tujuan yang sama golongan saudara baru hendaklah diberikan perlindungan dan bantuan bagi memelihara semua perkara yang dinyatakan.

iv) Menggembleng Secara Sistematis Pasukan Petugas Supaya Menjadi Lebih Produktif Dan Kreatif

Aspek ini pula bertujuan mengajak pihak bertanggungjawab menggerakkan pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan saudara baru bekerja dengan bersungguh-sungguh dalam membantu mengatasi masalah saudara baru. Mereka hendaklah bersedia untuk bertugas tanpa mengira masa dan bersifat lebih kreatif dalam menguruskan kebajikan golongan saudara baru.

Jumlah saudara baru yang memeluk Islam semakin bertambah dari masa ke semasa. Pertambahan yang membanggakan itu menuntut pula pemantauan pegawai yang bertanggungjawab dengan lebih kerap. Pengagihan masa pemantauan yang melibatkan bilangan pegawai yang terhad perlu dilakukan dengan bersistematik demi untuk menghasilkan hasil kerja yang produktif. Cadangan untuk menambahkan bilangan pegawai diharap akan dapat membantu meningkatkan penyampaian ilmu fardu ain dan fardu kifayah kepada golongan saudara baru dengan lebih baik.⁷⁶

⁷⁵ M. Umer Chapra (2005), *Islam dan Cabaran Ekonomi*, Syed Putra Syed Hamid dan Zahrita Hamzah (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. XV.

⁷⁶ Ustaz Ahmad Fauzi bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 21 Ogos 2007 jam 3.00 petang.

v) Tidak Mengabaikan Golongan Terbiar Dan Tidak Berkemampuan

Pihak bertanggungjawab hendaklah memastikan semua golongan saudara baru tanpa mengira taraf dan kedudukan mereka diberi bantuan yang diperlukan. Ini adalah kerana kemungkinan seseorang saudara baru yang asalnya berpangkat dan berharta akan kehilangan semua atau sebahagian darinya akibat tindakan ahli keluarga atau majikan mereka. Usaha-usaha untuk memastikan mereka mendapat bantuan yang sewajarnya dari pelbagai sumber seperti bantuan zakat, sumbangan dan derma orang ramai dan seumpamanya hendaklah diuruskan kerana banyak aspek pentadbiran dan pengurusan yang tidak difahami oleh mereka sebagai seorang saudara baru.⁷⁷

**vi) Mengamalkan Konsep Kerja Berbakti Kepada Manusia Berabdi
Kepada Pencipta**

Mereka yang bertanggungjawab secara langsung terhadap golongan saudara baru hendaklah mengamalkan konsep bekerja dan berbakti kepada manusia dan berabdi kepada Pencipta. Amalkan keluhuran dalam bekerja kerana membantu golongan saudara baru yang sebahagiannya sangat memerlukan bantuan setelah memeluk agama Islam yang suci amatlah dituntut.

Dalam Islam sudah ada tuntutan untuk bertolong bantu dalam perkara-perkara kebaikan kepada sesama manusia apa lagi jika yang dibantu itu adalah golongan

⁷⁷ *Ibid.*

saudara baru yang menghadapi masalah kewangan, pekerjaan dan sebagainya. Tentang hal ini Allah SWT berfirman dalam ayat yang berikut:

..... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ

Bermaksud:

..... Dan tolong menolonglah kamu dalam perkara kebajikan dan takwa dan jangan tolong menolong dalam perkara dosa dan perseteruan.

Sûrah al-Maidah (5) : 2

vii) Sentiasa Mengamalkan Yang Makruf Dan Meninggalkan Yang Mungkar

Pihak yang bertanggungjawab hendaklah meneruskan dasar menegakkan yang makruf dan meninggalkan yang mungkar ketika berurusan dengan golongan saudara baru. Sebarang peluang dan kesempatan yang mungkin mendorong kepada penyelewengan dan seterusnya terbabit dalam kemungkaran ketika menguruskan kebajikan golongan saudara baru hendaklah dielakkan sebaliknya memberikan komitmen sepenuhnya untuk menegakkan yang makruf .

Dalam al-Quran telah ditegaskan bahawa untuk menjadi umat yang terbaik selain gesaan supaya menjadi seorang yang beriman, di antara tugas lain yang perlu dilakukan ialah menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat yang berikut:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِالمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ۗ

Bermaksud:

Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah SWT.

Sûrah ali ‘Imran (3) : 110

viii) Sentiasa Mencari Takwa Dan Keredaan Allah SWT Dan Kepuasan Kepada Pelanggan

Aspek ini pula bermaksud pihak berwajib hendaklah meletakkan rasa ketakwaan dan mengutamakan keredaan Allah SWT serta kepuasan golongan saudara baru apabila berhadapan dengan tugas menguruskan kebajikan mereka. Kehidupan manusia di dunia ini ialah kehidupan untuk bekerja dan beramal. Justeru, setiap orang hendaklah menjalankan tugasnya dengan lengkap dan sempurna serta penuh tanggungjawab.⁷⁸

Seterusnya perlu dipastikan juga semua tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan itu memberi kepuasan kepada para pelanggan. Dalam situasi ini, kepuasan golongan saudara baru di atas khidmat yang diberikan hendaklah sentiasa dijadikan sandaran dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab, lebih-lebih lagi golongan ini sering kali berhadapan dengan suasana yang sukar setelah memeluk Islam.

⁷⁸ Abdullah Muhammad Zin (2004), Falsafah Dan Etika Pengurusan Islam, dalam Ali Yakub Matondang et. al. (eds), *Asas Kecemerlangan Ummah*, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 23.

2.10 CIRI-CIRI PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU

Ciri-ciri pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang boleh diketengahkan adalah ciri-ciri pengurusan yang ditampilkan oleh Islam seperti yang dinyatakan di bawah tajuk ciri-ciri pengurusan sebelum ini. Pernyataan umum yang dinyatakan dalam ciri-ciri pengurusan itu akan didekatkan secara khusus kepada ciri-ciri pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang akan diperhalusi setiap satu darinya.

i) Menyelamatkan Manusia Dari Kekufuran Dan Kerugian

Pihak yang bertanggungjawab hendaklah memastikan bahawa mereka melaksanakan tugas yang diamanahkan bukan sahaja kerana itu menjadi bidang tugas mereka bahkan mereka hendaklah menjadikan tugas itu sebagai suatu tindakan untuk menyelamatkan golongan saudara baru dari jalan yang tidak menuju kepada Allah SWT kepada jalan yang membawa mereka ke sana. Mereka hendaklah terus dipandu untuk lebih jauh daripada kekufuran dan kerugian yang selama ini menjadi sebahagian daripada cara hidup. Tanpa berada di dalam Islam pasti mereka akan terus melakukan amalan kekufuran dan keingkaran yang menjadikan mereka mengalami kerugian hidup di dunia dan di akhirat.

ii) Menyesuaikannya Dengan Hakikat Kejadian Insan

Dalam usaha mengurus dan memimpin golongan saudara baru ke arah kehidupan Islam yang lebih cemerlang, faktor dan hakikat kejadian insan hendaklah diambil kira. Sebagai manusia, pasti ada kelemahan sifat jasmaniah dan rohaniahnya yang perlu

diraikan. Kesempurnaan hanya milik Tuhan dan manusia memang dituntut memiliki sifat-sifat kesempurnaan. Pimpinan yang sabar dengan segala macam karehah dan masalah yang ditimbulkan golongan saudara baru akan lebih membantu golongan saudara baru menjadi golongan muslim yang sebenar. Kejahilan terhadap ajaran Islam adalah sebahagian daripada masalah mereka dan pasti sekali kekurangan itu mendorong mereka melakukan sesuatu yang tidak selaras dengan ajaran Islam. Hakikatnya kekurangan diri adalah anugerah Tuhan kepada sesiapa juga yang bernama manusia.

iii) Mengutamakan Keredaan Allah SWT

Seandainya golongan yang bertanggungjawab terhadap golongan saudara baru ini bekerja dan berusaha membawa mereka hampir kepada Islam dengan hati yang penuh ikhlas, mengutamakan dan mencari keredaan Allah SWT sudah pasti akan terpancar nilai amal yang amat tinggi dalam setiap amalan dan tindakan yang dilakukan. Nikmat dunia yang berupa gaji dan segala kemudahan yang diterima untuk memudahkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab tidak menjadi halangan untuk terus meletakkan niat memimpin dan membimbing golongan saudara baru demi mencari keredaan Allah SWT.

Kehidupan manusia di dunia ini ialah kehidupan bekerja dan beramal, setiap orang hendaklah menjalankan tugasnya dengan lengkap dan sempurna serta penuh tanggungjawab. Ibadat khusus seperti solah, puasa, zakat, haji dan lain-lain yang wajib dilakukan, perlu juga diberikan penekanan bahawa menguruskan masyarakat adalah

suatu tanggungjawab yang terangkum sebagai fardu kifayah yang juga dikenali sebagai ibadah umum.⁷⁹

iv) Menjadikan Manusia Lebih Beradab

Islam mahukan setiap manusia hidup dalam keadaan berperaturan dan beradab. Sistem kehidupan Islam mencakupi segenap aspek kehidupan manusia. Islam hendak memastikan manusia hidup dalam keadaan tersusun dan beradab. Islam telah menyusun tingkah laku manusia sebagai seorang anak, bapa, suami, isteri, rakyat, pemimpin, pekerja, pengurus dan sebagainya. Justeru, pihak bertanggungjawab terhadap golongan saudara baru juga hendaklah memastikan sistem hidup Islam ini diamalkan dalam kehidupan mereka.

Salah satu aspek yang sangat diberi perhatian oleh Islam bagi memastikan supaya perjalanan sistem hidup manusia dapat berlangsung dalam suasana yang sihat dan harmoni ialah kesempurnaan akhlak. Ini kerana akhlak yang baik dan mulia menjamin kesejahteraan dan kejayaan dalam menjalani kehidupan yang penuh dengan cabaran ini. Akhlak Islam ialah akhlak bersumberkan wahyu (al-Quran dan al-Sunnah), bersifat kudus, mutlak, rabbani dan tetap sepanjang zaman.⁸⁰

Dalam melaksanakan tanggungjawab keagamaan, manusia terikat dengan ketetapan-ketetapan dan aturan-aturan yang tujuan utamanya adalah untuk menjadikan

⁷⁹ Abdullah Muhammad Zin (2004), *op. cit.*, h. 24.

⁸⁰ Abu Bakar Yang (2005), "Pertembungan Etika Dengan Akhlak", dalam Abdul Munir Yaacob et. al., (eds), *Islam Hadhari : Himpunan Isu Kontemporari*, Institut Kefahaman Islam Malaysia : Kuala Lumpur, hal. 55.

mereka lebih beradab. Dalam melakukan amal ibadat khusus umpamanya, manusia tidak boleh bertindak bebas untuk menentukan bentuk ibadat yang ingin dilakukan dan bagaimana cara melaksanakannya. Sembahyang, haji dan lain-lain telah ditentukan cara-cara bagaimana untuk melaksanakannya.⁸¹

v) **Menyesuikannya Dengan Tuntutan Hak Asasi Manusia**

Pihak bertanggungjawab hendaklah tidak keterlaluan dalam tindakan tadbir urus mereka sehingga menafikan hak-hak asasi golongan saudara baru. Islam menerima konsep umum untuk kehidupan ini iaitu apa yang baik dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam walaupun datang dari peradaban orang bukan Islam. Soal berpakaian, pertuturan, adat dan sebagainya hendaklah dizinkan untuk diamalkan oleh golongan saudara baru di sepanjang tempoh mereka mendapat pimpinan daripada semua pihak lebih-lebih lagi pihak yang diberikan tanggungjawab khusus untuk mengendalikan kebajikan golongan saudara baru.

Dalam usaha untuk membawa golongan saudara baru secara berterusan ke arah kehidupan yang lebih sempurna hendaklah dipastikan ciri-ciri yang ingin diterap dan dibentangkan, mengambil kira soal hak dan keadaan mereka sebagai seorang insan yang mempunyai fikiran, perasaan, keperluan dan pengalaman yang berlainan daripada orang lain.⁸²

⁸¹ Abdul Munir Yaacob (2005), "Manusia Diikat Peraturan" dalam Abdul Munir Yaacob et. al.,(eds), *Islam Hadhari: Himpunan Isu Kontemporari*, Institut Kefahaman Islam Malaysia: Kuala Lumpur, hal. 12.

⁸² Kumpulan Petugas Jaringan Pusat Krisis Wanita (2000),*Ke arah Keunggulan*. Pulau Pinang: Juta Print h. 39.

Tujuan utama syariah adalah untuk menjaga kepentingan manusia dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Perkara yang menyentuh hak utama individu yang mesti dipelihara ada lima iaitu hak ke atas agama, nyawa (diri), akal, keturunan (maruah) dan harta. Pemeliharaan kepada kelima-lima perkara tersebut diberi jaminan oleh syarak di mana syarak menentukan hukuman yang berat ke atas pelanggaran hak-hak tersebut. Ini dapat dilihat sekiranya seseorang melakukan pencerobohan ke atas diri dan nyawa seseorang yang lain, hukuman *qisas* boleh dijatuhkan. Begitu juga sekiranya pencerobohan berlaku ke atas kehormatan seseorang dan harta benda, hukuman *had* boleh dikenakan dan begitu juga dalam isu-isu kesalahan jenayah yang lain.⁸³

vi) Menggunakan Kemahiran Untuk Mengajarkan Amal Soleh

Semua pihak terutama pihak yang diberikan tanggungjawab hendaklah menggunakan kebolehan mereka, mmengajarkan sebanyak mungkin amal soleh kepada golongan saudara baru. Ini adalah kerana mereka sangat-sangat berhajat untuk melakukan amalan-amalan tersebut disebabkan dorongan cahaya iman yang menyala di dalam hati masing-masing. Namun demikian golongan saudara baru sering mengutarakan rasa kekurangan diri disebabkan tidak tahu banyak perkara tentang ajaran Islam sama ada yang berkaitan dengan amalan fardu ain atau pun fardu kifayah.⁸⁴

Keadaan ini menjadikan mereka kurang berbakti dan beramal dan ianya sudah tentu mengurangkan amal soleh yang menyediakan pahala berganda untuk dibawa mengadap Ilahi. Pihak yang bertanggungjawab secara khusus dan umat Islam lain

⁸³ Abdul Munir Yaacob dan Norhanizah Ismail (2005), *op. cit.*, h. 8.

⁸⁴ Mohd. Ridhuan Tee Abdullah (2007), "Suara Mualaf Belum Masin". *Utusan Malaysia*, Mac 20, h. 17.

hendaklah sama-sama berperanan memberikan bimbingan kepada golongan saudara baru untuk melepaskan diri daripada belenggu kejahilan yang menjadikan mereka tiada kemampuan untuk menambahkan amal soleh dalam semua aspek kehidupan.

Dalam usaha mengajarkan amal soleh kepada golongan saudara baru kaedah dan cara tertentu mungkin boleh dipraktikkan iaitu: ⁸⁵

a) Authoritarian

Ia merupakan satu cara di mana pihak bertanggungjawab akan menentukan segala-galanya dan segala keputusan yang dibuat perlu diikuti serta dipatuhi. Golongan saudara baru tidak diberi peluang untuk mengeluarkan pandangan atau pendapat mereka tentang sesuatu perkara termasuk hal-hal peribadi. Ketegasan dalam pengajaran terhadap golongan saudara baru mungkin diperlukan terutama terhadap mereka yang menimbulkan pelbagai masalah.

b) Demokratik

Ia merupakan satu cara di mana pihak bertanggungjawab memberi peluang kepada golongan saudara baru untuk mengemukakan pandangan dan pendapat mereka akan diambil kira atau didengar untuk memberi keadilan dan hak mereka memilih sesuatu. Dalam melaksanakan kaedah ini pihak yang bertanggungjawab hendaklah menekankan aspek-aspek tanggungjawab, kepatuhan dan kesetiaan golongan saudara baru kepada Islam serta kekal menghormati pihak berkuasa yang diberikan tanggungjawab.

⁸⁵ Abd. Rahim Abd Rashid (2006), "Menangani Perkembangan Dan Masalah Tingkah laku Remaja Dalam Keluarga", dalam Abd. Rahim Abd. Rashid et. al. (eds.), *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., h. 83.

c) *lassie faire*

Ia merupakan satu kaedah di mana pihak bertanggungjawab terhadap golongan saudara baru memberikan kelonggaran dan tidak mengenakan kawalan yang ketat serta tidak tegas terhadap arahan yang diberikan. Kaedah ini merupakan pendekatan tidak campur tangan pihak berkuasa agama terhadap aktiviti agama di kalangan saudara baru.⁸⁶ Kaedah ini dianggap tidak berkesan dalam usaha untuk mengajarkan amal soleh kepada golongan saudara baru kerana mungkin ada dari kalangan mereka yang akan mengambil kesempatan menipu atau bercakap bohong, tidak mendengar nasihat dan tidak mengikuti ajaran yang ditunjukkan dan mereka mungkin berani untuk melakukan sesuatu perkara yang mendatangkan kesan buruk kepada agama Islam itu sendiri serta akan membawa golongan saudara baru terpesong dari ajaran Islam yang sebenar.

d) Kepimpinan Mesra (*Friendly*)

Ia merupakan satu kaedah di mana pihak bertanggungjawab terhadap golongan saudara baru sentiasa menunjukkan kasih sayang yang tinggi terhadap golongan berkenaan dan sentiasa menunjukkan kepimpinan mesra serta menganggap mereka sebagai kawan rapat. Kemesraan yang terjalin dapat mengukuhkan dan menjadikan pihak yang bertanggungjawab tempat yang selesa dan harmoni untuk golongan saudara baru berbincang dan menyelesaikan masalah yang dihadapi termasuklah masalah untuk meningkatkan amal soleh mereka. Konflik dan krisis antara pihak bertanggungjawab dan golongan saudara baru tidak akan berlaku dan sekiranya wujud, ia dapat dibendung di atas hubungan kemesraan dan tanggungjawab bersama.

⁸⁶ M. Umer Chapra (2005), *op. cit.*, h. 52.

e) Kepimpinan Menyokong (*Supportif*)

Ia merupakan satu kaedah di mana pihak bertanggungjawab terhadap golongan saudara baru menunjukkan corak kepimpinan *supportif* yang sentiasa menyokong, mengambil berat, membimbing dan mendorong golongan saudara baru agar sentiasa bersabar dalam melakukan amal soleh. Sebahagian amal soleh yang mungkin sukar difahami dan memerlukan masa untuk dilakukan dengan sempurna sebagaimana yang ditetapkan syarak mungkin tidak menjadi alasan bagi golongan saudara baru jika mereka sentiasa mendapat dorongan dan sokongan daripada semua pihak khasnya pihak berkuasa agama.

vii) Membawa Manusia Kepada Kesejahteraan Hidup Dunia Dan Akhirat

Golongan saudara baru memeluk Islam adalah kerana hidayah daripada Allah SWT yang berpunca daripada pelbagai sebab yang mengambil ruang masa yang panjang untuk diperbincangkan. Pihak bertanggungjawab hendaklah membawa mereka kepada kehidupan yang sebenar yang menjanjikan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Malang sekali kalau matlamat ini tidak kesampaian dan mereka berpatah balik kepada fahaman dan ajaran yang tidak bertepatan dengan Islam.

Dengan pemakluman yang lebih jelas oleh pegawai yang bertanggungjawab kepada golongan saudara baru akan memudahkan mereka menguruskan kehidupan mereka dan dalam masa yang sama mereka akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia mahupun di akhirat. Kehidupan mereka akan

difokuskan kepada kehidupan yang berperaturan seperti yang ditentukan Islam, agama yang kini menjadi anutan dan pegangan mereka.

Kesejahteraan yang dimaksudkan itu adalah selamat sentosa dan tidak terdapat apa-apa gangguan, aman dan tenteram (bebas daripada segala bencana), aman dan makmur, senang dan tenteram serta terpelihara daripada bencana.⁸⁷ Maka menjadi sebahagian tanggungjawab semua pihak khasnya pihak berkuasa agama yang diberikan mandat untuk membantu golongan saudara baru memperolehi kesejahteraan dalam kehidupan mereka di dunia lebih-lebih di akhirat.

⁸⁷ Zaleha Muhamat (2006), "Islam Dan Kesejahteraan Keluarga", dalam Abd. Rahim Abd. Rashid et. al. (eds.) *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h.198.

BAB TIGA

PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN (MAIS) DAN PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG (PAID)

3.0 PENGENALAN

Pengurusan aktiviti dakwah melibatkan saudara baru merupakan aktiviti yang penting dan perlu diselenggara dengan baik dan berkesan. Semua pihak yang terlibat sama ada pihak berkuasa agama yang diberi kuasa undang-undang atau sesiapa juga hendaklah memastikan aktiviti ini diselaraskan dengan baik agar tidak menimbulkan sebarang masalah. Untuk mendapatkan maklumat yang jelas tentang pengurusan dakwah terhadap saudara baru di PAID Klang, penulis akan memberikan tumpuan kajian terhadap pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang dilaksanakan oleh pihak terbabit secara khusus dan memperluaskan kajian kepada pihak-pihak lain yang terlibat.

3.1 PROGRAM-PROGRAM DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU: BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN (MAIS) SEBAGAI PENYELARASAN

Terdapat pelbagai aktiviti dan program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Insan (BPI), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) selaku penyelarasan program dan Unit Pembangunan Insan (UPI) Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Klang selaku urusetia di peringkat daerah untuk membantu golongan saudara baru menyelesaikan atau mengatasi masalah yang dihadapi. Program-program untuk

saudara-saudara baru ini melibatkan pelbagai aspek seperti yang dinyatakan yang tujuannya antara lain untuk meningkatkan kefahaman terhadap ajaran Islam, membantu meringankan masalah kewangan, mengatasi masalah tempat tinggal dan sebagainya.

Di antara aktiviti dan program yang dilaksanakan secara konsisten di antara tahun-tahun 2006 hingga 2008 dan dilaksanakan secara bersama oleh Bahagian Pembangunan Insan (BPI), MAIS dan semua Unit-Unit pembangunan Insan Pejabat-Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) termasuk PAID Klang ialah:⁸⁸

1. Kursus intensif Saudara Kita Cemerlang (Asas) – 11 Siri. Semua aktiviti kursus dilaksanakan setiap bulan (kecuali bulan Ramadan) memakan masa selama lima hari mulai Sabtu hingga Rabu. Kursus-kursus ini dilaksanakan di Warisan Sembilang Resort, Pantai Remis, Jeram, Kuala Selangor.
2. Kursus Intensif Saudara Kita (Lanjutan) – 2 siri. Semua aktiviti kursus dilaksanakan di El-Ezhar Camp, Pantai Morib, Banting, Kuala Langat.
3. Kursus Perkaderan Dakwah. Kursus ini juga dilaksanakan di El-Ezhar Camp, Pantai Morib, Banting, Kuala Langat.
4. Program Ziarah Ukhuwah. Program yang dilaksanakan ialah melibatkan lawatan ke Perkim Selangor dan beberapa individu penting seperti Dr. Nawi Jusoh, Dato' Aidit Ghazali (Akademi Aidit) dan Puan Nor Aisyah Chua (Pensyarah Undang-undang UiTM Shah Alam).
5. Menyedia dan meneruskan aktiviti-aktiviti berkaitan saudara baru seperti;
 - a) Pengislaman dan pendaftaran saudara baru

⁸⁸ Buletin MAIS (8/2006), *op.cit.*, h. 6.

- b) Bantuan pelajaran
- c) Bantuan bulanan
- d) Bantuan kecemasan
- e) Bantuan berkhatan
- f) Bantuan Hari Raya
- g) Bantuan perkahwinan
- h) Bantuan perumahan
- i) Bantuan modal perniagaan
- j) Bantuan khidmat nasihat

3.2 STRUKTUR ORGANISASI PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG

Unit Pembangunan Insan (UPI) di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Klang yang beralamat di Pejabat Agama Islam Daerah Klang Jalan Dato' Hamzah, 41300 Klang adalah merupakan salah satu unit yang ada di PAID Klang. Sebagai sebuah organisasi dan pihak berkuasa agama peringkat daerah, PAID Klang sebenarnya mempunyai pelbagai unit lain yang bergerak selari untuk memastikan urusan berkaitan hal ehwal Islam dan umat Islam diurus dengan baik dan berkesan.

Struktur Organisasi Kedudukan Pegawai Unit Pembangunan Insan PAID Klang yang jelas telah memudahkan lagi urusan pentadbiran berjalan dengan lancar. Secara umumnya PAID Klang mempunyai 10 unit utama yang telah ditentukan peranannya masing-masing. Unit-unit berkenaan mempunyai ketua dan staf-staf sokongan yang dilantik secara tetap untuk memudahkan pelaksanaan aktiviti dan program yang

ditetapkan berjalan dengan baik. Dalam masa yang sama terdapat staf yang dilantik tetapi tidak berada di PAID Klang seperti pegawai-pegawai pendidikan yang mengajar di sekolah-sekolah agama tadbiran JAIS. Begitu juga terdapat sejumlah amil yang dilantik melalui surat lantikan yang dikeluarkan oleh JAIS yang berada di kariah-kariah untuk membantu menguruskan hal ehwal umat Islam.


Sebagai sebuah Pejabat Agama Daerah yang menguruskan hal ehwal umat Islam di daerah masing-masing, sudah tentu peranan pejabat-pejabat agama daerah termasuk PAID Klang amat banyak. Keadaan ini memerlukan pentadbiran PAID Klang dibahagikan mengikut unit tertentu untuk memudahkan pelaksanaan bidang tugas seperti yang ditunjukkan dalam carta organisasi PAID Klang. Setiap unit mempunyai beberapa pembantu staf yang akan melaksanakan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran. Berdasarkan carta organisasi di bawah adalah jelas pentadbiran PAID Klang telah membahagikan bidang tugas dan tanggungjawab mengikut unit-unit tertentu yang bertanggungjawab terus kepada Pegawai Hal Ehwal Islam iaitu Pegawai Tadbir Agama peringkat daerah.

Jadual 3.1 : Carta Organisasi Kedudukan Unit-Unit Pejabat Agama Islam Daerah Klang



Sumber : Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan

Jadual 3.2 : Carta Organisasi Kedudukan Pegawai
Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Klang



Sumber : Pejabat Agama Islam Daerah Klang Selangor Darul Ehsan

Walaupun telah mempunyai unit dan sebilangan pegawainya sendiri, namun Unit Pembangunan Insan PAID Klang ini sebenarnya masih memerlukan tambahan staf untuk melaksanakan pelbagai aktiviti. Kekosongan jawatan Pembantu Hal Ehwal Islam sebelum ini telahpun diisi menjadikan kemampuan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan sudah dapat diatasi walaupun tidak sepenuhnya.⁸⁹

⁸⁹ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah., Penolong Pegawai Agama Islam, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 1 September 2007 jam 3.30 petang.

Oleh kerana Unit Pembangunan Insan (UPI) di PAID Klang ini agak kecil dan hanya mempunyai beberapa orang staf sahaja, maka semua aktiviti di unit ini dilaksanakan secara bersama iaitu melibatkan semua staf sama ada aktiviti itu diarahkan secara langsung dari Ibu Pejabat atau aktiviti dalaman yang telah mendapat kelulusan pihak atasan untuk dilaksanakan. Sebagaimana unit-unit lain, UPI ini juga mendapat kelulusan untuk mencari pembantu-pembantu luar yang dikenali sebagai ahli-ahli panel untuk membantu melaksanakan kelas-kelas pengajian fardu ain saudara baru.⁹⁰

Proses pentadbiran di unit ini berjalan seperti yang diamalkan di unit-unit lain di PAID Klang. Kebiasaannya staf akan mendapat arahan tertentu melalui mesyuarat, perjumpaan-perjumpaan rasmi atau perjumpaan-perjumpaan biasa dengan pegawai atasan atau pegawai unit. Sekiranya ada arahan-arahan dari pihak atasan melalui surat atau pekeliling berkaitan dengan tugas yang perlu dilaksanakan staf di unit ini, ia akan diedarkan kepada semua untuk dijadikan panduan.⁹¹

3.3 PELAKSANAAN PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU DI PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG SELANGOR DARUL EHSAN

Pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang dikendalikan Oleh Unit Pembangunan Insan PAID Klang bermula secara seiring dengan pembentukan Unit Dakwah Saudara Kita (UDSK) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Penubuhan unit ini adalah di

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ Encik Jamil bin Marsidi, Pembantu Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam daerah Klang. Temu bual pada 23.10.2008 jam 9.30 pagi.

bawah peruntukan enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor No. 3 Tahun 1952 (Pin. 88) iaitu Bahagian Yang Kedelapan Masuk Islam.⁹² Semenjak itu aktiviti-aktiviti dakwah terhadap saudara baru yang dipanggil saudara kita telah disusun dengan lebih kemas dan teratur.

Pengurusan dakwah terhadap saudara baru menjadi lebih tersusun lagi apabila Enakmen di atas mengalami pindaan mengikut Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu Bahagian IX Memeluk Agama Islam. Unit ini telah beroperasi di bawah Bahagian Pengurusan Dakwah dan berpindah daripada Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ke Bangunan Sultan Idris Shah pada Jun 2004. Ia dikendalikan oleh 13 orang pegawai dan kaki tangan di Ibu Pejabat dan 11 orang pegawai Mualaf yang ditempatkan di sepuluh Pejabat Agama Islam Daerah di seluruh Negeri Selangor.⁹³

Mulai 1 Mei 2005, keseluruhan aspek pentadbiran dan pengurusan UDSK, JAIS secara rasminya telah diletakkan di bawah kawal selia pihak pengurusan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berdasarkan keputusan mesyuarat MAIS yang telah bersidang pada 14 April 2005. Kini unit ini diberi nama baru iaitu Bahagian Pembangunan Insan (BPI) MAIS.⁹⁴

Di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Klang, pengurusan berkaitan dengan golongan saudara baru diletak di bawah Unit Pembangunan Insan yang diketuai oleh

⁹² “Mualaf Negeri Selangor, Masa Depan Dan Cabaran” , Buletin MAIS, bil. 4(8/2006): Majlis Agama Islam Selangor, h. 5.

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ *Ibid.*

seorang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam. Semasa kajian ini dilakukan, pengkaji berkesempatan berurusan dengan dua orang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam iaitu Encik Yaakob Alwi bin Abdullah dan Encik Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah. Ketua Unit dibantu oleh Pembantu Hal Ehwal Islam iaitu Nurul Ain bt Roslan, Amin Lum bin Abdullah, Jamil Marsidi, Mohammad al-Muis bin Jailan, Nor Fauzah binti Ahmadin dan Nor Aziah binti Abdul Aziz .

Selain itu diwujudkan juga di bawah seliaan Unit Pembangunan Insan PAID Klang beberapa orang pegawai khas yang dikenali sebagai Anggota Panel Dakwah, antaranya Pasiah bt Hashim, Dewiyana binti Sapardin, Khanan bin Yadi, Haron bin Ahmad, Tukipan bin Zahlan, Sulaiman bin Hamdani, Shazrul Redzuan bin Abdullah, Mohamad Shafiq bin Abdullah, Mohd. Danial Tan bin Abdullah, Harun Soon bin Abdullah dan Rauf bin Abdullah.⁹⁵ Anggota Panel Dakwah ini akan bertambah atau berkurang mengikut keperluan. Semasa perjumpaan pada tahun berikutnya, penulis dimaklumkan antara Anggota Panel Dakwah yang baru iaitu Yusri bin Abdullah, Zubaidah , Hasinah dan Abu Bakar Abdullah.⁹⁶

Adalah diharapkan pelaksanaan pengurusan dakwah terhadap saudara baru di UPI PAID Klang menepati konsep, ciri-ciri dan prinsip-prinsip pengurusan yang digariskan Islam seperti yang dihuraikan di dalam bab sebelum ini. Sekiranya ia dilaksanakan berdasarkan kepada huraian-huraian tersebut nescaya kesan positif yang

⁹⁵ Laporan Unit Pembangunan Insan (UPI) PAID Klang, Bulan Jun Tahun 2007.

⁹⁶ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Agama Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14.10.2008 jam 11.00 pagi.

menguntungkan semua pihak akan terserlah dan diharap dapat merungkai masalah-masalah seperti yang akan diperjelaskan dalam penulisan seterusnya.

Sepanjang berurusan dengan staf di UPI PAID klang, penulis boleh menyimpulkan bahawa, staf-staf tetap dan staf-staf tidak tetap telah cuba mengamal dan mempraktikkan aspek-aspek pengurusan yang dituntut oleh Islam. Kelemahan yang ada sentiasa diberikan penambahbaikan. Sebagai rumusan awal berdasarkan pemerhatian umum dan pergaulan singkat tersebut, dapat dirumuskan bahawa cara bekerja staf-staf berkenaan adalah seperti berikut:

- i) Mereka bekerja untuk memenuhi keperluan manusia dan keredaan Allah SWT.
- ii) Mereka bekerja dengan tekun dan ikhlas kerana Allah SWT.
- iii) Mereka mengutamakan syura dan bekerja secara satu pasukan.
- iv) Mereka bekerja dengan penuh iltizam, istiqamah dan menegakkan kebenaran.
- v) Mereka bersifat tawaduk dan rendah diri, tabah dan tetap pendirian.
- vi) Mereka berusaha untuk menegakkan yang makruf dan menghalang yang mungkar.

3.4 PROGRAM-PROGRAM DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU DI UNIT PEMBANGUNAN INSAN (PAID KLANG)

Di atas dasar keprihatinan dan amanah tugas untuk mengembangkan syiar Islam dan menjaga kebajikan golongan mualaf di Selangor yang jumlahnya sehingga Oktober 2005 seramai 15,291 orang ⁹⁷, setiap Pejabat agama Islam Daerah yang terdapat di seluruh pelusuk Selangor iaitu di Klang, Petaling, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Langat, Hulu Langat, Sepang, Sabak Bernam, Gombak Timur dan Gombak Barat sentiasa berusaha dan merancang untuk mengadakan aktiviti-aktiviti dan program dalam meningkatkan kefahaman golongan saudara baru terhadap ajaran Islam.

Aktiviti dakwah yang dilaksanakan telah disusun dengan penuh hikmah dan bijaksana. Ini bertujuan untuk mengelak wujudnya pandangan dan tohmahan yang mengatakan bahawa terdapat orang asli yang memeluk Islam kerana terikut-ikut dengan saudara mara seperti anak mengikut ibu bapa dan sebagainya serta terpengaruh dengan keadaan dan kemeriahan semasa majlis pengislaman berlangsung yang diserikan dengan kehadiran para pembesar, pegawai kerajaan, orang luar, kenduri-kendara serta puji-pujian yang telah mengangkat semangat untuk memeluk Islam pada hal belum wujud keikhlasan seseorang untuk memeluk Islam.⁹⁸

Sebagai asas kepada aktiviti-aktiviti tersebut setiap daerah menjalankan kelas pengajian asas fardu ain, terbuka kepada saudara-saudara baru yang berminat tanpa

⁹⁷ Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Insan (BPI) MAIS Tahun 2006, h. 9.

⁹⁸ Juli Edo (2006), *Retorik Pembangunan Orang Asli dalam buku bertajuk Malaysia Menangani Perubahan Dan Pembangunan* disunting Mohd Fauzi Yaacob, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 202.

mengira umur dan latar belakang. Ianya diadakan beberapa kali dalam seminggu mengikut kelapangan dan jadual yang diatur oleh guru yang mengajar. Kelas-kelas ini kebiasaannya diadakan pada waktu petang dan malam iaitu selepas selesai waktu bekerja ataupun diadakan pada hujung minggu melibatkan hari Sabtu dan Ahad.⁹⁹

Kelas-kelas bimbingan agama yang diselenggarakan oleh Unit Pembangunan Insan (UPI) PAID Klang adalah berdasarkan tempat dan kekerapan di mana ia dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam jadual 3.3 di bawah.¹⁰⁰

Jadual 3.3 : Jadual Kelas Pengajian Saudara Baru

Bil	Panel Dakwah	Tempat	Hari	Masa
1	Pasiah binti Hasim	Masjid Darul al-Muttaqin Sungai Udang	Isnin Rabu Sabtu	4.30 - 6.30 Ptg 4.30 - 6.30 Ptg 9.00 - 11.00 Pg
2	Dewiyana binti Saparudin	Masjid Al-Rahimiah Jalan Langat	Isnin Khamis	8.00 - 10.00 Mlm 8.00 - 10.00 Mlm
3	Haron bin Ahmad	Masjid Raudhatul Mukmin Sungai Pinang	Isnin Selasa Rabu	5.00 - 7.00 Mlm 5.00 - 7.00 Mlm 5.00 - 7.00 Mlm
4	Mohamad Shafiq bin Abdullah	Masjid Jamek al-Samadiah Pelabuhan Klang	Sabtu Ahad	9.00 - 11.00 Pg 9.00 - 11.00 Pg
5	Tukipan bin Zahlan	Masjid al-Saadah Bandar Sultan Suleiman	Sabtu Ahad	3.00 - 5.00 Ptg 3.00 - 5.00 Ptg
6	Yaakob Alwi bin Abdullah	Masjid al-Rahimin Teluk Menegun	Sabtu Ahad	2.30 - 4.30 Ptg 2.30 - 4.30 Ptg
7	Sulaiman bin Hamdani	Masjid Al-Syarif Meru	Sabtu Ahad	3.00 - 5.00 Ptg 3.00 - 5.00 Ptg

⁹⁹ Buletin MAIS. (8/2006). *Op. cit.* h.8.

¹⁰⁰ Laporan Bulanan Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang, Jun 2007.

“Jadual 3.3, Sambungan”

8	Abdul Rauf bin Abdullah	Pejabat Agama Islam Daerah Klang	Jumaat Sabtu	8.00 - 10.00 Mlm 8.00 - 10.00 Mlm
9	Harun Soong bin Abdullah	Pejabat Agama Islam Daerah Klang	Jumaat Rabu	8.00 - 10.00 Mlm 8.00 - 10.00 Mlm
10	Khanan bin Yadi	Surau Komplek MAIS, Klang	Selasa Rabu	8.00 - 10.00 Mlm 8.00 - 10.00 Mlm

Sumber : Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang

Selain kelas-kelas pengajian, pihak UPI PAID Klang juga menganjurkan aktiviti-aktiviti lain seperti berikut ¹⁰¹:

a) Program Ziarah

Melalui program ini, UPI PAID Klang mengadakan program ziarah ke tempat-tempat seperti Pulau Ketam, perkampungan Orang Asli, rumah muafak terpilih, Institut-Institut Dakwah seperti IDIP, PERKIM dan lain-lain dan pusat-pusat pengajian seperti Pondok Pasir Tumbuh Kelantan dan lain-lain.

b) Program Mini Forum

Melalui program ini para pegawai dari UPI PAID Klang dengan kerja sama pihak-pihak luar mengadakan perbincangan dalam kelompok yang kecil dengan golongan saudara baru di Pulau Ketam. Melaluinya para pegawai dapat mendengar masalah-masalah yang diutarakan golongan ini dan mencari jalan penyelesaian untuk mengatasinya.

¹⁰¹ Laporan Bulanan Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang, Jun 2007.

c) Program penghantaran saudara baru ke Pusat-Pusat Pengajian Kemahiran

Pihak UPI PAID Klang telah berusaha untuk memberikan kemahiran- kemahiran tertentu kepada golongan saudara baru untuk membolehkan mereka mencari pekerjaan yang bersesuaian. Di antara pusat pengajian kemahiran yang dipilih UPI PAID Klang ialah Kolej MLVK. Pada waktu yang ditetapkan pegawai UPI PAID Klang akan membuat lawatan kepada saudara-saudara baru yang menuntut di sini untuk memantau perkembangan pembelajaran dan penghayatan Islam mereka.

d) Program Tahlil Dan Membaca Surah Yasin

Aktiviti ini diadakan di Madrasah al- Faizin (rumah perlindungan mualaf lelaki) bertujuan untuk membiasakan saudara baru yang ditempatkan di sini membiasakan diri dengan amalan yang diamalkan dalam masyarakat orang Melayu yang tinggal di sekitar mereka, di samping merapatkan hubungan silaturrahim.

e)Aktiviti-Aktiviti Secara Langsung

Aktiviti-aktiviti lain yang dibuat secara langsung ialah seperti aktiviti siasatan mualaf di rumah kediaman. Ini dilakukan sekiranya pihak UPI PAID Klang mendapat maklumat mengenai adanya saudara baru yang tinggal di sesebuah kediaman atau taman-taman perumahan. Aktiviti-aktiviti secara langsung yang lain ialah penghantaran mualaf yang sakit ke hospital, membuat laporan polis terhadap mualaf yang menimbulkan masalah, penghantaran mualaf ke rumah perlindungan, membantu mualaf berpindah rumah, menghantar mualaf ke stesyen bas dan lain-lain.

f) Program Bantuan Kewangan

Dengan peruntukan yang diberikan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan pihak korporat yang disalurkan melalui MAIS dan JAIS, dilaksanakan pelbagai program dalam bentuk bantuan kewangan untuk golongan saudara baru, antaranya:

i) Bantuan Bulanan

Bantuan bulanan sebanyak RM250.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) diberikan kepada saudara baru yang memerlukan. Di antara syarat asas yang melayakkan seseorang saudara baru mendapat bantuan ini ialah seperti tidak mempunyai pendapatan tetap dan belum mempunyai pekerjaan. Untuk tahun 2007 jumlah peruntukan yang dikeluarkan hampir RM60,000.00.

ii) Bantuan Sewa Rumah

Bantuan ini diberikan kepada saudara baru yang menduduki rumah sewa tetapi menghadapi masalah untuk membayarnya, mungkin disebabkan ketiadaan pekerjaan tetap dan sebagainya. Berdasarkan rekod semasa untuk tahun 2007, hampir RM39,925.00 telah diperuntukan.

iii) Bantuan Kecemasan

Bantuan kecemasan diberikan kepada saudara baru atas sebab-sebab seperti perbelanjaan makan minum di awal pengislamannya, perbelanjaan tambang bas, perbelanjaan perubatan dan sebagainya. Untuk tujuan ini sebanyak perbelanjaan yang direkodkan ialah sebanyak RM295.90.

iv) Bantuan Perubatan/ Berkhatan

Bantuan ini diberikan kepada saudara baru sekiranya mereka bersedia untuk berkhatan sebagai kebiasaan orang Islam lelaki yang lain di samping ia dituntut oleh syariat Islam serta pelbagai hikmah yang terkandung di sebalik suruhan agama terhadapnya. Untuk memudahkan urusan ini biasanya ia dilakukan di klinik-klinik tertentu dan kos yang dikenakan di antara RM100.00 hingga RM400.00. Mengikut rekod, perbelanjaan untuk berkhatan ini berjumlah RM1078.00.

v) Bantuan Pendidikan

Bantuan pendidikan yang dimaksudkan adalah bantuan sokongan pendidikan berjumlah RM100.00 seorang. Jumlah keseluruhan untuk program bantuan sokongan ini ialah RM1,900.00. Selain itu bantuan pendidikan dalam bentuk dermasiswa untuk saudara baru yang menuntut di Pusat pengajian Tinggi telah disediakan. Untuk tujuan ini sebanyak RM13,800.00 telah disediakan. Sebahagian besar saudara baru yang menerima peruntukan ini adalah terdiri daripada anak-anak orang asli. Jumlah kasar keseluruhan peruntukan untuk bantuan pendidikan ini ialah RM15,700.00.

vi) Bantuan Gharimin

Bantuan ini diberikan kepada saudara baru yang menghadapi masalah untuk membayar pinjaman kenderaan, pinjaman peribadi dan pinjaman

perumahan. Untuk tujuan ini sebanyak RM25,238.06 telah direkodkan dan diberikan kepada saudara baru yang layak menerimanya.

vii) Bantuan Perniagaan

Bantuan perniagaan diberikan kepada sebahagian saudara baru yang terlibat dalam bidang perniagaan yang menghadapi masalah kewangan. Sebahagian bantuan digunakan untuk menambah modal perniagaan dan pembinaan kilang membuat mee/ roti. Untuk tujuan ini sebanyak RM76,000.00 telah diperuntukan.

viii) Saguhati Perkahwinan

Bantuan saguhati perkahwinan diberikan kepada sebahagian saudara baru yang ingin dan akan melangsungkan perkahwinan. Bantuan juga diberikan kepada pasangan-pasangan yang akan mengikuti kursus-kursus perkahwinan dan kekeluargaan. Untuk tujuan membantu pasangan-pasangan berkenaan sebanyak RM5000.00 telah diberikan dan setiap pasangan mendapat RM1000.00. Jumlah ini akan meningkat bergantung kepada jumlah pasangan yang akan mendirikan rumah tangga.

ix) Saguhati Hari Raya

Sempena 1 Syawal sebahagian besar saudara baru akan diberikan bantuan yang dikenali sebagai saguhati Hari Raya. Ia bertujuan untuk menambahkan lagi keceriaan mereka menyambut hari besar berkenaan.

Jumlah yang diperuntukan sekitar RM300.00 seorang. Jumlah peruntukan untuk menjayakan program ini agak besar juga dan bergantung kepada bilangan saudara baru yang berjaya dihubungi. Sekiranya jumlah saudara baru berkenaan seratus orang maka jumlah peruntukannya ialah RM30,000.00.

x) Bantuan Makan/ Minum Saudara Baru Di Rumah Perlindungan

Sebahagian saudara baru yang tidak mempunyai rumah akan ditempatkan di rumah perlindungan yang disediakan dan diberikan elaun makan/ minum bulanan sebanyak RM250.00 seorang. Jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan pada tahun 2007 sahaja ialah sebanyak RM14,500.00.

xi) Bantuan Membayar Bil Elektrik Dan Air Rumah Perlindungan

Selain daripada memperuntukan elaun makan/ minum kepada penghuni-penghuni rumah perlindungan, bayaran untuk bil elektrik dan air juga ditanggung. Jumlah peruntukan bagi tahun 2007 sahaja ialah sebanyak RM5,464.44.

xii) Bantuan Membaiki/ Membina Rumah

Terdapat sebahagian saudara baru telah diberikan peruntukan untuk membaiki rumah kediaman. Sebanyak RM30,000.00 telah direkodkan sebagai perbelanjaan untuk menjayakan program ini.

xiii) Bantuan Pelbagai

Bantuan pelbagai yang dimaksudkan ialah seperti bantuan membeli tiket kapal terbang atau tambang, penyewaan kenderaan, pembelian batu nisan, pindah rumah, perubatan tradisional, bayaran-bayaran penyertaan saudara baru ke seminar-seminar dan bengkel serta lain-lain. Sebanyak RM23,762.00 telah diperuntukan untuk tujuan ini.

Semua bantuan yang diberikan ini bertujuan untuk memberikan keselesaan dan kemudahan kepada golongan saudara baru menyelesaikan atau meringankan masalah yang mereka hadapi. Sumbangan ini diharap akan menambahkan rasa cinta dan sayang mereka kepada Islam dan terus bertapak kukuh di sanubari mereka. Dalam masa yang sama mereka boleh menumpukan usaha ke arah untuk menambahkan pemahaman terhadap ajaran Islam.

Secara umumnya diakui bahawa antara faktor yang mendorong golongan saudara baru tertarik dan terus bertaut kepada Islam ialah kerana kesungguhan Islam mengatasi masalah yang dihadapi oleh para penganutnya terutama golongan yang kurang berkemampuan. Walaupun bantuan yang diberikan bertujuan untuk melembutkan hati dan merapatkan golongan saudara baru kepada Islam, namun Islam tetap meletakkan syarat keikhlasan sebagai tunjang kepada pengislaman seseorang saudara baru. Setiap saudara baru telah dimaklumi tentang hal ini sejak di awal proses pengislaman mereka.¹⁰²

¹⁰² Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Agama Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14.10.2008 jam 2.30 petang.

3.5 PROGRAM-PROGRAM DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU PADA MASA HADAPAN: PERANCANGAN BERSAMA BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN UNIT PEMBANGUNAN INSAN

Terdapat pelbagai usaha dan aktiviti yang dicadangkan untuk dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Insan (BPI) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui unit-unit di bawahnya dalam merencanakan lagi aktiviti dakwah untuk masa terdekat dan akan datang. Antara perancangan yang telah ditetapkan ialah : ¹⁰³

1. Menetapkan sasaran untuk mengislamkan lebih dari seribu orang saudara baru setiap tahun.

Berkat sokongan dan kerja sama dari pelbagai pihak sasaran yang telah ditetapkan ini mampu untuk dicapai. Ini adalah berdasarkan situasi semasa dan keinginan orang ramai mendekati Islam setelah terbukti bahawa Islam sebenarnya menyeru kepada perdamaian bukannya perseteruan.

2. Memperkasakan komuniti saudara baru.

Komuniti saudara baru ini akan diperkasakan dengan ilmu agama yang lebih mendalam. Untuk itu dicadangkan lebih ramai golongan saudara baru dihantar belajar dan mendalami ilmu agama di Pusat-pusat Pengajian Tinggi sama ada di dalam dan di luar negara. Sehingga kini ramai kalangan saudara baru telah mengikuti pengajian di Institut Dakwah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

¹⁰³ Laporan Bulanan Unit Pembangunan Insan (Jun 2007), Pejabat Agama Islam Daerah Klang., h. 9.

3. Menyediakan prasarana yang lebih teratur dan lengkap di rumah-rumah perlindungan (*transit home*).

Rumah-rumah perlindungan akan disediakan dengan kelengkapan-kelengkapan yang lebih baik agar memberikan suasana kehidupan yang lebih selesa. Untuk tujuan itu, ruang tamu akan dilengkapi dengan set sofa, ruang dapur mempunyai peralatan untuk memasak dan sebagainya. Dengan adanya semua kemudahan ini diharap akan dapat menggembirakan golongan saudara baru yang ditempatkan di rumah-rumah perlindungan sedia ada iaitu di Shah Alam (untuk perempuan) dan di Klang (untuk lelaki).

4. Membina pusat latihan dan tarbiyah.

Pusat latihan dan tarbiyah yang khusus yang akan dibina ini adalah untuk menjana generasi pelapis pendakwah berkebolehan yang terdiri daripada kalangan saudara baru. Bimbingan yang diberikan diharap akan mengukuhkan lagi keyakinan dan pengetahuan mereka mengenai ajaran Islam dan berkemampuan pula untuk mendakwahkan ajaran Islam.

5. Memberi kemudahan dan menjaga kebajikan saudara baru.

Pihak BPI, MAIS dengan kerja sama PAID di seluruh Selangor termasuk PAID Klang berhasrat untuk menyedia dan memperuntukkan lebih banyak kemudahan dan berusaha dengan lebih gigih untuk menjaga kebajikan golongan saudara baru. Ini bertujuan agar nasib mereka lebih terbela dan mempunyai masa hadapan yang lebih baik dan diharap mereka mendapat pekerjaan yang boleh menampung kehidupan mereka. Dalam masa yang sama

mereka tidak lagi hanya menunggu dan mengharapkan bantuan yang disediakan.

Perancangan di atas diharap akan mengukuhkan usaha BPI, MAIS dan unit-unit di bawahnya untuk membela dan memberikan perhatian yang lebih khusus kepada golongan saudara baru di Selangor. Pelbagai aktiviti dan program yang telah dirancang diharap dapat memberi kefahaman kepada golongan saudara baru tentang peranan BPI, MAIS dan PAID yang sentiasa memberikan tumpuan untuk meningkatkan kebajikan mereka dalam semua aspek. Di samping itu BPI, MAIS dan PAID berharap aktiviti dan program yang dirancang dapat membuktikan bahawa golongan saudara baru tidak diabaikan bahkan telah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak bertanggungjawab.¹⁰⁴

3.6 PROGRAM DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU: AKTIVITI SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG UNIT PEMBANGUNAN INSAN PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG DAN BADAN-BADAN DAKWAH

Langkah pihak berkuasa agama dan badan-badan dakwah menyampaikan dakwah Islamiah telah merancakkan penyebaran dan penghayatan ajaran Islam di kalangan orang-orang Islam. Situasi ini dapat di lihat apabila semakin ramai umat Islam daripada pelbagai peringkat usia yang mendampingi masjid dan surau untuk mengikuti kelas-

¹⁰⁴ *Ibid.*

kelas bimbingan serta kuliah-kuliah agama bagi meningkatkan kefahaman mereka terhadap Islam. Pertambahan bilangan orang-orang bukan Islam menganut Islam juga menunjukkan bahawa syiar Islam semakin berkembang dari masa ke semasa.

Secara umumnya di Malaysia, antara badan-badan dakwah bukan kerajaan yang bergerak aktif dalam mengembangkan syiar Islam ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Jamaah Islah Malaysia (JIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Darul Fitrah, Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM), Saba Islamic Media Sdn. Bhd. (SIMSB), Jamaah Tabligh dan lain-lain termasuk orang perseorangan.

Dalam penulisan ini penulis menyatakan secara umum mengenai pertubuhan-pertubuhan atau badan-badan dakwah berkenaan dan dalam masa yang sama akan memberikan lebih tumpuan kepada pertubuhan-pertubuhan atau badan-badan dakwah bukan kerajaan yang ada hubung kait sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan Pejabat Agama Islam Daerah Klang.

a) Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang mula ditubuhkan pada 6 Ogos 1971¹⁰⁵ meletakkan prinsip dakwah dan amalan perjuangannya adalah untuk memenuhi tuntutan Islam sebagai ad-Din. Peranan ABIM dalam kegiatan dakwah Islamiah terhadap

¹⁰⁵ Ab Aziz Mohd Zin (2006), "Peranan Institusi Bukan Kerajaan Dalam Dakwah Di Malaysia", dalam Ab Aziz Mohd Zin et. al. , *Dakwah Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h.170.

golongan saudara baru dapat dilihat melalui program *Islamic Outreach (IQA)*.¹⁰⁶ Melalui unit khas ini golongan bukan Islam dan lebih-lebih lagi golongan saudara baru diberikan didikan dan panduan untuk memahami ajaran Islam yang sebenar. Program-program untuk memahami Islam yang disediakan adalah seperti program pengenalan, program permulaan, program pertengahan dan program lanjutan.

Golongan saudara baru dan *non-muslim* yang mengikuti *tarbiyah* menerusi program ini akan didedahkan dengan pendekatan yang sederhana. Mereka boleh mempelajari Islam secara tidak formal yang memudahkan mereka untuk mengemukakan soalan dan mereka yang belum memeluk Islam pula sama sekali tidak akan dipengaruhi untuk memeluk Islam. Mereka diberi kebebasan untuk membuat pilihan berdasarkan keyakinan dan kefahaman mereka. Ciri-ciri kesederhanaan yang ditekankan dalam program ini telah menarik minat golongan *non-muslim* untuk lebih bertanya mengenai Islam dan berani mendekati dan membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan Islam.¹⁰⁷

Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti *IQA*, *ABIM* tetapi mendapat maklum bahawa bilangan saudara baru dan golongan *non-muslim* dari daerah Klang yang mengikuti program dan menerima bimbingan dan bantuan daripada *IQA* agak ramai, namun jumlahnya tidak dapat dipastikan kerana tiada rekod khas yang disediakan dan menganggap saudara baru yang menyertai program *ABIM* adalah aktiviti dan inisiatif persendirian. Berdasarkan maklumat yang diperolehi pihak *ABIM* cuba membantu dan memberikan pertolongan

¹⁰⁶ Islamic Outreach ABIM Terima Sumbangan, <http://www.abim.org.>, 9 Mei 2008.

¹⁰⁷ *Ibid.*, h. 180.

kepada mereka yang memerlukan bantuan dari segi pekerjaan, pendidikan, perumahan, kaunseling dan perkara-perkara lain yang bersesuaian.¹⁰⁸

b) Persatuan Ulama Malaysia (PUM)

Persatuan Ulama Malaysia (PUM) telah ditubuhkan pada 2 Ogos 1974 melalui satu mesyuarat agung khas yang diadakan di Kolej Islam Klang (kini dikenali sebagai Kolej Islam Sultan Alam Shah atau KISAS) dan telah mendapat pengesahan sebagai sebuah pertubuhan yang sah daripada pihak Pendaftar Pertubuhan Selangor dan Wilayah Persekutuan pada 3 Disember 1974.¹⁰⁹ Sebagai sebuah pertubuhan yang bergerak aktif di sekitar Lembah Klang termasuk juga di Daerah Klang peranan-peranan yang dimainkan oleh pertubuhan ini banyak membantu Pejabat Agama Islam Daerah Klang dalam menyebarkan dakwah Islamiah di kalangan orang Islam dan juga bukan Islam.

Dalam melaksanakan misi dakwahnya, PUM telah bekerjasama dengan persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan Islam lain mengadakan majlis-majlis ceramah dan penerangan kepada semua pihak termasuk kepada golongan saudara baru dan *non-muslim*. Melalui majlis-majlis seperti ini PUM mengajak masyarakat ke arah meninggikan nilai-nilai akhlak dan rohaniah dan membasmi punca-punca keruntuhan akhlak dan moral, di samping memimpin masyarakat ke arah *amar makruf nahi mungkar* iaitu menyuruh kepada kebaikan, mencegah kemungkaran.¹¹⁰

¹⁰⁸ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 12 Februari 2008 jam 3.30 petang.

¹⁰⁹ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op. cit.*, h.192.

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 194.

Selain daripada aktiviti yang dilakukan di atas, pihak PUM juga banyak menjalankan kerja-kerja penyelidikan ilmiah dan mengeluarkan buku-buku yang sah di sisi undang-undang terutama yang menghurai secara jelas tentang sesuatu isu yang menimbulkan polemik seperti isu murtad, riba, kewangan dan pelaburan berkonsepkan Islam dan sebagainya untuk menjadi rujukan dan bahan bacaan orang ramai. Usaha ini telah memudahkan anggota masyarakat mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan dan kemusykilan-kemusykilan yang timbul dalam masyarakat.¹¹¹

Walaupun tidak mempunyai hubungan secara rasmi dengan setiap aktiviti dan program yang dilaksanakan PUM, namun Unit Pembangunan Insan PAID Klang sentiasa mengalu-alukan dan menghargai sumbangan PUM dalam memberikan kefahaman mengenai Islam kepada umat Islam khususnya golongan saudara baru. Menurut sebahagian saudara baru yang masih berurusan dengan UPI PAID Klang, mereka mengetahui tentang kewujudan PUM dan mereka menjadikan PUM sebagai salah satu badan untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai Islam dan isu-isu semasa. Justeru, PUM secara tidak langsung turut menyediakan aktiviti-aktiviti untuk memantapkan pemahaman saudara baru terhadap Islam.¹¹²

c) Jamaah Islah Malaysia (JIM)

Jamaah Islam Malaysia (JIM) bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang berasaskan Islam yang antara lain berperanan menyebarkan dakwah Islamiah di kalangan ummah

¹¹¹ Aktiviti dan Kegiatan, <http://www.e-ulama.org>. 11 November 2008.

¹¹² Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 12 Februari 2008 jam 3.30 petang.

dan masyarakat. JIM telah diluluskan perdaftarannya sebagai sebuah pertubuhan pada 27 Julai 1990. Berasaskan kepada perkataan *islah* yang ada pada namanya, JIM berusaha untuk membuat perubahan daripada persekitaran yang tidak baik kepada yang baik, membawa pembaharuan dan pembangunan serta mewujudkan perdamaian dan keamanan dalam setiap misi dakwahnya.¹¹³

Di Daerah Klang, UPI PAID Klang mendapat maklumat bahawa JIM turut sama dengan badan-badan dakwah lain memainkan peranannya dalam memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menghayati ajaran Islam yang sebenar. Sebahagian saudara baru yang masih berurusan dengan UPI PAID Klang memaklumkan bahawa mereka turut mendekati dan mengikuti aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh JIM demi untuk mempertingkatkan kefahaman mereka terhadap Islam.¹¹⁴

Sasaran JIM mencakupi semua orang Islam dan bukan Islam di semua peringkat seperti masyarakat awam, golongan pelajar, golongan pekerja dan sebagainya termasuklah golongan saudara baru. Ini adalah kerana JIM yang sering kali mengadakan programnya secara terbuka seperti program kerohanian, kaunseling, kerjaya, karnival sukan, rekreasi, kursus-kursus dan tarbiah telah menarik minat banyak golongan untuk bertanya mengenai Islam dan program-program dakwah yang dilaksanakan oleh JIM.¹¹⁵

¹¹³ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op. cit.*, h.196.

¹¹⁴ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 12 Februari 2008 jam 3.30 petang.

¹¹⁵ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op. cit.*, h. 211.

d) Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) ialah sebuah pertubuhan yang diasaskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada 20 Ogos 1960. Pertubuhan ini bergiat aktif dalam bidang kebajikan dan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam. Dalam usahanya untuk menubuhkan PERKIM, Tunku Abdul Rahman telah mengadakan persefahaman (MOU) dengan kerajaan Libya bagi mendapatkan pinjaman dan bantuan kewangan.¹¹⁶

Misi PERKIM antara lain bergiat aktif dalam bidang kebajikan dan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam. Sehingga kini, ia mempunyai bangunan sendiri setinggi 20 tingkat yang menjadi pusat kegiatannya di Jalan Ipoh Kuala Lumpur. Bangunan ini kemudiannya menjadi Kompleks PERKIM selepas perasmian pada 10 Oktober 1980. PERKIM juga mempunyai cawangan-cawangan di setiap negeri di Malaysia. Selain menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat, PERKIM juga menitikberatkan soal-soal kebajikan orang Islam khasnya golongan saudara baru seperti memberikan rawatan percuma, bantuan kewangan, bantuan pekerjaan, bantuan pengajian dan sebagainya.¹¹⁷

Di Daerah Klang, dalam usahanya untuk menjalankan aktiviti dakwah Islamiah kepada orang bukan Islam terutama mereka yang tidak menganut mana-mana agama, PERKIM telah mengadakan kerja sama dengan Pejabat Agama Islam untuk

¹¹⁶ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op.cit.*, h. 214.

¹¹⁷ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 12 Februari 2008 jam 3.30 petang.

mendapatkan ruang atau tempat untuk menjalankan operasi dan aktiviti mereka. Untuk tujuan itu PAID Klang telah memberikan keizinan kepada masjid sekitar Klang untuk memberikan ruang tertentu di masjid atau surau kepada cawangan-cawangan PERKIM untuk beroperasi.¹¹⁸

PERKIM telah melatih pegawai-pegawai dakwahnya sendiri yang terdiri daripada pelbagai bangsa atau kaum seperti Cina, India, Thai, Kemboja, Orang Asli dan daripada pelbagai etnik kaum di Sabah dan Sarawak untuk menyampaikan dakwah Islamiah dengan bahasa ibunda mereka sendiri.¹¹⁹ Situasi ini amat membantu golongan saudara baru untuk lebih mudah mendalami ajaran Islam. Pihak UPI PAID Klang sentiasa mengalu-alukan saudara baru untuk mendekati dan mengikuti program-program yang dianjurkan oleh PERKIM.¹²⁰

Dalam usahanya untuk memperkukuhkan semangat keislaman golongan saudara baru, PERKIM mengadakan ijtimak tahunan bagi golongan ini. Sebahagian besar golongan saudara baru dari seluruh negara termasuk dari Daerah Klang menghadiri perjumpaan ini dan melaluinya mereka dapat mengeratkan hubungan *ukhuwwah* Islamiah, memberi semangat sesama mereka untuk mengamalkan ajaran Islam, menambahkan kefahaman terhadap Islam, membolehkan mereka membincangkan isu-isu penting yang boleh membawa kebaikan kepada mereka serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kebajikan dan keharmonian hidup mereka sebagai muslim.¹²¹

¹¹⁸ *Ibid.*

¹¹⁹ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op.cit.*, h.214.

¹²⁰ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 12 Februari 2008 jam 3.30 petang.

¹²¹ Ustaz Yusuf Hassan, Penolong Pegawai Dakwah, PERKIM Cawangan Shah Alam, Temu bual pada 14 Mac 2008 jam 11.30 pagi.

e) Darul Fitrah

Darul Fitrah atau Persatuan Darul Fitrah Malaysia juga merupakan salah satu badan sukarela bukan kerajaan yang berperanan menyediakan kebajikan secara menyeluruh khasnya untuk golongan saudara baru di samping bergiat aktif dalam usaha menyebarkan dakwah Islamiah kepada orang-orang bukan Islam (*non-muslim*). Ia berjaya ditubuhkan hasil daripada perbincangan beberapa orang saudara baru yang ingin mengatasi masalah yang dihadapi mereka setelah menjadi seorang muslim. Keahlian persatuan ini terbuka kepada semua orang Islam khasnya golongan saudara baru.¹²²

Selepas penubuhannya secara rasmi pada 17 November 1990 dan berpusat di Taman Setiawangsa, Pusat Pentadbiran Darul Fitrah telah berpindah ke Kampung Pandan, Kuala Lumpur pada 1993, kemudian berpindah ke Seksyen 17, Petaling Jaya pada 24 Julai 1994 dan lokasi terakhirnya ialah di Lot 2868-26-m, Jalan Damansara, Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur.¹²³

Pihak UPI PAID Klang sedia maklum tentang peranan yang dimainkan oleh Darul Fitrah ini dan amat menghargai di atas sumbangannya dalam menyebarkan dakwah Islamiah terutama kepada golongan saudara baru. Usaha-usaha pertubuhan ini untuk memberikan khidmat kebajikan, pendidikan, kaunseling dan dakwah khasnya terhadap golongan saudara baru amat disanjung tinggi. Aktiviti penerangannya kepada masyarakat *non-muslim* khasnya ahli keluarga saudara baru yang tidak memeluk Islam

¹²² Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op. cit.*, h. 220.

¹²³ *Ibid.*, h. 222.

melalui media mereka telah banyak membantu UPI PAID Klang mengatasi masalah-masalah yang timbul di kalangan saudara baru.¹²⁴

Darul Fitrah juga berusaha ingin menjadi pelopor kepada penyatuan gerakan dakwah dalam kalangan saudara baru di Malaysia dan Nusantara dan juga berusaha untuk membina sebuah pusat aktiviti (*one stop centre*) seumpama sebuah kompleks yang menempatkan pejabat, kelas, perpustakaan, bilik seminar dan sebagainya untuk kemudahan saudara baru. Melaluinya, Ahli Jawatankuasa Darul Fitrah berharap usaha untuk meningkatkan kefahaman Islam dan memberikan bantuan kepada golongan saudara baru dalam pelbagai aspek dapat ditingkatkan.¹²⁵

Terdapat banyak aktiviti dan program yang bersifat utama, berkala dan bermusim yang telah dilakukan Darul Fitrah dalam usahanya mengukuhkan keimanan dan keyakinan golongan saudara baru terhadap ajaran Islam, antaranya Program Sehari Di Bumi Matrik yang diadakan di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang diisi dengan aktiviti ceramah, perbincangan berkumpulan, persembahan nasyid, solah fardu dan sunat secara berjamaah. Program ini disertai oleh ramai golongan saudara baru dan anak-anak yatim.¹²⁶

Terdapat juga program anak mualaf cemerlang di mana program ini memberi tumpuan khusus kepada aspek pelajaran dan pendidikan. Ia bertujuan untuk melahirkan

¹²⁴ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Mac 2008 jam 4.00 petang.

¹²⁵ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op. cit.*, h. 222.

¹²⁶ *Ibid.*, h.223.

anak-anak saudara baru yang cemerlang dalam pelajaran yang diharap suatu hari nanti akan dapat membantu ahli keluarga mereka yang memerlukan bantuan.¹²⁷

Selain daripada itu ada program untuk cuba memberikan kefahaman secara tidak langsung mengenai Islam kepada golongan Kristian terutama ahli keluarga saudara baru yang sebahagiannya beragama Kristian. Program ini bertujuan untuk memberikan penjelasan kepada ahli keluarga berkenaan agar tidak menyalahkan Islam kerana sebahagian ahli keluarga mereka telah memeluk agama Islam.¹²⁸

Oleh kerana kebanyakan program yang dianjurkan oleh Darul Fitrah ini banyak hubung kait dengan saudara baru, penulis mencadangkan kepada UPI PAID Klang agar mengguna pakai beberapa pendekatan yang telah digunakan oleh pertubuhan ini dan pihak UPI PAID Klang akan mempertimbangkannya.¹²⁹ Seterusnya terdapat juga kelas-kelas pengajian yang memperjelaskan konsep akidah Islam. Melaluinya Darul Fitrah cuba memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada saudara baru tentang konsep ketuhanan dalam Islam yang antara lain memfokuskan sifat dua puluh, *uluhiyyat* dan sebagainya.¹³⁰

Begitu juga program *Special Sessions On Correcting Common Misconceptions In Islam* yang diadakan bukan sahaja untuk saudara baru bahkan juga untuk golongan *non-muslim*. Tajuk-tajuk yang menjadi tumpuan perbincangan seperti aspek tuntutan menunaikan solah, kepercayaan kepada perkara-perkara ghaib, perbezaan antara ajaran

¹²⁷ *Ibid.*, h. 224.

¹²⁸ *Ibid.*, h. 225.

¹²⁹ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Mac 2008 jam 4.00 petang.

¹³⁰ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op.cit.*, h. 225.

Islam dengan budaya Melayu, konsep penyembahan terhadap Allah SWT dan lain-lain mampu membetulkan salah tanggap mereka terhadap Islam.¹³¹

Melalui program ini, urus setia Darul Fitrah berjaya membetulkan fahaman-fahaman yang salah mengenai Islam yang didakychkan oleh golongan yang anti kepada Islam seperti mengatakan Islam adalah agama yang kolot, Allah SWT itu tiada dan kenapa perlu menyembahnya, Islam menzalimi wanita khususnya dalam bab poligami, Islam menganjur peperangan dan kezaliman, masuk Islam bermakna masuk Melayu, Islam menyekat kebebasan dan sebagainya.¹³²

Seterusnya Darul Fitrah mengadakan program lawatan ke kampung Orang Asli, program pengagihan wang zakat yang diberikan oleh orang perseorangan dan organisasi tertentu kepada golongan yang layak, program lawatan dan kaunseling ke rumah-rumah saudara baru yang terpilih, program tazkirah sempena hari-hari kebesaran Islam, aktiviti lawatan ke hospital, aktiviti kelas sembahyang dan sebagainya.¹³³

Berdasarkan perkaitan rapat tujuan program-program ini diadakan dengan peranan dan tugas UPI PAID Klang seperti diperakui oleh salah seorang staf di unit ini, amatlah wajar sekiranya ia dijadikan panduan oleh UPI PAID Klang dalam mengurus dan melaksanakan aktiviti dakwah terhadap golongan saudara baru. Staf berkenaan turut memperakui bahawa sekiranya kerjasama melaksanakan program antara UPI

¹³¹ *Ibid.*

¹³² *Ibid.*, h. 226.

¹³³ *Ibid.*

PAID Klang dan Darul Fitrah dapat diadakan pengurusan dakwah terhadap saudara baru akan menjadi lebih berkesan.¹³⁴

f) Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)

MACMA atau *Malaysian Chinese Muslim Association* atau Persatuan Cina Muslim mula dirancang penubuhannya sejak Julai 1994. Idea penubuhannya adalah hasil perbincangan segolongan profesional Cina Muslim yang mengharapkan melaluinya orang Cina Muslim dapat mendekati dan berdakwah kepada masyarakat Cina bukan Islam. MACMA telah mendapat pengesahan sebagai sebuah pertubuhan yang berdaftar pada 8 September 1994.¹³⁵

PERKIM adalah antara pihak yang terlibat dalam merealisasikan usaha-usaha untuk menubuh dan menggerakkan persatuan ini. Dengan kebenaran PERKIM, MACMA telah diberikan ruang pejabat di tingkat M, Balai Islam, Jalan Ipoh untuk menjalankan aktivitinya. Selain daripada itu, PERKIM juga menaja beberapa prasarana untuk MACMA beroperasi. MACMA telah mengadakan kerjasama dengan banyak pihak seperti ABIM, Persatuan Darul Fitrah, Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI), JAIS, JAKIM dan lain-lain untuk melaksanakan pelbagai program yang dirancang.¹³⁶

¹³⁴ Ustaz Muhammad al-Muis bin Jailan, Pembantu Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 12 Februari 2008 jam 2.30 petang.

¹³⁵ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op.cit.*, h. 231.

¹³⁶ *Ibid.*, h. 231.

Di antara program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh MACMA ialah melaksanakan aktiviti dakwah di kalangan orang-orang Cina bukan Islam sehingga menyebabkan lahir ramai saudara-saudara baru. Setelah mereka menjadi saudara baru MACMA telah memperkuat keislaman mereka dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang membantu mengukuhkan akidah dan kefahaman serta penghayatan mereka terhadap Islam. MACMA juga menjaga kebajikan golongan saudara baru ini dan ahli-ahlinya dengan memperuntukan pelbagai bantuan seperti bantuan pendidikan, khairat kematian, sumbangan derma dan sebagainya.¹³⁷

Mengenai program dakwah di Daerah Klang, staf UPI PAID Klang memperakui bahawa MACMA telah berusaha mengimarahkan Balai Islam/ Surau di Pulau Ketam, melaksanakan aktiviti-aktiviti pendakwaan dan kelas agama di kalangan saudara-saudara baru di sana serta membantu menghulurkan bantuan kebajikan. Walau bagaimanapun usaha yang lebih bersungguh perlu dilakukan untuk memastikan golongan saudara baru di Pulau Ketam terus kekal dengan akidah dan kepercayaan mereka terhadap Islam kerana cabaran-cabaran yang dihadapi terutama dari aspek sosial dan budaya telah berjaya meluntur akidah dan kepercayaan yang dipegang.¹³⁸

g) Lain-Lain Pertubuhan

Selain daripada pertubuhan-pertubuhan yang dikemukakan di atas terdapat banyak lagi pertubuhan-pertubuhan dakwah lain yang juga turut berperanan dalam

¹³⁷ Aktiviti-Aktiviti Utama MACMA, <http://www.macma.org.my>, 16 November 2007.

¹³⁸ Ustaz Jamil bin Marsidi, Pembantu Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 12 Februari 2008 jam 4.00 petang.

membantu memantapkan pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Antaranya seperti Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) yang ditubuhkan sejak tahun 1976. KIMMA bertujuan untuk menjaga kepentingan masyarakat India dari pelbagai aspek dan berharap orang-orang India menjadikannya sebagai saluran untuk menyuarakan suara dan hak mereka sebagai rakyat Malaysia. Walaupun ia telah membuka banyak cawangan di kebanyakan negeri seluruh Malaysia, namun tidak semua cawangan-cawangan berkenaan aktif menjalankan aktiviti.¹³⁹

Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM) yang ditubuhkan pada 1973 juga berperanan untuk menjaga kebajikan masyarakat India Muslim di Malaysia yang mencakupi aspek-aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan lain-lain. PERMIM akan memajukan masalah-masalah yang dibangkitkan masyarakat India Muslim kepada pihak atasan khasnya pihak kerajaan untuk mendapatkan penyelesaian, tindakan dan bantuan yang sewajarnya.¹⁴⁰

Oleh kerana fungsi penubuhan PERMIM antara lain untuk menjaga kebajikan masyarakat India Muslim, maka dengan sendirinya ia telah membantu UPI PAID Klang melaksanakan pengurusan dakwahnya terhadap saudara baru dari kalangan orang India. Apabila terdapat seorang saudara baru dari kalangan kaum India maka PERMIM akan turut mengambil tahu masalah-masalah yang ada dan akan membantu mereka mengatasinya melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang telah disusun.¹⁴¹ PERMIM diakui telah berusaha untuk mengukuhkan akidah masyarakat India Muslim

¹³⁹ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op.cit.*, h. 227.

¹⁴⁰ *Ibid.*, h. 235.

¹⁴¹ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 18 Mac 2008 jam 10.00 pagi.

melalui kelas-kelas pengajian fardu ain, kelas al-Quran, kelas kefahaman Islam, ceramah khas dan sebagainya. Untuk mengukuhkan hubungan *silaturrahim* pula, program-program seperti majlis penyampaian bantuan Hari Raya, majlis dialog, majlis kebesaran Islam dan sebagainya telah diadakan.¹⁴²

Pertubuhan dakwah berikutnya yang juga berperanan membantu hal-hal berkaitan pengurusan dakwah terhadap saudara baru ialah Saba Islamic Media Sdn. Bhd. (SIMSB). Pertubuhan ini awalnya dikenali sebagai Saba Islamic Media (SIM) ditubuhkan pada 1989. SIMSB sebenarnya banyak terlibat dalam menghasil dan memasarkan produk-produk dakwah Islam dalam bentuk buku dan peralatan audio visual seperti kaset, pita video, CD kuliah agama, CD multimedia, perisian-perisian komputer, brosur-brosur, mewujudkan laman web membincangkan isu-isu semasa umat Islam dan sebagainya. Berdasarkan pendekatan yang digunakan, jelas menunjukkan SIMSB adalah merupakan sebuah institusi yang aktif dalam kegiatan dakwah Islamiah berasaskan media dan teknologi maklumat.¹⁴³

Dengan kepakaran yang ada di kalangan ahlinya, SIMSB telah mempertingkatkan komitmennya untuk melaksanakan usaha-usaha dakwah kepada masyarakat Islam termasuklah terhadap golongan saudara baru. SIMSB telah mengadakan kelas-kelas khas seperti kelas *Friendly Comparative* (FRC), kelas-kelas

¹⁴² *Ibid.*

¹⁴³ Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op.cit.*, h. 238.

umum, projek hotel al-Quran dan lain-lain untuk menjadi wadah kepada masyarakat memahami ajaran Islam yang sebenar.¹⁴⁴

Kumpulan Jamaah Tabligh juga turut memberikan bantuan secara tak langsung kepada aktiviti pendakwahan di kalangan umat Islam termasuk juga golongan saudara baru. Amalan Jamaah Tabligh yang antara lain memberikan tumpuan kepada pembinaan kekuatan akidah, kekuatan amal di kalangan para ahlinya dan turut mengajak seluruh umat Islam untuk sama-sama menguatkan akidah dan amal mereka.¹⁴⁵

Jamaah Tabligh yang bergerak selepas mereka menghadiri perhimpunan mingguan di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur akan melakukan aktiviti-aktiviti seperti *taalim* (membaca buku-buku berkaitan agama), ibadat khusus seperti sembahyang fardu dan sunat, berzikir dan membaca al-Quran dan buku-buku kelebihan beramal serta lain-lain, melakukan ziarah iaitu menziarahi rumah-rumah orang Islam yang berdekatan dengan masjid atau surau tempat mereka beriktikaf dan melakukan khidmat iaitu khidmat kepada diri sendiri dan orang lain serta membersihkan masjid.¹⁴⁶

Menurut Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah lagi, Jamaah Tabligh bergerak secara sendirian dan tiada hubungan secara langsung dengan PAID Klang untuk membantu meningkatkan aktiviti dakwah dan penghayatan agama di kalangan saudara baru. Pihak PAID Klang tiada halangan untuk memberikan keizinan kepada mereka

¹⁴⁴ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 15 Mei 2008 jam 2.30 petang.

¹⁴⁵ *Ibid.*

¹⁴⁶ *Ibid.*

untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti dakwah. Kehadiran jamaah ini ke masjid atau surau sesebuah kariah dan melakukan aktiviti dakwah di sekitar kariah berkenaan diakui turut membantu meningkatkan kefahaman agama di kalangan saudara baru yang sebahagiannya turut sama dengan jamaah ini apabila mereka berada di kawasan tempat tinggal mereka.¹⁴⁷

Selain daripada itu, UPI PAID Klang memperakui bahawa terdapat ramai juga orang perseorangan yang tampil membantu dan turut terlibat dalam hal-hal berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Orang perseorangan ini yang mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan, kedudukan dan taraf hidup yang baik turut memberikan sumbangan sama ada dengan memberikan khidmat pengajaran dan kuliah-kuliah atau kelas-kelas pengajian agama atau pun menghulurkan bantuan dalam bentuk kewangan.¹⁴⁸

Berdasarkan kepada apa yang dinyatakan di atas, adalah jelas bahawa pertubuhan-pertubuhan atau gerakan-gerakan dakwah yang berperanan secara kolektif atau individu amat membantu dalam memantapkan aspek pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Pihak bertanggungjawab terhadap saudara baru harus mengambil kesempatan dan peluang untuk bekerjasama dengan mereka demi untuk memantapkan aspek pengurusan mereka dan demi untuk kebaikan saudara baru itu sendiri. Bilangan saudara baru yang semakin meningkat dari masa ke semasa sehingga mencapai ratusan atau ribuan orang harus diurus dengan sebaik mungkin. Sebahagian besar dari mereka amat memerlukan bimbingan dan didikan dalam menunaikan tuntutan agama dan

¹⁴⁷ *Ibid.*

¹⁴⁸ *Ibid.*

sebahagian lagi memerlukan bantuan kewangan untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang insan.

BAB EMPAT
PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU :
ISU DAN MASALAH

4.0 Pengenalan

Aktiviti mengurus sama ada mengurus sesebuah organisasi atau mengurus seseorang atau sekumpulan orang bukanlah sesuatu yang mudah dan tiada cabarannya. Begitu juga dengan pengurusan dakwah terhadap golongan saudara baru, pihak MAIS/ PAID Klang, turut berhadapan dengan beberapa masalah dan cabaran. Namun demikian, pihak MAIS/ PAID Klang sentiasa berusaha untuk menyelesaikan apa juga isu dengan menggunakan pelbagai cara dan pendekatan. Mereka telah menyusun pelbagai langkah dan tindakan untuk memastikan golongan saudara baru sentiasa dibantu ketika atau sedang menghadapi masalah.

Penulisan ini akan cuba membentangkan beberapa isu dan masalah yang ada dan berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Masalah-masalah ini sebahagiannya dikemukakan secara umum dan dihadapi oleh pelbagai pihak dan sebahagian lagi dikemukakan secara khusus yang hanya berkaitan dengan pihak MAIS/ PAID Klang. Untuk mengenal pasti masalah-masalah yang berkaitan dengan tajuk penulisan ini, soal selidik telah disediakan dan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk memberikan maklum balas yang diperlukan. Selain dari itu, beberapa siri perjumpaan turut diadakan dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mendapatkan

pandangan mereka secara lansung berkaitan dengan aspek-aspek pengurusan dan pelaksanaan aktiviti dan pengurusan dakwah di kalangan saudara baru.

4.1 Isu Dan Masalah Di Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Klang

Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Klang tidak menafikan bahawa terdapat beberapa isu yang menjadi cabaran dan masalah yang terpaksa dihadapi semasa berurusan dengan golongan saudara baru. Aspek-aspek pentadbiran, undang-undang, kewangan, kemudahan tempat, masa yang terbatas dan sebagainya sering menjadi isu kepada aspek pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Keadaan ini lebih menyukarkan pihak yang terlibat apabila seseorang saudara baru itu membawa bersamanya masalah-masalah asas seperti ketiadaan tempat tinggal, masalah kewangan dan pekerjaan, keselamatan diri dan keluarga dan sebagainya.¹⁴⁹

Dalam usaha untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi Unit Pembangunan Insan PAID Klang dalam hal-hal berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru, antara aspek yang menjadi tumpuan dan kajian penulis adalah aspek-aspek seperti berikut:

¹⁴⁹ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Oktober 2008 jam 8.30 pagi.

4.1.1 Faktor Pengurusan Pentadbiran

Umumnya Unit Pembangunan Insan PAID Klang tidak menghadapi masalah dalam aspek pengurusan dan pentadbiran terhadap golongan saudara baru. Ini adalah kerana MAIS/ PAID telah membentuk satu bahagian atau satu unit yang jelas seperti yang dinyatakan di atas dan dijelaskan di dalam penulisan sebelum ini.

Namun begitu, pihak MAIS selaku pihak atasan yang mengawal selia semua aspek yang berkaitan dengan saudara baru sentiasa berusaha ke arah memperkemas struktur pengurusan dan pentadbiran bahagian atau unit yang bertanggungjawab dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Antaranya pihak MAIS akan memastikan bilangan pegawai dan staf adalah mencukupi. Di Unit Pembangunan Insan PAID Klang mulai awal tahun 2008 telah diluluskan pertambahan seramai empat orang staf. Dengan pertambahan tenaga ini diyakini semakin banyak aktiviti yang boleh dilakukan untuk memantapkan lagi aspek pengurusan dan pentadbiran.¹⁵⁰

. Sekiranya kekurangan pegawai dan staf tidak diatasi, kesan nyata dari kekurangan itu ialah banyak aktiviti yang melibatkan saudara baru seperti aktiviti ziarah dari rumah ke rumah, pelaksanaan kelas-kelas pengajian fardu ain dan fardu kifayah serta lain-lain aktiviti tidak dapat dilaksanakan dengan memuaskan. Urusan memberikan perkhidmatan semasa saudara baru hadir ke pejabat juga tidak dapat berjalan dengan lancar dan memakan masa yang agak lama. Keadaan saudara baru yang daif dalam kebanyakan hal seperti lemah dalam pembacaan dan penulisan, kurang

¹⁵⁰ *Ibid.*

memahami hukum hakam agama dan lain-lain menyebabkan urusan perkhidmatan yang diberikan memakan masa.¹⁵¹

4.1.2 Faktor Kewangan

Sebagai salah sebuah jabatan yang berada di bawah pentadbiran kerajaan negeri , Bahagian Pembangunan Insan MAIS/ Unit Pembangunan Insan PAID Klang telah mendapat peruntukan kewangan daripada kerajaan atau agensinya untuk melaksanakan urusan pentadbiran terhadap golongan saudara baru. Pegawai dan staf yang dilantik dibayar gaji dan diberi pelbagai kemudahan oleh kerajaan. Kemudahan pejabat yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan, kemudahan menggunakan kenderaan dan premis kerajaan seperti yang dinyatakan sebelum ini memberi ruang yang selesa untuk staf merancang dan melaksanakan program.¹⁵²

Terdapat juga pihak lain yang sentiasa memberi perhatian dan membantu bahagian atau unit ini . Lembaga Zakat Selangor (LZS) umpamanya telah menyalurkan peruntukan atau agihan kewangan yang diperlukan. Berdasarkan rekod dan dokumen berkaitan saudara baru yang dikemukakan kepada mereka, LZS telah mengagihkan secara teratur pelbagai bantuan dan sumbangan berdasarkan kelayakan seperti bantuan kerana kefakiran dan kemiskinan, bantuan menjalankan perniagaan, bantuan kelas fardu ain dan sebagainya kepada golongan saudara baru.¹⁵³

¹⁵¹ *Ibid.*

¹⁵² Ustaz Mohd Khanan bin Yadi, Pembantu Pegawai Dakwah, Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor. Temu bual pada 5 September 2007 jam 11.00 pagi.

¹⁵³ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Oktober 2008 jam 8.30 pagi.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga menyediakan peruntukan-peruntukan tertentu kepada MAIS/ PAID Klang untuk melaksanakan pelbagai program bagi kepentingan dan kebajikan golongan saudara baru. Antaranya peruntukan kewangan, bantuan mashaf al-Quran dan buku-buku agama, menaja program-program dan aktiviti-aktiviti tertentu dan sebagainya. Dengan peruntukan kewangan dan bantuan tersebut pelbagai aktiviti seperti yang dinyatakan dalam laporan aktiviti MAIS/ PAID Klang telah berjaya dilaksanakan.¹⁵⁴

Walau bagaimanapun berdasarkan perbincangan-perbincangan antara penulis dan guru kelas fardu 'ain, memaklumkan bahawa saudara baru berharap agar bantuan yang disalurkan perlu dinaikkan jumlahnya. Ini adalah kerana bantuan yang diberikan terutama bantuan kewangan untuk perbelanjaan keperluan asas tidak mencukupi dan tidak mampu untuk menampung kos kehidupan yang semakin meningkat. Tambahan pula terdapat sebahagian daripada saudara baru memang bergantung sepenuhnya kepada bantuan kewangan yang disediakan untuk membiayai pelbagai keperluan.¹⁵⁵

Pihak bertanggungjawab terhadap saudara baru menyedari bahawa sebahagian besar saudara baru amat bergantung kepada bantuan yang diberikan namun oleh kerana kadar yang diberikan adalah berdasarkan kepada ketetapan pihak atasan maka mereka dinasihatkan agar mencari alternatif lain untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan mereka. Mereka dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan daripada pelbagai

¹⁵⁴ *Ibid.*

¹⁵⁵ Mohamad Shafiq bin Abdullah, Panel Dakwah, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang, Temu bual pada 11 Mei 2008 jam 3.30 petang.

pertubuhan kebajikan, badan-badan korporat, masjid-masjid, orang perseorangan dan sebagainya.¹⁵⁶

4.1.3 Faktor Kemudahan Tempat

Dari aspek keselesaan untuk urusan pentadbiran, Bahagian Pembangunan Insan MAIS dan Unit Pembangunan Insan PAID Klang yang diberikan tanggungjawab khusus untuk mengurus dan mengendalikan urusan berkenaan saudara baru mempunyai kemudahan pejabat yang baik dan selesa serta keperluan peralatan yang dianggap mencukupi. Keadaan ini membolehkan segala aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan secara berpusat dan berstruktur. Sepanjang melaksanakan kajian ini, penulis berpendapat pihak bertanggungjawab diberi banyak kemudahan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru.

Walau bagaimanapun Bahagian Pembangunan Insan MAIS (BPI) dan Unit Pembangunan Insan (UPI) PAID Klang mengakui bahawa kemudahan gelanggang atau venue untuk melaksanakan aktiviti pendidikan terhadap golongan saudara baru masih kurang dan perlu ditambah. Antara keperluan tersebut ialah sebuah pusat atau akademi yang khusus untuk tujuan memberi latihan dan pendidikan kepada golongan saudara baru.¹⁵⁷

Namun demikian ketiadaannya tidak menghalang BPI MAIS/ UPI PAID Klang melaksanakan program-program yang dirancang. Ini adalah kerana kemudahan yang

¹⁵⁶ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 15 Mei 2008 2.30 petang.

¹⁵⁷ *Ibid.*

diberikan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan agensi kerajaan yang lain serta badan-badan swasta, boleh dijadikan sebagai tempat pengajian dan latihan untuk golongan saudara baru. Pihak JAIS khasnya telah memberi kebenaran kepada BPI MAIS dan UPI PAID Klang melaksanakan apa juga program yang diluluskan di bangunan-bangunan atau di pusat-pusat pendidikan di bawah JAIS termasuk pusat-pusat latihan, sekolah, masjid, surau dan rumah-rumah perlindungan.¹⁵⁸

4.1.4 Faktor Masa Melaksanakan Aktiviti Dakwah

Kelas-kelas pengajian untuk saudara baru diadakan bertujuan untuk menambah dan memantapkan ilmu dan pemahaman mengenai ajaran Islam di kalangan golongan ini. UPI PAID Klang telah menyusun jadual kelas pengajian mengikut lokasi seperti yang dinyatakan. Namun faktor masa sering kali menjadi alasan golongan saudara baru apabila tidak dapat menghadiri diri ke majlis yang diadakan. Pihak UPI PAID Klang secara prinsipnya menyerahkan kepada guru-guru kelas pengajian dan saudara baru yang terlibat untuk menetapkan masa yang bersesuaian.¹⁵⁹

Namun demikian, demi untuk memantapkan lagi aspek pengurusan dalam pengendalian kelas, usaha-usaha sedang dirancang agar lokasi kelas pengajian diadakan di kawasan berhampiran tempat tinggal golongan saudara baru yang akan memudahkan mereka untuk sampai ke kelas pengajian dalam masa yang sewajarnya. Dalam masa yang sama kos tambang untuk ke kelas-kelas berkenaan dapat dikurangkan. Untuk tujuan itu UPI PAID Klang telah menghantar surat kepada Nazir-Nazir masjid atau Pengerusi-

¹⁵⁸ *Ibid.*

¹⁵⁹ *Ibid.*

Pengerusi surau terpilih untuk memberikan kerjasama menyediakan tempat untuk kelas pengajian fardu ain kepada saudara baru yang tinggal berhampiran.¹⁶⁰

4.1.5 Faktor Perundangan

Dengan peruntukan undang-undang yang ada iaitu berdasarkan Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor No. 3 Tahun 1952 (Pin. 88) iaitu Bahagian Kedelapan Masuk Islam, dan Enakmen-Enakmen Pindaan Pentadbiran Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu Bahagian IX Memeluk Agama Islam, pihak MAIS tidak menghadapi masalah besar untuk melaksanakan agenda dan aktiviti yang melibatkan golongan saudara baru.¹⁶¹

Namun tidak dinafikan terdapat sesetengah pihak yang telah mencabar pihak berkuasa di mahkamah untuk menghalang tindakan pengislaman seseorang bukan Islam, menghalang pengkebumian, mencabar kesahan pembubaran perkahwinan, menghalang pengagihan harta dan sebagainya. Sebahagian dari kes-kes seperti ini dikemukakan sebagaimana berikut:¹⁶²

i. Kes Shamala a/p Sathiyaseelan V Dr Jeyaganes a/l C Mogarajah-

Kes ini memperlihatkan bagaimana cabaran Shamala a/p Sathiyaseelan untuk membantah pengislaman suaminya serta pembubaran perkahwinannya telah ditolak oleh mahkamah berdasarkan Seksyen 46(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor.

¹⁶⁰ *Ibid.*

¹⁶¹ Buletin MAIS, Ogos 2006:12 “Mualaf dan kesannya terhadap undang-undang”.

¹⁶² *Ibid.*

- ii. Kes Shamala a/p Sathiyaseelan V Dr Jeyaganes a/l C Mogarajah
Kes orang yang sama ini melibatkan tuntutan hak penjagaan anak. Permohonan Shamala untuk mendapatkan hak penjagaan anak hanya diberi oleh Mahkamah Tinggi Syariah sekiranya tiada unsur-unsur menjinakkan mereka kepada kekufuran.

- iii. Kes Moorthy .

Kes ini menunjukkan bagaimana permohonan balu M. Moorthy (nama Islamnya Mohamad bin Abdullah) iaitu S. Kaliammal untuk menguruskan jenazah M. Moorthy menurut adat istiadat agama Hindu ditolak oleh mahkamah berdasarkan Perkara 121(A) Perlembagaan Persekutuan.

Justeru untuk mengelakkan masalah berbangkit yang mungkin timbul, langkah-langkah perlu telah dilakukan UPI PAID Klang ketika melaksanakan proses pengislaman seseorang saudara baru. Antaranya mereka yang berkenaan akan dipastikan telah mencapai umur yang dibenarkan oleh undang-undang dan diberikan kefahaman yang bersesuaian mengenai keperluan-keperluan yang mesti dilakukan setelah memeluk agama Islam. Tujuannya untuk mengelakkan sesuatu yang tidak diingini seperti pergaduhan keluarga dan sebagainya.¹⁶³

4.2 Masalah Dalaman Saudara Baru

Saudara baru yang telah memilih Islam sebagai agama dan cara hidup sudah tentu akan menghadapi situasi baru yang mungkin menjadi cabaran kepadanya. Ini adalah kerana sebelumnya mereka telah mewarisi atau melaksanakan amalan dan ajaran agama yang berbeza dengan agama Islam yang ajarannya kini telah menjadi panduan dalam

¹⁶³ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Oktober 2008 jam 8.30 pagi.

menjalani kehidupan seharian. Cabaran-cabaran itu mungkin datang dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Penulisan ini akan cuba melihat cabaran-cabaran tersebut dan memberikan cadangan-cadangan yang bersesuaian untuk menjadi panduan kepada saudara baru mengatasi situasi yang dihadapi.

4.2.1 Faktor Peribadi

Berbeza dengan umat Islam yang dilahirkan dari kalangan keluarga yang mengamalkan Islam sebagai cara hidup, golongan yang baru memeluk Islam yang lebih dikenali sebagai saudara baru atau mualaf kadang-kadang terpaksa berhadapan dengan beberapa kesulitan dalam meneruskan kehidupan. Tambahan pula prinsip hidup mereka kini adalah prinsip hidup yang berbeza sama sekali dengan agama dan fahaman yang dianuti sebelum ini. Justeru untuk menyelesaikan permasalahan ini adalah menjadi tanggung jawab kepada saudara baru untuk memahami undang-undang yang berkaitan dengan proses pengislamannya.

Di antara isu yang berkait rapat dengan hal peribadi seseorang saudara baru ialah berkaitan dengan umur atau usia. Berdasarkan Bahagian 9 Seksyen 107 hingga 117 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, menyatakan bahawa seseorang yang ingin memeluk Islam secara sendiri di hadapan Pendaftar Mualaf hendaklah telah berusia 18 tahun. Sekiranya umurnya masih belum mencapai usia berkenaan ia hendaklah mendapatkan keizinan ibu bapa atau penjaganya.¹⁶⁴

¹⁶⁴ Buletin MAIS, Ogos 2006:12 “Mualaf dan kesannya terhadap undang-undang”.

Terdapat saudara baru yang ingin memeluk Islam tetapi belum mencapai tahap umur yang dibenarkan menurut undang-undang. Mereka yang berkenaan akan dinasihatkan agar mengambil sikap berhati-hati dengan pengislamannya kerana dibimbangi akan memberi masalah di kemudian hari. Dalam situasi seperti ini, mereka dinasihatkan agar menunggu masa yang sesuai untuk mengistiharkan diri sebagai seorang Islam. Mereka juga dinasihatkan agar tidak bertindak agresif sehingga menimbulkan pergaduhan dengan mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan hasratnya untuk memeluk Islam.¹⁶⁵

Terdapat juga isu kesukaran seseorang saudara baru untuk melaksanakan tuntutan Islam kerana ketidakmampuan melafazkan bacaan-bacaan yang ditetapkan. Ini disebabkan kebanyakan mereka tidak terdedah dengan penuturan dan penyebutan bahasa Arab. Justeru, ketika melafazkan ucapan dua kalimah sahadah,¹⁶⁶ mengucap kalimah istighfar, membaca surah-surah tertentu dari al-Quran mereka menghadapi kesukaran untuk melafazkannya. Keadaan ini menjadikan sebahagian saudara baru tidak mengamalkan ajaran agama setelah memeluk Islam.¹⁶⁷

Walaupun ianya dianggap cabaran di awal proses pengislaman, staf UPI PAID Klang diminta untuk menjelaskan dengan baik bahawa lafaz-lafaz yang diminta diucapkan itu tidaklah perlu dilafazkan dengan penuh kesempurnaan. Pegawai berkenaan diminta untuk membantu bagi memudahkan proses mengucapkan shahadah

¹⁶⁵ *Ibid.*

¹⁶⁶ Mengucap dua kalimah shahadah merupakan syarat asas untuk seseorang memeluk Islam.

¹⁶⁷ Ustaz Mohd Khanan bin Yadi, Pembantu Pegawai Dakwah, Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor. Temu bual pada 5 September 2007 jam 11.00 pagi.

dan kalimah-kalimah istighfar dan sebagainya sekadar yang termampu asalkan mencapai maksud pengucapan.¹⁶⁸

Hasil daripada perbincangan penulis dengan pihak-pihak bertanggungjawab, didapati mereka sebenarnya telahpun menggunakan pendekatan yang tidak menyusahkan saudara baru dalam menuturkan kalimah-kalimah atau perkataan-perkataan dari bahasa arab yang menjadi bacaan wajib atau sunat sewaktu mengerjakan ibadat. Justeru sikap saudara baru yang menjadikan isu ini sebagai alasan untuk mengabaikan ajaran agama tidak sepatutnya berlaku. Tambahan pula guru-guru kelas fardu ain sentiasa memberikan bimbingan dan tunjuk ajar untuk menambahbaik bacaan dan sebutan bacaan mereka.

4.2.2 Faktor Keluarga

Sebahagian saudara baru terpaksa menghadapi tentangan yang hebat daripada ahli keluarga apabila ia menyatakan keislamannya. Keadaan kesukaran yang ditimbulkan oleh kaum keluarga bergantung kepada kedudukan ahli keluarga saudara baru itu sendiri. Seandainya ahli keluarga terutama ibu bapa begitu mengambil berat tentang isu agama dan ingin memastikan seluruh ahli keluarga kekal dan mengikuti ajaran agama asal maka kesukaran yang dihadapi seseorang saudara baru itu lebih ketara seperti berlaku pemulauan, penganiayaan, tidak lagi diberi bantuan kewangan dan harta benda serta lain-lain.¹⁶⁹

¹⁶⁸ *Ibid.*

¹⁶⁹ *Ibid.*

Situasi di atas akan menjadi bertambah rumit dan sukar sekiranya jika seseorang saudara baru itu seorang pelajar atau tidak mempunyai pekerjaan dan bergantung hidup kepada ahli keluarga. Ketiadaan sumber pendapatan sendiri menjadikan ahli keluarga lain memberikan tekanan dan kawalan yang berterusan dan dalam masa yang sama timbul ugutan-ugutan untuk memberhentikan bantuan dan saraan yang diberi sehingga membantutkan aktiviti kehidupan harian.¹⁷⁰ Dalam situasi di atas, pihak bertanggungjawab akan cuba membiayai kos pembelajaran dan pembelian keperluan asas, namun jumlah yang diterima tentulah agak terhad dan tidak mampu menampung mengatasi masalah berkenaan keseluruhannya.¹⁷¹

Di antara masalah lain yang dihadapi oleh golongan saudara baru ialah pemuluan ahli keluarga yang berterusan dan gesaan-gesaan supaya kembali kepada agama asal sehingga ke tahap ugutan untuk mencederakan atau tindakan bunuh. Hasil daripada temu bual yang dilakukan, kes-kes seperti ini biasanya ditangani secara berhati-hati oleh pihak yang bertanggungjawab. Saudara baru yang menghadapi masalah di atas biasanya diberi perlindungan sementara, diminta membuat laporan polis dan sebagainya agar tiada perkara buruk yang akan berlaku.¹⁷²

Di antara langkah seterusnya yang dilakukan ialah pihak bertanggungjawab akan merahsiakan maklumat pengislaman seseorang saudara baru, menempatkan mereka di rumah-rumah perlindungan sedia ada, mendapatkan bantuan pihak polis dan

¹⁷⁰ Ustaz Muhammad Yusof Ong bin Abdullah, Ketua Penolong Pegawai Dakwah, Bahagian pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor. Temu bual pada 5 September 2007 jam 11.30 pagi.

¹⁷¹ *Ibid.*

¹⁷² Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Oktober 2008 jam 8.30 pagi.

lain-lain tindakan yang wajar seperti menyerahkan kepada keluarga angkat dan sebagainya.¹⁷³

Selain daripada itu terdapat juga sesetengah ahli keluarga mengambil tindakan mahkamah untuk mencabar kesahihan proses pengislaman seseorang saudara mereka. Sekiranya ini berlaku sudah tentu proses yang agak lama diperlukan untuk membolehkan seseorang saudara baru bebas membuat pilihan dan kadang kala menuntut perbelanjaan tambahan. Justeru sebelum perkara seperti ini berlaku pihak bertanggungjawab akan memastikan proses pengislaman seseorang menepati kehendak undang-undang yang diamalkan. Selain daripada itu dokumen-dokumen berkaitan akan dikemaskini untuk memudahkan tindakan susulan sekiranya timbul perkara-perkara berbangkit.¹⁷⁴

4.2.3 Faktor Rakan

Terdapat sebahagian golongan saudara baru menghadapi masalah dengan rakan-rakan setelah mereka memeluk Islam. Ada saudara baru melaporkan bahawa mereka dipulaukan oleh rakan-rakan, bahkan turut dimusuhi dan diancam. Golongan saudara baru dari kalangan pelajar sering menghadapi masalah ini di mana ada rakan sepengajian tidak lagi ingin bergaul seperti dulu bahkan mula menjauhkan diri. Keadaan ini menjadikan golongan saudara baru berkenaan berada di dalam situasi seolah-olah

¹⁷³ *Ibid.*

¹⁷⁴ *Ibid.*

sudah jatuh ditimpa tangga iaitu masalah bukan hanya dengan ahli keluarga bahkan masalah juga wujud dengan rakan-rakan.¹⁷⁵

Menurut sesetengah guru yang mengajar kelas fardu ain, terdapat saudara baru yang mengemukakan masalah di atas dan memohon bantuan untuk menyelesaikannya. Masalah yang dibangkitkan ialah terdapat sebahagian rakan-rakan tidak mahu menyewa atau tinggal serumah lagi dengan saudara baru berkenaan. Keadaan ini menyukarkan saudara baru berkenaan untuk membayar sewa rumah dan kos-kos lain yang selama ini dikongsi bersama.¹⁷⁶

Penulis pernah berhadapan dengan isu seperti ini ketika membantu saudara baru yang berasal dari Sarawak dan berpandangan ianya merupakan perkara biasa dan memberi nasihat agar saudara baru berkenaan menunjukkan sikap berhikmah untuk mengatasi masalah yang timbul. Sekiranya perlu saudara baru berkenaan dinasihatkan agar mencari rumah sewa yang lain atau menyewa bersama saudara seagama yang mungkin lebih prihatin dengan masalah yang dihadapi.

4.2.4 Faktor Kewangan

Masalah kewangan biasanya dihadapi oleh saudara baru yang masih belajar dan yang tidak bekerja. Sebelum memeluk Islam, mereka mendapat bantuan kewangan daripada ahli keluarga terutama ibu bapa. Kini setelah memeluk Islam, bantuan tidak lagi diberi sebagaimana biasa kerana tidak bersetuju dengan agama baru yang telah dianuti. Hal ini didorong oleh perasaan marah dan dendam sebahagian ahli keluarga

¹⁷⁵ *Ibid.*

¹⁷⁶ Tukipan bin Zahlan, Panel Dakwah Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 10 Mei 2008 jam 4.00 petang.

terhadap saudara mereka yang memeluk Islam dan mengambil tindakan menyekat atau menghalang apa juga bantuan sampai kepadanya.¹⁷⁷

Semasa kajian ini dilakukan, beberapa temu bual dengan sebahagian saudara baru telah dilakukan. Kesimpulannya didapati masalah kewangan sering kali menjadi topik perbincangan utama. Ini bermaksud saudara baru amat mengharapkan bantuan kewangan daripada pihak berwajib untuk membolehkan mereka menyelesaikan banyak perkara asas seperti untuk membeli keperluan harian, membayar sewa rumah, menyediakan modal perniagaan dan sebagainya.¹⁷⁸

Keadaan ini timbul adalah kerana mereka tidak menjangka akan menghadapi situasi seperti di atas dan dalam masa yang sama tidak lagi ingin menanggungkan kemasukan mereka ke dalam agama Islam. Isu ini disahkan berlaku kerana sepanjang tempoh penulis mendekati golongan saudara baru, sebahagian besar daripada mereka bergantung hidup kepada pelbagai bantuan yang diberikan. Mereka tidak mempunyai perniagaan atau pekerjaan yang membolehkan mereka menghadapi masalah kewangan yang timbul.

4.2.5 Faktor Pekerjaan

Saudara baru yang tidak mempunyai pekerjaan tetap atau langsung tidak mempunyai pekerjaan merupakan golongan saudara baru yang banyak menghadapi masalah untuk menyara kehidupan diri dan keluarga. Begitu juga jika saudara baru itu masih dalam

¹⁷⁷ *Ibid.*

¹⁷⁸ *Ibid.*

sesi pengajian atau tiada kelulusan akademik yang baik untuk memohon sesuatu pekerjaan atau tiada kemahiran yang bersesuaian dengan alam pekerjaan. Dengan peruntukan yang disediakan, pihak bertanggungjawab telah cuba menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Selain daripada itu terdapat juga saudara baru yang telah berusia dan tidak mampu untuk bekerja dan golongan ini akan dibantu dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.¹⁷⁹

Pihak pejabat agama mengakui bahawa memang terdapat golongan saudara baru yang tidak mampu untuk bekerja kerana faktor kesihatan dan usia, namun mereka dinasihatkan juga untuk menambahkan pendapatan dengan mencari pekerjaan yang bersesuaian. Ini adalah kerana jumlah bantuan yang disediakan adalah terhad dan mungkin ada masanya tidak dapat disalurkan pada masa yang ditetapkan kerana masalah penapisan atau penyediaan dokumen dan sebagainya.¹⁸⁰

Dalam hal yang berkaitan penulis juga mendapat maklum bahawa terdapat sesetengah saudara baru yang tidak bersungguh-sungguh mencari pekerjaan dan tidak bekerja dengan baik setelah diberi peluang. Sikap peribadi yang buruk seperti selalu tidak hadir bekerja, tidak amanah terhadap tugas, melawan majikan dan seumpamanya sering menjadi rungutan majikan yang memberi ruang kepada saudara baru untuk bekerja.

4.2.6 Faktor Kefahaman Terhadap Islam

¹⁷⁹ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Oktober 2008 jam 8.30 pagi.

¹⁸⁰ *Ibid.*

Sebahagian saudara baru menghadapi masalah untuk meningkatkan kefahaman mereka terhadap ajaran Islam. Selain daripada kelemahan peribadi seperti tiada kesungguhan dan kemahuan untuk belajar, kekurangan tempat pengajaran formal yang bersesuaian dengan tahap keilmuan mereka juga merupakan suatu isu dan perlu diatasi oleh pihak bertanggungjawab. Isu-isu seperti yang dinyatakan perlu diselesaikan sekiranya masyarakat umat Islam ingin melihat golongan saudara baru memahami dan menghayati ajaran Islam meningkat dari masa ke semasa.

Berdasarkan makluman umum dari paparan media, menunjukkan sebahagian saudara baru tidak meneruskan pembelajaran dan pemahaman mereka mengenai Islam selepas memeluk Islam. Sedangkan mereka perlu memahami Islam sebaik mungkin jika inginkan kebaikan daripadanya kerana Nabi Muhammad SAW ada bersabda yang bermaksud barang siapa yang Allah SWT hendakkan kebaikan pada seseorang nescaya diberikan kepadanya kefahaman tentang agama.¹⁸¹ Oleh itu saudara baru tidak harus memberikan pelbagai alasan jika ingin mendapatkan kebaikan daripada Allah SWT.

Umum mengakui bahawa untuk memahami ajaran Islam penekanan kepada yang asas amat perlu sebelum seseorang itu mempelajari bidang ilmu yang lebih luas. Pemahaman yang betul pada peringkat asas akan memudahkan pemahaman pada peringkat-peringkat yang seterusnya dan memahami ajaran Islam secara salah dapat dihindari. Justeru, pihak bertanggungjawab telah berusaha untuk memastikan golongan saudara baru mengikuti kelas-kelas bimbingan yang diadakan. Isu-isu yang timbul

¹⁸¹ Abi Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazali (1992), *Ihya' Ulum al-Din*, j.1, Beirut: al-Maktabatu al-'Asriyyah, h. 11.

seperti kedudukan kelas yang jauh dari tempat tinggal akan cuba diatasi dan ini terbukti dengan pembentukan zon-zon pengajian mengikut lokasi seperti yang dinyatakan dalam kajian ini.¹⁸²

¹⁸² Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Oktober 2008 jam 8.30 pagi.

BAB LIMA

ANALISIS PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU

5.0 Pengenalan

Bab ini akan menganalisis dapatan soal selidik dan temu bual berkaitan dengan aspek pengurusan dakwah terhadap saudara baru berdasarkan pandangan kedua-dua belah pihak iaitu pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dakwah dan pihak saudara baru itu sendiri. Untuk tujuan tersebut, penulisan bab ini akan dibahagikan kepada beberapa pecahan atau bahagian. Terlebih dahulu ia akan membincangkan profil responden melibatkan staf UPI PAID Klang dan saudara baru, sikap terhadap pengurusan dakwah berdasarkan persepsi staf dan saudara baru, persepsi staf dan saudara baru terhadap program-program serta aktiviti-aktiviti dakwah yang dilaksanakan dan cadangan penambahbaikan program atau aktiviti pengurusan dakwah terhadap saudara baru, juga mengikut persepsi staf dan saudara baru.

Staf Unit Pembangunan Insan (UPI), Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Klang adalah pihak yang terlibat secara khusus dalam kajian selaku pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Di samping mereka, turut dilibatkan ialah pihak pengurusan di peringkat induk iaitu di Bahagian Pembangunan Insan (BPI), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Tujuannya antara lain untuk melihat aspek penyelarasan yang wujud antara bahagian dan unit.

Kumpulan responden daripada kumpulan saudara baru pula ialah kumpulan saudara-saudara baru yang hal ehwal proses pengislaman dan penghayatan ilmu fardu

ain dan fardu kifayahnya serta pengurusan pengagihan bantuan kewangan dan barangan diuruskan oleh Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Di samping itu, temu bual dan pemerhatian umum turut dilakukan, bertujuan untuk menyokong beberapa pandangan yang disuarakan oleh kedua-dua responden utama kajian ini.

5.1 Dapatan Soal Selidik Staf Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Klang

Staf-staf di unit ini telah memberikan kerja sama yang amat baik dalam sesi temu bual dan proses pengisian borang soal selidik. Melalui temu bual dan pertanyaan-pertanyaan secara formal dan tidak formal, penulis telah mendapatkan pandangan mereka berkaitan pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang dilaksanakan di unit ini. Rumusan keseluruhan pandangan dan pendapat mereka dinyatakan dalam tajuk-tajuk berikutnya selepas perbincangan mengenai profil responden.

5.1.1 Profil Responden

Di UPI PAID Klang, terdapat lima staf berjawatan tetap, tiga lelaki dan dua wanita yang bertanggungjawab secara langsung dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan saudara baru. Mereka bertanggungjawab untuk memastikan segala program dan perancangan yang disusun untuk golongan saudara baru dilaksanakan dengan sempurna.¹⁸³

¹⁸³ *Ibid.*

Berdasarkan pemerhatian penulis, semua tugas-tugas yang ditetapkan di unit ini, dilaksanakan secara bersama. Ini adalah kerana sebahagian dari tugas-tugas itu seperti tugas pemantauan dan penghantaran bantuan serta program ziarah ada ketikanya melibatkan pelbagai jantina. Jumlah Staf yang kecil tetapi aktiviti yang ingin dilaksanakan agak banyak tentulah memerlukan tenaga kerja yang ramai.

Dengan kerja sama ini aktiviti-aktiviti pemantauan kelas-kelas fardu ain, penghantaran barangan bantuan ke rumah-rumah sewa dan rumah perlindungan, aktiviti soal siasat saudara baru yang bermasalah dan sebagainya disempurnakan dengan lebih cepat. Walau bagaimanapun tugas-tugas staf wanita lebih kepada melaksanakan tugas-tugas berkaitan pekerjaan seperti menyediakan laporan-laporan dan surat-surat rasmi.¹⁸⁴

Dari sudut bangsa, staf berbangsa Melayu adalah lebih ramai iaitu 4 orang dan seorang berbangsa India. Keadaan ini telah menjadi kelaziman berdasarkan permohonan-permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan banyak diterima dari kalangan orang Melayu yang umumnya adalah beragama Islam. Kehadiran orang-orang India atau Cina dan lain-lain kaum bumiputra untuk memohon jawatan-jawatan tertentu di Pejabat Agama Islam Daerah Klang bergantung kepada minat dan penghayatan mereka setelah memeluk Agama Islam.¹⁸⁵

Mengenai tahap pendidikan, penulis dimaklumkan sebahagian besar responden terdiri daripada staf yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan tamat

¹⁸⁴ *Ibid.*

¹⁸⁵ *Ibid.*

pengajian di sekolah-sekolah aliran agama. Keadaan ini bersesuaian dengan gred jawatan yang ditawarkan dan keperluan pemahaman terhadap hal-hal yang berkaitan dengan hal ehwal Islam. Untuk memastikan tahap kerja yang memuaskan mereka sentiasa dibekalkan dengan matlumat-matlumat semasa yang diperlukan oleh pihak atasan.¹⁸⁶

Dari sudut pengalaman, kebanyakan staf mempunyai pengalaman dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru di antara 1 – 4 tahun. Untuk menambah pengalaman mereka yang sedia ada, pihak pengurusan dari masa ke semasa telah memberikan latihan dan pendedahan berkaitan tugas dan tanggung jawab mereka melalui perbincangan dan mesyuarat, pemakluman melalui surat-surat pekeliling, dikehendaki mengikuti seminar-seminar tertentu dan sebagainya.¹⁸⁷

5.1.2 Sikap Responden Terhadap Tugas

Berdasarkan temu bual dan jawapan kepada soalan kaji selidik yang dikemukakan didapati staf-staf di Unit Pembangunan Insan PAID Klang memberikan komitmen yang jitu dan mengambil berat terhadap tugas dan tanggungjawab yang diberikan. Komitmen yang tinggi ini dapat dilihat melalui pelbagai aktiviti yang dilaksanakan seperti majlis perjumpaan hari raya dan majlis pengagihan bantuan kepada saudara baru dan sebagainya. Mereka amat berharap setiap saudara baru mendapat bantuan yang sewajar di samping kekal dalam hidayat Islam.

¹⁸⁶ *Ibid.*

¹⁸⁷ *Ibid.*

Kenyataan di atas juga dapat dibuktikan melalui akuan dan persetujuan saudara-saudara baru yang berurusan di Pejabat Agama Islam Daerah Klang melalui temu bual dan jawapan kepada soalan kaji selidik yang dikemukakan. Walaupun bilangan set soal selidik ini kecil namun ia tetap menggambarkan sikap dan minat mereka terhadap tanggungjawab yang diberikan. Berdasarkan analisis set soal selidik di bawah tajuk sikap responden terhadap tugas oleh kedua-dua responden menunjukkan staf amat berminat dengan tugas mereka (lihat jadual 5.1) dan saudara baru pula berpuas hati dengan pengurusan dakwah yang dilaksanakan terhadap mereka (lihat jadual 5.2).

Berdasarkan jadual 5.1 didapati kesemua 5 responden (100%) menunjukkan sikap sangat berminat terhadap tugas yang berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Purata mata keseluruhan yang dicatatkan ialah 74.8 dan purata item pula mencatatkan bacaan 4.40. Ini menunjukkan taburan data adalah ke arah sangat berminat iaitu sangat setuju (5). Purata min berada dalam kekerapan sangat berminat. Berdasarkan kepada purata mata dan taburan data dapat dirumuskan bahawa staf sangat berminat melaksanakan tugas-tugas berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru.

Jadual 5.1: Analisis Sikap Responden Terhadap Tugas

Tahap Minat	Responden	Peratus
Kurang Berminat	0	0%
Sederhana Berminat	0	0%
Sangat Berminat	5	100%
JUMLAH	5	100%

Purata keseluruhan : 74.8

Purata item : 4.40

Untuk melihat dengan lebih terperinci mengenai sikap staf berkaitan pengurusan dakwah terhadap saudara baru, berdasarkan dapatan kajian menunjukkan semua item mencatatkan purata bacaan melebihi 4 daripada skala pengukuran kecuali item 8 dan item 12 yang menunjukkan bacaan di bawah 4. Item sikap paling tinggi ialah item 10 iaitu responden bersedia untuk memudahkan urusan-urusan berkaitan saudara baru dan item 17 iaitu responden yakin boleh menghadapi segala karenah saudara baru dengan sabar. Bacaan purata mata setiap item ialah 5.00. Item sikap paling rendah ialah item 8 iaitu mengemaskini data-data berkaitan saudara baru dengan bacaan purata mata 3.80 dan item 12 iaitu kemampuan menguruskan hal-hal berkaitan saudara baru dengan bacaan mata 3.60. Data-data ini menunjukkan sebahagian besar responden amat bersetuju dengan pernyataan terhadap aspek-aspek berkaitan sikap yang dikaji.

Jadual 5.2 : Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata mata Dalam Penilaian Sikap Staf Terhadap Tugas

Pernyataan sikap staf terhadap tugas	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum	Purata Mata	Markat
1. Saya amat berminat untuk terlibat dalam hal-hal berkaitan saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (80.0%)	1 (20.0%)	5 (100%)	4.20	4
2. Saya sentiasa memberikan perhatian dalam hal-hal yang berkaitan saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	1 (20.0%)	1 (20.0%)	3 (60%)	5 (100%)	4.40	3
3. Saya sentiasa member i masa untuk mendengar saudara baru mengemukakan masalah	0 (0%)	0 (0%)	1 (20.0%)	3 (60.0%)	1 (20.0%)	5 (100%)	4.00	5

“Jadual 5.2, Sambungan”

4. Saya bersedia membantu saudara baru untuk mengatasi masalah yang dihadapi	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (60%)	2 (40%)	5 (100%)	4.40	3
5. Saya bersedia untuk bertugas dalam hal-hal berkaitan saudara baru di dalam dan di luar pejabat	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (80.0%)	1 (20.0%)	5 (100%)	4.20	4
6. Saya bersedia memperuntukkan lebih masa untuk membantu saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (80.0%)	1 (20.0%)	5 (100%)	4.20	4
7. Saya bersedia menemui pelbagai pihak jika masalah saudara baru tidak mampu diselesaikan	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	4 (80.0%)	1 (20.0%)	5 (100%)	4.20	4
8. Saya sentiasa mengemaskini data-data berkaitan saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	2 (40.0%)	2 (40.0%)	1 (20.0%)	5 (100%)	3.80	6
9. Saya bersedia untuk mempertingkatkan aspek pengurusan dakwah terhadap saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	3 (60.0%)	2 (40.0%)	5 (100%)	4.40	3
10. Saya bersedia untuk memudahkan urusan-urusan berkaitan saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (100%)	5 (100%)	5.00	1
11. Saya bersedia memberikan bantuan untuk membantu saudara baru mengatasi masalah kewangan dan keketekan ilmu agama	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (16.7%)	4 (83.3%)	5 (100%)	4.80	2
12. Saya yakin saya mampu menguruskan hal-hal berkaitan saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	3 (60.0%)	1 (20.0%)	1 (20.0%)	5 (100%)	3.60	7

“Jadual 5.2, Sambungan”

13. Saya percaya saya boleh mendekati saudara baru yang bermasalah	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (20.0%)	4 (80.0%)	5 (100%)	4.80	2
14. Saya percaya saya boleh menarik minat pihak-pihak luar untuk membantu menyelesaikan masalah saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	1 (20.0%)	1 (20.0%)	3 (60.0%)	5 (100%)	4.40	3
15. Saya percaya saudara baru boleh berdikari setelah mendapat bantuan yang sewajarnya	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (20.0%)	4 (80.0%)	5 (100%)	4.80	2
16. Saya percaya saudara baru boleh berperanan membantu antara satu sama lain	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (20.0%)	4 (80.0%)	5 (100%)	4.00	5
17. Saya yakin saya boleh menghadapi segala karenah saudara baru dengan sabar	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (100%)	5 (100%)	5.00	1

5.1.3 Program-Program Meningkatkan Keberkesanan Pengurusan Dakwah

Mengenai program-program untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan dakwah didapati kesemua 5 responden (100%) menunjukkan sikap sangat bersetuju dengan cadangan-cadangan yang dinyatakan. Purata mata keseluruhan yang dicatatkan ialah 52.6 dan purata item pula menunjukkan bacaan 4.78. Ini menunjukkan taburan data adalah ke arah sangat setuju. Purata min berada dalam kekerapan sangat setuju.

Berdasarkan kepada purata mata dan taburan data dapat dirumuskan bahawa pengurusan dakwah terhadap saudara baru dapat dipertingkatkan keberkesanannya sekiranya cadangan-cadangan dalam kaji selidik dapat dilaksanakan. (Sila rujuk jadual 5.3).

Jadual 5.3 : Aspek Mempertingkatkan Keberkesanan Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru

Tahap Keberkesanan	Responden	Peratus
Kurang Setuju	0	0
Sederhana Setuju	0	0
Sangat Setuju	5	100
JUMLAH	5	100

Purata keseluruhan : 52.6

Purata item : 4.78

Untuk melihat dengan lebih terperinci terhadap aspek program untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan dakwah terhadap saudara baru, dapatan kajian menunjukkan ke semua item mencatatkan purata bacaan melebihi 4 daripada skala pengukuran. Item paling dipersetujui responden ialah item 1 iaitu penambahan peruntukan kewangan, item 4 iaitu aktiviti dan amalan kehidupan saudara baru perlu dipantau dan item 11 iaitu memberikan ganjaran kepada saudara baru yang berjaya mendidik diri dan rakan menghayati Islam. Kesemua item menunjukkan bacaan purata mata 5.00. Item paling rendah dalam aspek ini tidak menunjukkan responden tidak bersetuju kerana bacaan purata mata juga tinggi iaitu tidak kurang daripada 4.50. Berdasarkan data-data ini jelas menunjukkan sebahagian besar responden amat bersetuju dengan pernyataan terhadap

aspek-aspek mempertingkatkan pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang dinyatakan. (Sila rujuk jadual 5.4).

Jadual 5.4: Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata mata Dalam Aspek Mempertingkatkan Keberkesanan Pengurusan Dakwah Terhadap Saudara Baru

Aspek mempertingkatkan keberkesanan pengurusan dan program dakwah terhadap saudara baru	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum	Purata Mata	Markat
1. Penambahan peruntukan kewangan boleh meningkatkan keberkesanan pengurusan dakwah saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (100%)	5 (100%)	5.00	1
2. Bilangan staf yang terlibat dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru perlu ditambah	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (40%)	3 (60%)	5 (100%)	4.60	3
3. Pusat latihan khusus untuk memberikan bimbingan dan latihan kepada saudara baru amat perlu	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (100%)	5 (100%)	5.00	1
4. Aktiviti dan amalan kehidupan saudara baru perlu dipantau	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (100%)	5 (100%)	5.00	1
5. Siasatan terhadap latar belakang keluarga saudara baru perlu dilakukan	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (40.0%)	3 (60.0%)	5 (100%)	4.60	3
6. Bantu dan aktifkan persatuan saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (40.0%)	3 (60.0%)	5 (100%)	4.60	3
7. Gerakkan masyarakat setempat untuk membantu saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (40%)	3 (60%)	5 (100%)	4.60	3
8. Libatkan pelbagai pertubuhan dakwah untuk membantu mengatasi masalah saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	2 (40%)	3 (60.0%)	5 (100%)	4.60	3

“Jadual 5.4, sambungan”

9. Berikan ganjaran kepada badan –badan korporat yang memberikan bantuan kepada saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (20.0%)	4 (80.0%)	5 (100%)	4.80	2
10. Penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang perlu untuk mengatasi masalah saudara baru	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (20.0%)	4 (80.0%)	5 (100%)	4.80	2
11. Berikan ganjaran kepada saudara baru yang berjaya mendidik diri dan rakan menghayati Islam	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (100%)	5 (100%)	5.00	1

5.2 Dapatan Soal Selidik Saudara Baru

Untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru, penulis telah menemui sebanyak 92 orang saudara baru yang masih berurusan dan terlibat dengan pelbagai program yang dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Selain memohon kerja sama mereka untuk mengisi borang kaji selidik, penulis juga mengadakan temu bual sepintas lalu untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Walaupun jumlah saudara baru agak ramai namun bilangan mereka yang masih aktif dan berurusan dengan pejabat agama tidak sampai 100 orang.¹⁸⁸

Golongan saudara baru yang terlibat secara langsung dalam kajian ini ialah mereka yang memeluk Islam melalui proses yang berlaku di Pejabat Agama Islam Daerah Klang dan masih dikawal selia oleh pihak pejabat agama ini. Antara bentuk

¹⁸⁸ Ustazah Nor Fauzah binti Ahmadani, Pembantu Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 23 Oktober 2008 jam 12.00 tengahari.

kawal selia yang dimaksudkan ialah mereka diminta menghadiri kelas-kelas fardu ain, kursus-kursus intensif fardu ain dan fardu kifayah. Selain daripada itu mereka juga diberikan bantuan kewangan untuk sara diri, pendidikan, bayaran sewa rumah, dibantu untuk tinggal di rumah-rumah rumah perlindungan dan sebagainya.

Golongan saudara baru ini terdiri dari pelbagai bangsa dan kaum seperti bangsa India, Cina, kaum Orang Asli, kaum bumiputra Sabah dan Sarawak dan termasuk juga rakyat-rakyat dari negara luar seperti Myanamar, Kemboja dan Thailand. Sebahagian besar dari saudara baru ini mempunyai tahap kemampuan yang rendah untuk menguasai pembacaan al-Quran, bacaan-bacaan dalam solah, memahami hukum-hukum asas dalam Islam dan sebagainya, namun mereka terus diberi bimbingan dan bantuan yang bersesuaian oleh PAID Klang.¹⁸⁹ Rumusan keseluruhan pandangan dan pendapat saudara baru yang ditemui, dinyatakan dalam tajuk-tajuk berikutnya selepas perbincangan mengenai profil responden

5.2.1 Profil Responden

Berdasarkan kepada keputusan Jadual 5.5, didapati seramai 37 orang (40.3%) responden memeluk Islam kurang dari 5 tahun, 20 orang (21.7%) memeluk Islam di antara 4 hingga 10 tahun dan 35 orang (38.0%) memeluk Islam lebih dari 10 tahun. Ini menunjukkan tempoh masa menganut Islam di kalangan responden yang kurang dari 5 tahun adalah lebih tinggi. Keadaan ini adalah perkara biasa disebabkan responden yang kerap berurusan dengan PAID adalah responden-responden baru. Berdasarkan dapatan

¹⁸⁹ Ustazah Pasiyah binti Hasim, Panel Dakwah, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 24 April 2008 jam 4.30 petang.

kajian, keadaan inilah yang menjadikan sebahagian besar responden masih bergantung harap kepada bantuan kewangan yang disediakan untuk mengatasi masalah kehidupan yang dihadapi.

Jadual 5.5 : Taburan Responden Mengikut Tempoh Memeluk Islam

Tempoh Masuk Islam	Bilangan	Peratus
Kurang 5 tahun	37	40.3
4 – 10 tahun	20	21.7
Lebih 10 tahun	35	38.0
Jumlah	92	100.0

Berdasarkan kepada keputusan dalam Jadual 5.6 pula didapati ramai responden adalah dari kalangan mereka yang berumur antara 30 – 40 tahun iaitu seramai 38 orang (41.3%). Ini menunjukkan ramai responden adalah golongan dewasa dan sudah melepasi masa persekolahan peringkat rendah atau menengah dan tinggi. Berdasarkan pemerhatian penulis kebanyakan responden adalah mereka yang sudah bekerja dan mempunyai keluarga.

Jadual 5.6 : Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan	Peratus
Bawah 20 tahun	4	4.3
20 – 30 tahun	18	19.6
30 – 40 tahun	38	41.3
40 – 50 tahun	22	23.9
50 tahun ke atas	10	10.9
Jumlah	92	100.0

Berdasarkan kepada keputusan dalam Jadual 5.7 pula menunjukkan bilangan responden wanita adalah lebih ramai iaitu 53 orang (57.6%) berbanding lelaki iaitu 39 orang (42.4%). Berdasarkan temu bual yang dilakukan keadaan ini disebabkan sebahagian

besar daripada responden wanita adalah golongan yang memeluk Islam setelah berkahwin dengan lelaki muslim.

Jadual 5.7 : Taburan Responden Mengikut Gender

Gender	Bilangan	Peratus
Lelaki	39	42.4%
Perempuan	53	57.6%
Jumlah	92	100%

Berdasarkan kepada keputusan dalam Jadual 5.8, didapati taburan responden mengikut bangsa agak seimbang. Bangsa India yang memeluk Islam ialah 25.0% dan bangsa Cina 34.8%. Bagi lain-lain bangsa, peratusnya agak tinggi (39.2%). Berdasarkan pengamatan penulis, kumpulan ini termasuk di dalamnya kaum bumiputra Sabah dan Sarawak, rakyat Myanamar dan Kemboja. Kaum bumiputra dari Sabah dan Sarawak didapati lebih ramai yang memeluk Islam. Penulis juga mendapati rakyat asing yang ingin memeluk Islam di negara ini juga agak tinggi. Selain daripada faktor perkahwinan dan terpicat kepada cara hidup Islam, mereka juga memeluk Islam kerana tertarik dengan bantuan dan layanan yang baik dari pihak berkuasa agama dan pertubuhan-pertubuhan agama serta rakyat yang beragama Islam.

Jadual 5.8 : Taburan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratus
Cina	23	25.0
India	32	34.8
Lain-Lain	37	39.2
Jumlah	92	100.0

Berdasarkan keputusan dalam Jadual 5.9, berkaitan dengan taburan tahap kelulusan akademik, didapati sebahagian besar responden (62.0%) adalah terdiri dari kalangan mereka yang mempunyai pendidikan tahap di bawah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Berdasarkan pemerhatian penulis, mereka adalah kumpulan yang berada dalam kelompok buruh, pembantu am, peniaga kecil-kecilan, suri rumah dan sebagainya. Ada juga dari kalangan mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap. Justeru, mereka merasakan bantuan kewangan dan barangan yang diberikan pihak berkuasa agama dan pelbagai pihak lain perlu diteruskan.

Jadual 5.9 : Taburan Responden Mengikut Tahap Kelulusan Akademik

Tahap Akademik	Bilangan	Peratus
Ijazah	1	1.1
Diploma/ STPM	11	12.0
SPM	23	25.0
Lain-Lain	57	62.0
Jumlah	92	100.0

5.2.2 Sikap Staf Terhadap Pengurusan Dakwah Menurut Pandangan Responden

Berdasarkan temu bual dan soal selidik yang dilaksanakan, didapati sebahagian besar golongan saudara ini berpuas hati terhadap aspek pengurusan dakwah yang dilaksanakan UPI PAID Klang. Walau bagaimanapun sebahagian kecil daripada mereka mahukan peningkatan ke tahap yang lebih baik. Mereka mahukan keadaan yang kurang selesa semasa mengikuti kelas fardu ain seperti ketiadaan kerusi atau meja dan lain-lain diatasi oleh pihak yang bertanggungjawab.

Untuk tujuan itu UPI PAID Klang telah memulakan kelas pengajian mengikut zon. Melalui sistem ini golongan saudara baru dipecahkan tempat pengajian mengikut lokasi terdekat dengan tempat pengajian mereka. Bilangan saudara baru dalam sesebuah kelas juga dapat dikecilkan. Isu mengeluarkan belanja lebih untuk tambang dan pengangkutan juga dapat diatasi.¹⁹⁰

Dalam beberapa siri temu bual yang lain, dimaklumkan bahawa sebahagian saudara baru berharap agar hubungan mesra antara pegawai pejabat agama dan golongan saudara baru harus dipertingkatkan. Saudara baru mengharapkan pegawai-pegawai perlu dan selalu bertanya khabar tentang kehidupan harian mereka. Usaha yang boleh dilakukan antara lain ialah berhubung melalui telefon, memberikan sapaan sewaktu hadir kerana sesuatu urusan di pejabat Agama, dijemput hadir ke majlis-majlis jamuan dan syarahan dan seumpamanya.¹⁹¹

Pandangan responden terhadap sikap staf dapat diperjelaskan lagi dengan melihat kepada Jadual 5.10. Dapatan kajian menunjukkan seramai 67 responden (72.8%) menyatakan bahawa staf sangat berminat dalam menguruskan hal-hal berkaitan saudara baru. Seramai 24 responden (26.1%) memberikan penilaian pada tahap sederhana berminat. Hanya seorang (1.1%) sahaja yang memberikan penilaian pada tahap kurang berminat. Jika dilihat kepada purata mata keseluruhan, ia mencatatkan 66.29 dan Purata item ialah 3.89. Ini juga menunjukkan taburan data adalah ke arah sangat berminat iaitu berada di antara setuju (4) dan sangat setuju (5). Purata min

¹⁹⁰ Ustaz Ahmad Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Oktober 2008 jam 8.30 pagi.

¹⁹¹ Ustaz Harun Soon bin Abdullah, Panel Dakwah, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Mei 2008 jam 9.30 malam.

berada dalam kekerapan sangat berminat. Berdasarkan kepada purata mata dan taburan data dapat dirumuskan bahawa staf sangat berminat dalam melaksanakan tugas. (Sila rujuk Jadual 5.10).

Jadual 5.10 : Sikap Staf Terhadap Pengurusan Dakwah Menurut Responden

Tahap Sikap	Responden	Peratus
Kurang berminat	1	1.1
Sederhana berminat	24	26.1
Sangat Berminat	67	72.8
JUMLAH	92	100

Purata keseluruhan : 66.29

Purata item : 3.89

Untuk melihat dengan lebih terperinci terhadap aspek sikap staf terhadap pengurusan dakwah terhadap saudara baru, dapatan kajian menunjukkan kesemua item mencatatkan purata bacaan melebihi 3.50 daripada skala pengukuran. Item tertinggi yang menunjukkan staf sangat berminat dengan tugas ini ialah item 11 iaitu staf menyedari ramai saudara baru menghadapi masalah kewangan dan kefahaman ilmu agama dengan bacaan purata mata 4.21. Ini diikuti dengan item 3 iaitu item staf bersedia mendengar permasalahan saudara baru dengan bacaan purata mata 4.07. Item paling rendah ialah item 5 iaitu item staf sentiasa bersedia bertugas semasa dan selepas waktu pejabat dengan bacaan purata mata 3.65. Berdasarkan item-item ini, menunjukkan responden sangat bersetuju dengan pernyataan sebahagian besar aspek-aspek yang dikaji. (Sila rujuk Jadual 5.11).

Jadual 5.11 : Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata mata Dalam Aspek Sikap Staf Terhadap Pengurusan Dakwah Menurut Responden

Pernyataan sikap staf terhadap tugas	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Purata Mata	Marka t
1. Staf berminat dengan tugas mereka	0 (0%)	6 (6.5%)	19 (20.6%)	36 (39.1%)	31 (33.6%)	92 (100%)	4.00	4
2. Staf memberikan perhatian terhadap saudara baru	1 (1.1%)	7 (7.6%)	15 (16.3%)	37 (40.2%)	32 (34.7%)	92 (100%)	4.00	4
3. Staf bersedia mendengar permasalahan saudara baru	0 (0%)	4 (4.3%)	19 (20.6%)	35 (38.0%)	34 (36.9%)	92 (100%)	4.07	2
4. Staf sentiasa membantu mengatasi masalah yang dihadapi saudara baru	0 (0%)	7 (7.6%)	15 (16.3%)	41 (44.5%)	29 (31.5%)	92 (100%)	4.00	4
5. Staf sentiasa bersedia bertugas semasa dan selepas waktu pejabat	9 (9.7%)	6 (6.5%)	18 (19.5%)	34 (36.9%)	25 (27.1%)	92 (100%)	3.65	13
6. Staf bersedia memberikan lebih masa untuk membantu saudara baru	4 (4.3%)	5 (5.4%)	26 (28.2%)	35 (38.0%)	22 (23.9%)	92 (100%)	3.71	12
7. Staf bersedia menemui pelbagai pihak untuk menyelesaikan masalah saudara baru	4 (4.3%)	7 (7.6%)	20 (21.7%)	36 (39.1%)	25 (27.1%)	92 (100%)	3.77	11
8. Staf tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan data saudara baru	2 (2.1%)	5 (5.4%)	18 (19.5%)	48 (52.1%)	19 (20.6%)	92 (100%)	3.83	8

“Jadual 5.11, Sambungan”

9. Staf sentiasa memperkemaskan pengurusan dan pentadbiran terhadap saudara baru	1 (1.1%)	9 (9.7%)	23 (25%)	35 (38.0%)	24 (26.0%)	92 (100%)	3.78	10
10. Staf menganggap menguruskan saudara baru bukan tugas yang sukar	1 (1.1%)	6 (6.5%)	20 (21.7)	42 (45.6%)	23 (25%)	92 (100%)	3.86	6
11. Staf menyedari ramai saudara baru menghadapi masalah kewangan dan kefahaman ilmu agama	2 (2.1%)	3 (3.2%)	13 (14.1%)	29 (31.5%)	45 (48.9%)	92 (100%)	4.21	1
12. Staf mampu menguruskan hal-hal berkaitan saudara baru	1 (1.1%)	4 (4.3%)	23 (25%)	45 (48.9%)	19 (20.6%)	92 (100%)	3.83	8
13. Staf berkeyakinan masalah saudara baru boleh diselesaikan	0 (0%)	6 (6.5%)	20 (21.7%)	46 (50%)	20 (21.7%)	92 (100%)	3.86	6
14. Staf berkeyakinan banyak pihak mahu membantu menyelesaikan masalah saudara baru	1 (1.1%)	8 (8.6%)	22 (23.9%)	37 (40.2%)	24 (26.0%)	92 (100%)	3.81	9
15. Staf yakin masalah yang dihadapi saudara baru boleh dikurangkan setelah mendapat bantuan	0 (0%)	10 (10.8%)	18 (19.5%)	32 (34.7%)	32 (34.7%)	92 (100%)	3.93	5
16. Staf yakin saudara baru boleh bantu membantu antara satu sama lain	1 (1.1%)	4 (4.3%)	15 (16.3%)	40 (43.4%)	32 (34.7%)	92 (100%)	4.06	3
17. Staf sentiasa tenang ketika menguruskan hal-hal saudara baru	1 (1.1%)	2 (2.1%)	24 (25.2%)	48 (52.1%)	17 (18.4%)	92 (100%)	3.84	7

5.2.3 Pengurusan Dakwah Melalui Peningkatan Bantuan Kewangan Dan Kemudahan Kebendaan

Bagi aspek keberkesanan pengurusan dakwah terhadap saudara baru melalui peningkatan bantuan kewangan dan kemudahan kebendaan, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 76 responden (82.6%) menyatakan sangat perlu. Sebanyak 16 responden (17.4%) pula menyatakan sederhana perlu dan tidak ada seorang pun responden yang mengatakan kurang perlu. Purata mata keseluruhan yang dicatatkan adalah 70.03 dan purata item menunjukkan bacaan 4.11. Ini menunjukkan taburan data adalah sangat berkesan. Berdasarkan purata mata dan taburan data tersebut dapat dirumuskan bahawa pengurusan dakwah melalui peningkatan bantuan dan kemudahan kebendaan adalah sangat perlu. (Sila rujuk jadual 5.12).

Jadual 5.12 : Keperluan Meningkatkan Bantuan Kewangan Dan kemudahan Kebendaan

Tahap Keperluan	Responden	Peratus
Kurang Perlu	0	0
Sederhana Perlu	16	17.4
Sangat Perlu	76	82.6
JUMLAH	92	100

Purata Keseluruhan : 70.03

Purata item : 4.11

Untuk melihat dengan lebih terperinci terhadap aspek keperluan meningkatkan bantuan kewangan dan kemudahan kebendaan, dapatan kajian menunjukkan 10 dari 17 item mencatatkan purata bacaan melebihi 4 daripada skala pengukuran. Hanya 7 item sahaja

mencatatkan bacaan di bawah skala bacaan 4. Item paling perlu ialah item 6 iaitu bantuan sewa perlu diteruskan dengan bacaan purata mata 4.96. Item kedua paling perlu ialah item 11 iaitu saudara baru yang tidak mampu perlu dibantu sepenuhnya dengan bacaan purata mata 4.78. Item paling rendah ialah item 15 iaitu saudara baru yang ada pendapatan perlu diminimakan bantuan dengan bacaan purata mata 3.33. Dari sini jelas menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju dengan pernyataan sebahagian besar aspek-aspek yang dikaji. (Sila rujuk jadual 5.13).

Jadual 5.13 : Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata mata Dalam Aspek Penilaian Terhadap Keperluan Meningkatkan Bantuan Kewangan Dan kemudahan Kebendaan

Aspek keperluan meningkatkan bantuan kewangan dan kemudahan kebendaan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum	Purata Mata	Markat
1. Jumlah wang dan hadiah sagu hati yang perlu diteruskan	5 (5.4%)	14 (15.2%)	7 (7.6%)	31 (33.6%)	35 (38.0%)	92 (100%)	3.83	12
2. Bantuan kewangan membeli keperluan harian perlu diteruskan	3 (3.2%)	6 (6.5%)	12 (13.0%)	38 (41.3%)	33 (35.8%)	92 (100%)	4.00	10
3. Kadar bantuan kewangan perlu ditingkatkan	0 (0%)	1 (1.1%)	8 (8.6%)	32 (34.7%)	51 (55.4%)	92 (100%)	4.44	5
4. Bantuan kewangan bulanan perlu diteruskan	1 (1.1%)	2 (2.1%)	10 (10.8%)	25 (27.1%)	54 (58.6%)	92 (100%)	4.40	7

“Jadual 5.13, Sambungan”

5. Kaedah penyampaian bantuan perlu ditingkatkan	10 (10.8%)	2 (2.1%)	11 (11.9%)	39 (42.3%)	30 (32.6%)	92 (100%)	3.83	12
6. Bantuan sewa rumah perlu diteruskan	0 (0%)	0 (0%)	12 (13.0%)	29 (31.5%)	51 (55.4%)	92 (100%)	4.96	1
7. Bantuan untuk pengajian perlu diteruskan	0 (0%)	0 (0%)	6 (6.5%)	30 (32.6%)	56 (60.8%)	92 (100%)	4.54	4
8. Bantuan kewangan kepada saudara baru perlu lebih luas	4 (4.3%)	7 (7.6%)	22 (23.9%)	21 (22.8%)	38 (41.3%)	92 (100%)	3.89	11
9. Saudara baru yang berhak menerima bantuan perlu dipermudahkan	3 (3.3%)	7 (7.6%)	24 (26.1%)	29 (31.5%)	29 (31.5%)	92 (100%)	3.80	13
10. Bantuan kewangan telah menyelesaikan banyak masalah	2 (2.1%)	0 (0%)	9 (9.7%)	36 (39.1%)	45 (48.9%)	92 (100%)	4.32	8
11. Saudara baru yang tidak mampu perlu dibantu sepenuhnya	1 (1.1%)	0 (0%)	7 (7.6%)	30 (32.6%)	54 (58.6%)	92 (100%)	4.78	2
12. Saudara baru perlu dibantu mendapatkan pekerjaan	0 (0%)	0 (0%)	3 (3.2%)	33 (35.8%)	56 (60.8%)	92 (100%)	4.57	3
13. Saudara baru perlu diberi ruang untuk yang lebih luas untuk bekerja	5 (5.4%)	12 (13.0%)	21 (22.8%)	39 (42.3%)	15 (16.3%)	92 (100%)	3.51	15

“Jadual 5.13, Sambungan”

14. Saudara baru yang menghadapi masalah kesihatan perlu dibantu sepanjang hayat	3 (3.2%)	17 (18.4%)	14 (15.2%)	33 (35.8%)	25 (27.1%)	92 (100%)	3.65	14
15. Saudara baru yang ada pendapatan perlu diminimakan bantuan	8 (8.6%)	17 (18.4%)	21 (22.8%)	28 (30.4%)	18 (19.5%)	92 (100%)	3.33	16
16. Saudara baru perlu dibantu dengan diberikan lesen perniagaan runcit	1 (1.1%)	4 (4.3%)	20 (21.7%)	35 (38.0%)	32 (34.7%)	92 (100%)	4.01	9
17. Persatuan saudara baru perlu dibantu dengan dana yang mencukupi	0 (0%)	0 (0%)	12 (13.0%)	30 (32.6%)	50 (54.3%)	92 (100%)	4.41	6

5.3.1 Keberkesanan Program Kelas Bimbingan Dan Pengajian

Untuk mendapatkan pandangan saudara baru terhadap aspek keberkesanan pengurusan dakwah melalui program kelas bimbingan dan pengajian yang dilaksanakan oleh UPI PAID Klang, berikut dikemukakan dapatan yang diperolehi. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 86 responden (93.5%) memberikan penilaian sangat berkesan, 6 responden (6.5%) memberikan penilaian berkesan. Tiada responden (0%) memberikan penilaian kurang berkesan. Jika dilihat kepada purata mata keseluruhan yang dicatatkan menunjukkan bacaan pada 72.81 dan bacaan purata item ialah 4.28. Ini menunjukkan

taburan data adalah kearah sangat berkesan iaitu berada antara setuju (4) dan sangat setuju (5). Purata min berada dalam kekerapan sangat berkesan. Berdasarkan kepada purata mata dan taburan data dapat dirumuskan bahawa responden sangat bersetuju dengan pernyataan sebahagian besar aspek-aspek yang dikaji. Kesimpulannya program-program kelas bimbingan dan pengajian yang dilaksanakan adalah sangat berkesan dan merupakan salah satu cara pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang perlu diteruskan.(Sila rujuk jadual 5.14).

Jadual 5.14 : Keberkesanan Program Kelas Bimbingan Dan Pengajian

Tahap Keberkesanan	Responden	Peratus
Kurang Berkesan	0	0
Sederhana Berkesan	6	6.5
Sangat Berkesan	86	93.5
JUMLAH	92	100

Purata Keseluruhan : 72.81

Purata item : 4.28

Untuk melihat dengan lebih terperinci terhadap aspek keberkesanan program kelas bimbingan dan pengajian terhadap saudara baru, dapatan kajian menunjukkan ke semua item mencatatkan bacaan purata melebihi 4 daripada skala pengukuran. Hanya item 10 iaitu item yang menyatakan buku yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran mudah difahami bacaan purata berada di bawah skala 4. Item paling berkesan ialah item 13 iaitu item yang menyatakan ilmu-ilmu baru diperolehi dengan mengikuti kelas-kelas pengajian dengan bacaan purata mata 4.67. Seterusnya item paling berkesan di tempat

kedua ialah item 14 iaitu banyak masalah yang tidak difahami diselesaikan guru semasa mengikuti kelas dengan bacaan purata mata 4.63. Ini menunjukkan taburan data adalah ke arah sangat berkesan iaitu berada di antara setuju (4) dan sangat setuju (5). Purata min berada dalam kekerapan sangat setuju. Berdasarkan kepada purata mata dan taburan data dapat dirumuskan bahawa responden sangat bersetuju dengan pernyataan sebahagian besar aspek-aspek yang dikaji dan mengakui program kelas bimbingan dan pengajian yang dilaksanakan kepada saudara baru sangat berkesan dan banyak membantu mereka memahami islam dan ajarannya.(Sila rujuk jadual 5.15).

Jadual 5.15 : Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata mata Dalam Aspek Keberkesanan Program Kelas Bimbingan Dan Pengajian

Aspek keberkesanan kelas bimbingan dan pengajian	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sedehana a Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum	Purata Mata	Markat
1. Kelas farduan banyak membantu saudara baru memahami tentang ajaran Islam	0 (0%)	9 (9.7%)	12 (13.0%)	34 (36.9%)	37 (40.2%)	92 (100%)	4.07	13
2. Kelas farduan telah membetulkan fahaman salah saudara baru terhadap Islam	0 (0%)	3 (3.2%)	8 (8.6%)	28 (30.4%)	53 (57.6%)	92 (100%)	4.42	5
3. Guru farduan berjaya menyampaikan asas-asas ajaran Islam dengan baik	0 (0%)	0 (0%)	3 (3.2%)	33 (35.8%)	56 (60.8%)	92 (100%)	4.57	4
4. Kelas bimbingan dan pengajian diadakan di tempat yang sesuai	4 (4.3%)	1 (1.1%)	11 (11.9%)	28 (30.4%)	48 (52.1%)	92 (100%)	4.25	10

5. Pecahan kelas pengajian mengikut zon telah memudahkan saudara baru untuk hadir	0 (0%)	0 (0%)	12 (13.0%)	32 (34.7%)	48 (52.1%)	92 (100%)	4.39	6
6. Pengajaran guru melalui kaedah syarahan berpandukan buku meningkatkan kefahaman saudara baru mengenai ajaran Islam	0 (0%)	1 (1.1%)	9 (9.7%)	37 (40.2%)	45 (48.9%)	92 (100%)	4.36	7
7. Guru kelas fardu ain menggunakan sukatan pelajaran yang telah disediakan	1 (1.1%)	2 (2.1%)	9 (9.7%)	45 (48.9%)	35 (38.0%)	92 (100%)	4.20	12
8. Bahasa pertuturan guru mudah difahami	0 (0%)	0 (0%)	3 (3.2%)	30 (32.6%)	59 (64.1%)	92 (100%)	4.60	3
9. Bilangan saudara baru yang mengikut kelas fardu ain sesuai	1 (1.1%)	0 (0%)	9 (9.7%)	43 (46.7%)	39 (42.3%)	92 (100%)	4.29	9
10. Buku yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran mudah difahami	3 (3.2%)	8 (8.6%)	22 (23.9%)	36 (39.1%)	23 (25%)	92 (100%)	3.73	15
11. Latihan pengukuhan ilmu menyeronokkan	0 (0%)	0 (0%)	13 (14.1%)	37 (40.2%)	42 (45.6%)	92 (100%)	4.31	8
12. Asas ajaran Islam dapat difahami melalui kelas-kelas yang dilaksanakan	1 (1.1%)	1 (1.1%)	16 (17.3%)	33 (35.8%)	41 (44.5%)	92 (100%)	4.21	11
13. Ilmu-ilmu baru diperolehi dengan mengikut kelas-kelas pengajian	0 (0%)	0 (0%)	3 (3.2%)	24 (26.0%)	65 (70.6%)	92 (100%)	4.67	1

“Jadual 5.15, sambungan”

14. Banyak masalah yang tidak difahami diselesaikan guru semasa mengikuti kelas	0 (0%)	0 (0%)	2 (2.1%)	30 (32.6%)	60 (65.2%)	92 (100%)	4.63	2
15. Pengajaran guru menggunakan pendekatan tahap rendah	2 (2.1%)	12 (13.0%)	20 (21.7%)	41 (44.5%)	17 (18.4%)	92 (100%)	3.64	16
16. Bimbingan guru telah memantapkan pemahaman terhadap ajaran Islam	0 (0%)	4 (4.3%)	1 (1.1%)	42 (45.6%)	45 (48.9%)	92 (100%)	4.39	6
17. Bahan bacaan tambahan yang disediakan guru bersesuaian dengan saudara baru dan mudah difahami	4 (4.3%)	2 (2.1%)	16 (17.3%)	37 (40.2%)	33 (35.8%)	92 (100%)	4.01	14

5.4.1 Aspek Pengurusan Dan Program Dakwah Yang Berkesan

Berdasarkan dapatan daripada soal selidik, temu bual, perbincangan dan pemerhatian umum, didapati sebahagian besar saudara baru bersetuju bahawa hal-hal yang melibatkan kewangan, bilangan staf, kerja sama yang bersepadu semua pihak dalam memperkasakan pengurusan dakwah terhadap saudara baru dan sebagainya perlu diberikan penekanan. Mereka meletakkan harapan yang tinggi kepada pihak yang bertanggungjawab agar sentiasa memberikan bantuan terutama ketika mereka masih memerlukan bimbingan dan bantuan untuk mendalami ajaran Islam dan dalam masa yang sama masih menghadapi masalah kewangan dan pekerjaan.

Menurut dapatan kajian, untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan dakwah terhadap saudara baru, UPI PAID Klang perlu memberikan tumpuan kepada banyak perkara seperti yang dinyatakan di atas. Mereka juga berharap, penubuhan pusat latihan khusus, pemantauan yang kerap dan berterusan terhadap amalan keagamaan saudara baru di rumah-rumah kediaman dan lain-lain perlu dilaksanakan.

Merujuk kepada Jadual 5.16, menunjukkan sebanyak 88 responden (95.7%) menyatakan bahawa sangat berkesan sekiranya hal-hal yang melibatkan penambahan peruntukan kewangan dan staf, kerja sama UPI PAID Klang dengan pelbagai pihak, aktiviti pemantauan yang lebih kerap dan sebagainya dijadikan perkara utama untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Sementara bakinya iaitu 4 responden (4.3%) menyatakan sederhana berkesan dan tidak ada seorang pun responden yang mengatakan aspek-aspek yang dikaji di dalam soal selidik kurang berkesan. Bacaan purata mata keseluruhan menunjukkan bacaan pada 48.94 dan bacaan purata item pula ialah 4.44. Ini menunjukkan taburan data adalah sangat berkesan iaitu berada di antara setuju (4) dan sangat setuju (5). Berdasarkan kepada purata mata dan taburan data tersebut dapat dirumuskan bahawa pengurusan dakwah terhadap saudara baru akan menjadi lebih berkesan sekiranya aspek-aspek yang dikaji diberikan perhatian dan diambil tindakan. (Sila rujuk Jadual 5.16).

Jadual 5.16 :Pengurusan Dan program Dakwah Yang Berkesan

Tahap Keberkesanan	Responden	Peratus
Kurang Berkesan	0	0
Sederhana Berkesan	4	4.3
Sangat Berkesan	88	95.7
JUMLAH	92	100

Purata Keseluruhan : 48.94

Purata item : 4.44

Untuk melihat dengan lebih terperinci terhadap aspek pengurusan dakwah yang berkesan menurut penilaian responden, dapatan kajian menunjukkan ke semua item mencatatkan purata bacaan melebihi 4 daripada skala pengukuran. Tiada item yang menunjukkan bacaan di bawah skala 4. Item paling berkesan ialah item 3 iaitu penubuhan pusat latihan khusus untuk memberikan bimbingan dan latihan kepada saudara baru dengan bacaan purata mata 4.64 diikuti dengan item 6 iaitu Persatuan dan Pertubuhan-pertubuhan dakwah saudara baru perlu aktif dengan bacaan purata mata 4.59. Item paling rendah ialah item 5 iaitu jawatankuasa khas untuk menyiasat latar belakang seseorang saudara baru perlu diwujudkan dengan bacaan purata mata 4.18. Berdasarkan item-item ini menunjukkan untuk meningkatkan pengurusan dakwah terhadap saudara baru aspek-aspek yang dikaji perlu diberi perhatian.(Sila rujuk jadual 5.17).

Jadual 5.17: Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata mata Dalam Aspek Pengurusan Dan Program Dakwah Yang Berkesan

Aspek pengurusan dan program dakwah yang berkesan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum	Purata Mata	Markat
1. Penambahan peruntukan kewangan perlu untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan dakwah terhadap saudara baru	0 (0%)	1 (1.1%)	13 (14.1%)	34 (36.9%)	44 (47.8%)	92 (100%)	4.31	9
2. Bilangan staf yang terlibat dalam pengurusan dakwah terhadap saudara baru perlu ditambah	0 (0%)	0 (0%)	9 (9.7%)	33 (35.8%)	50 (29.5%)	92 (100%)	4.44	7
3. Pusat latihan khusus untuk memberikan bimbingan dan latihan kepada saudara baru perlu dibina	0 (0%)	0 (0%)	1 (1.1%)	31 (33.6%)	60 (65.2%)	92 (100%)	4.64	1
4. Pemantuan aktiviti dan amalan kehidupan saudara baru perlu lebih kerap dilakukan	1 (1.1%)	0 (0%)	1 (1.1%)	35 (38.0%)	55 (59.7%)	92 (100%)	4.55	3
5. Jawatan kuasa khas untuk menyiasat latar belakang seseorang saudara baru perlu diwujudkan	4 (4.3%)	1 (1.1%)	9 (9.7%)	38 (41.3%)	40 (43.4%)	92 (100%)	4.18	11

“Jadual 5.17, sambungan”

6. Persatuan dan pertubuhan dakwah saudara baru perlu aktif	0 (0%)	0 (0%)	1 (1.1%)	35 (38.0%)	56 (60.8%)	92 (100%)	4.59	2
7. Masyarakat setempat perlu dilibatkan untuk membantu saudara baru	0 (0%)	1 (1.1%)	1 (1.1%)	39 (42.3%)	51 (55.4%)	92 (100%)	4.52	5
8. Pertubuhan-pertubuhan dakwah perlu bekerjasama melaksanakan program untuk membantu saudara baru	2 (2.1%)	0 (0%)	3 (3.2%)	38 (41.3%)	49 (53.2%)	92 (100%)	4.43	8
9. Pihak swasta perlu dipelawa untuk memberikan bantuan kepada saudara baru	0 (0%)	1 (1.1%)	3 (3.2%)	34 (36.9%)	54 (58.6%)	92 (100%)	4.53	4
10. Perlu ditetapkan jangka masa tertentu untuk memastikan seseorang saudara baru bebas daripada masalah	2 (2.1%)	2 (2.1%)	9 (9.7%)	36 (39.1%)	43 (46.7%)	92 (100%)	4.26	10
11. Sediakan ruang kepada saudara baru berkemampuan membantu saudara baru bermasalah	0 (0%)	1 (1.1%)	4 (4.3%)	39 (42.3%)	48 (52.1%)	92 (100%)	4.45	6

Sebagai kesimpulan kepada semua dapatan yang diuraikan di atas, dapat dirumuskan bahawa pengurusan dakwah terhadap saudara baru yang dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang telah mencapai matlamatnya. Ini dapat dibuktikan melalui pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan telah

diterima baik oleh golongan saudara baru. Sebahagian besar golongan ini mengakui bahawa setelah mereka memeluk Islam, pihak yang bertanggungjawab telah menyediakan pelbagai bantuan meliputi bantuan kebendaan dan kerohanian. Mereka amat menghargai segala bantuan dan bimbingan yang telah, sedang dan akan diberikan dan mengharapkan ianya diteruskan pada masa-masa akan datang.

Golongan saudara baru juga berharap, akan lebih banyak pihak tampil ke hadapan untuk membantu mereka menjadi seorang Islam yang baik dan mampu melaksanakan segala tuntutan dan ajaran agama. Mereka mungkin memerlukan masa yang agak lama untuk menguasai ilmu-ilmu berkenaan dan mengharapkan pendekatan-pendekatan yang lebih baik digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

Selain daripada itu sebahagian besar golongan saudara baru menyedari bahawa mereka tidak boleh selamanya bergantung kepada pelbagai kemudahan yang disediakan. Justeru, mereka harus berusaha mendalami ilmu-ilmu agama seberapa pantas yang boleh kerana merasakan umur yang semakin sampai ke penghujungnya. Dalam masa yang sama mereka tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada bantuan kewangan dan tempat tinggal yang disediakan pihak bertanggungjawab kerana jumlah saudara baru sentiasa meningkat dari masa ke semasa.

BAB ENAM

PENUTUP

6.0 PENGENALAN

Dalam usaha menambahbaik pengurusan dakwah terhadap saudara baru semua pihak harus bekerjasama dan memainkan peranan yang lebih jitu agar setiap tugas yang dilakukan akan membuahkan hasil yang terbaik. Di Negeri Selangor Darul Ehsan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Pejabat-Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) serta badan-badan dakwah dan orang perseorangan boleh memainkan peranan masing-masing untuk mencapai hasrat yang murni ini.

Tugas menyampaikan dakwah secara langsung atau tidak langsung lebih-lebih lagi kepada saudara baru merupakan tugas yang mulia dan perlu ditingkatkan. Hasil yang terbaik pasti diperolehi sekiranya matlamat dakwah seperti yang dinyatakan dalam beberapa bahagian penulisan ini berjaya dicapai. Ketika itu semua pihak yang terlibat akan merasakan tenaga, masa, dana dan lain-lain yang disumbangkan akan menjadi lebih bernilai.

Setelah dikaji sebahagian besar aktiviti dan program dakwah yang diurus dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak, maka dicadangkan beberapa penambahbaikan untuk memantapkan lagi pengurusan dakwah terhadap golongan saudara baru. Cadangan-cadangan ini diharap menjadi garis panduan umum kepada semua pihak untuk melihat semua matlamat yang dihasratkan tercapai dan mendapat pulangan yang terbaik. Umat

Islam yang besar jumlahnya dan mempunyai tahap kualiti yang dibanggakan akan memberi banyak manfaat kepada umat Islam itu sendiri dan umat manusia keseluruhannya.

6.1 PEMANTAPAN PENGURUSAN DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU: CADANGAN DAN SARANAN

Bentuk cadangan yang dikemukakan ini disasarkan mengikut kumpulan yang berbeza seperti dinyatakan dalam tajuk-tajuk kecil berikutnya. Walaupun begitu semua pihak boleh memberikan penilaian terhadap setiap cadangan berkenaan dan menjadikannya sebagai panduan sekiranya bersesuaian, demi untuk memberi kesan yang lebih baik dalam aspek yang berkaitan dengan pengurusan dakwah terhadap saudara baru.

6.1.1 PERANAN PIHAK BERKUASA AGAMA

Dalam usaha untuk membantu pihak berkuasa agama khasnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Pejabat-Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) dalam tugas berkaitan pengurusan dakwah terhadap saudara baru dicadangkan beberapa langkah untuk penambahbaikan.

Di awal penulisan ini, dinyatakan antara masalah yang sering dihadapi oleh saudara baru ialah masalah kewangan dan tempat tinggal, kefahaman agama dan penghayatan pengibadatan. Masalah ini saling berkait antara satu sama lain sehingga memberi kesan tidak baik kepada umat Islam keseluruhannya. Setelah memeluk Islam

didapati sebahagian saudara baru terputus sumber kewangan menyebabkan mereka tidak mampu membayar sewa rumah, meneruskan perniagaan atau pengajian dan sebagainya.

Sebagai salah satu jalan keluar untuk mendapatkan sumber bagi membantu golongan ini, pihak berkuasa yang diberikan tanggungjawab dalam hal yang berkaitan dengan golongan ini dicadang melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

a) Memperkenalkan Program Hibah Dan Wakaf Khusus Untuk Saudara Baru

Orang ramai boleh didedahkan secara agresif untuk menggalakkan mereka melakukan amalan ini. Melaluinya orang ramai yang berminat boleh melakukan hibah¹⁹² dan wakaf¹⁹³ secara khusus kepada saudara baru yang telah dikenal pasti. Dengan adanya maklumat yang jelas dan dorongan yang berterusan dan berdasarkan kesedaran yang semakin meningkat untuk melakukan amalan jariah, diyakini orang ramai akan tampil memberikan sumbangan untuk membantu saudara seagama mengatasi masalah yang ditanggung.

Pihak bertanggungjawab perlu menyediakan saluran tertentu untuk memudahkan orang ramai yang berminat menyertai program ini. Kemudahan sistem

¹⁹² Hibah dari sudut bahasa ialah hadiah atau sedekah manakala dari sudut istilah ialah memindah milik tanpa perlu menukar ganti atau merupakan pemberian harta yang dilakukan oleh pemberi kepada penerima semasa hidupnya tanpa mengharapkan balasan (lihat Abdullah Alwi Hj. Hassan et. al., (2005), *Teori Dan Aplikasi Kontemporari : Sistem Ekonomi Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. , h. 27.

¹⁹³ Wakaf dari sudut bahasa ialah tahan manakala dari sudut istilah ialah menahan harta supaya dibolehkan penggunaannya dengan fizikalnya kekal dan terputuslah jagaan harta tersebut daripada orang yang mewakafkannya kepada orang yang menguruskannya tanpa balasan (lihat Abdullah Alwi Hj. Hassan et. al., (2005), *op. cit.*, h. 28.

dalam talian yang popular di kalangan masyarakat harus dimanfaatkan. Majlis-majlis khas untuk menjelaskan maklumat terkini tentang keadaan dan kedudukan saudara baru dan sumbangan-sumbangan yang diperlukan perlu diadakan. Melaluinya orang ramai boleh tampil untuk memberikan sumbangan dalam pelbagai bentuk termasuklah melakukan amalan hibah dan wakaf.

b) Menggunakan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Dalam Tugas
Pendakwahan

Bahagian Pembangunan Insan (BPI), MAIS/ Unit Pembangunan Insan (UPI), PAID Klang perlu meningkatkan lagi kemahiran pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Dalam aspek penyampaian dakwah umpamanya, staf-staf yang terlibat di barisan hadapan seperti penceramah, motivator, guru-guru pembimbing di BPI, MAIS/ UPI, PAID Klang wajar menggunakan aplikasi-aplikasi terkini teknologi seperti multimedia, internet, sidang video, *audio-video streaming*, *webcasting* dan sebagainya. Ianya perlu terutama dunia kini tiada lagi had sempadan alam mayanya. Kedaan masyarakat sekarang khususnya generasi muda yang dibesarkan dalam persekitaran teknologi komputer telah menjadikan pendekatan ini semakin perlu.

Pihak Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menamakan golongan pendakwah yang menggunakan teknologi dalam menjalankan dakwah sebagai “tekno-da‘ie”. Pendekatan dakwah sewajarnya dilaksanakan secara bijaksana dan kreatif supaya mesej yang hendak disampaikan jelas dan berkesan. Pendekatan teknologi dalam aktiviti dakwah mampu merapatkan hubungan di antara golongan pendakwah

dan ahli masyarakat. Pendekatan ini akan menjadikan golongan pendakwah tidak ketinggalan dari segi ilmu dan penyampaian.¹⁹⁴

Penyampaian dakwah akan lebih menarik dan akan lebih mantap sekiranya disekalikan dengan gabungan grafik, animasi dan teks. Abad ke-21 sebenarnya menuntut aktiviti dakwah yang lebih kreatif dan interaktif supaya wujud komunikasi antara golongan pendakwah dan ahli masyarakat. Pendekatan yang berinovatif diperakui dalam banyak disiplin penyampaian ilmu berjaya menarik dan memikat hati para pendengar. Pendekatan ini sebenarnya adalah pendekatan berhikmah seperti yang dikehendaki Islam.¹⁹⁵

Allah SWT berfirman:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ^ط

Maksudnya:

”Berdakwahlah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik”.

Sûrah al- Nahl (16) : 125

c) Mewujudkan Masjid Angkat Untuk Saudara Baru

Masjid selain daripada fungsi utamanya sebagai tempat pelaksanaan peribadatan¹⁹⁶ terutama untuk mendirikan solah berjamaah harus juga dirancang supaya menjadi masjid angkat kepada golongan saudara baru yang tinggal berhampiran. Kaedah ini

¹⁹⁴ Ahmad Sarji (2005) “ *Sekadar Pendapat*”, *Tekno-Da’ei dan Pendakwaan*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia, h.29.

¹⁹⁵ *Ibid.*

¹⁹⁶ Drs. H. Ahmad Yani (1999), *Panduan Memakmurkan Masjid*, Jakarta : Dea Press, h.13.

diharap akan memudahkan pihak jawatan kuasa masjid memperuntukkan sebahagian dana untuk membantu golongan ini. Dana tersebut mungkin untuk pembiayaan kelas-kelas fardu ain dan pembelian peralatan peribadatan, membeli keperluan rumah tangga dan persekolahan anak-anak, mengatasi masalah kewangan dan ketiadaan modal untuk perniagaan dan sebagainya.

Untuk tujuan itu masjid yang ditentukan dan dipilih menjadi masjid angkat kepada saudara baru hendaklah ditadbir dan diurus dengan baik dan diberikan bimbingan serta dibuat pemantauan agar hasrat yang murni itu mencapai matlamatnya. Peruntukan yang disediakan untuk tujuan berkenaan hendaklah dipantau dan dikawal dengan sistem audit yang baik agar ianya menepati sasaran dan matlamat yang diharapkan.

Melalui masjid-masjid terpilih ini juga, pihak bertanggungjawab hendaklah menyediakan program-program keilmuan yang bersesuaian untuk memastikan golongan saudara baru bertambah ilmu agamanya dan kemasukannya ke dalam Islam memberikan kesan baik yang paling maksimum. Jika ini berlaku pasti berkuranglah tuduhan dan pandangan-pandangan tidak baik terhadap saudara baru yang sering menjadi topik perbincangan masyarakat seperti pandangan yang mengatakan golongan saudara baru merosakkan imej Islam kerana tidak tahu melakukan ibadat solah, tidak tahu membaca al-Quran, selalu menggunakan status saudara baru untuk mendapatkan simpati dan sebagainya.

Dengan adanya arahan secara terus dari pihak atasan dan perlantikan pegawai-pegawai khas untuk memantau masjid-masjid yang menjadi masjid angkat kepada saudara baru, nescaya keberkesanan usaha ini akan dapat dilihat dan memberi kepuasan kepada semua pihak. Dalam masa yang sama kemiskinan dan kesusahan hidup seseorang saudara baru dalam pelbagai aspek dapat diatasi.

d) Mewujudkan keluarga angkat kepada golongan saudara baru

Pihak MAIS/ JAIS/ PAID yang lebih arif tentang kemasukan seseorang saudara baru ke dalam Islam boleh menawarkan kepada umat Islam untuk menjadi keluarga angkat kepada seseorang saudara baru. Keluarga yang terpilih hendaklah terdiri dari mereka yang tinggal berhampiran tempat tinggal saudara baru berkenaan. Tujuannya selain daripada menjadi keluarga angkat dan diberikan peruntukan tertentu untuk mengurangkan beban saudara baru, mereka akan diberi tanggungjawab untuk membimbing dan membantu dalam pelbagai aspek. Untuk membantu keluarga angkat melaksanakan tugasnya dengan baik dan berkesan, kursus-kursus tertentu wajar diberikan kepada mereka seperti kursus kepimpinan, kursus menjadi pendakwah yang baik dan sebagainya.

e) Mewujudkan Persatuan-Persatuan Saudara Baru Mengikut Bangsa

Umum mengetahui bahawa saudara baru terdiri daripada pelbagai bangsa dan peradaban. Dalam pemantauan dan soal selidik yang dilakukan, saudara-saudara baru berkenaan terdiri dari kalangan bangsa India, Cina, pelbagai suku kaum dari Sabah dan Sarawak, rakyat asing seperti dari Kemboja dan Myammar dan lain-lain lagi.

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai pengantaraan terutama untuk proses pengajaran dan pembelajaran ada ketikanya tidak mencapai tahap kepuasan yang diharapkan golongan saudara baru.¹⁹⁷

Dalam urusan-urusan yang mudah mungkin tidak menimbulkan masalah besar. Tetapi untuk memberikan kefahaman yang baik dan mendalam terhadap Islam dan ajarannya, sebahagian saudara baru perlu diberikan penerangan dan huraian yang agak panjang terhadap sesuatu perkara demi untuk memastikan mereka memahaminya dengan berkesan. Ini bermakna mereka akan lebih memahami ajaran Islam dengan lebih cepat dan mudah sekiranya ia disampaikan dengan menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri.¹⁹⁸

f) Mewujudkan Peluang-Peluang Pekerjaan Yang Bersesuaian

Kebanyakan saudara baru akan diberikan bantuan kewangan untuk meringankan beban atau memudahkan mereka meneruskan kelangsungan hidup akibat dari beberapa halangan yang wujud setelah memeluk Islam. Bantuan ini walaupun bukan penyelesaian sepenuhnya kepada masalah yang dihadapi, namun ianya banyak membantu golongan saudara baru. Oleh kerana itu, usaha mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan saudara baru yang memerlukan hendaklah digerakkan. Sekiranya mereka telah boleh berdiri di atas kaki sendiri, masalah kewangan dan kegawatan mereka akan dapat diatasi.

¹⁹⁷ Ustazah Pasiyah binti Hasim, Panel Dakwah, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 24 April 2008 jam 3.30 petang.

¹⁹⁸ Ustaz Harun Soon bin Abdullah, Panel Dakwah, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 14 Mei 2008 jam 9.30 malam.

Pihak berkuasa boleh menyediakan premis-premis perniagaan tertentu untuk diberi sewa kepada saudara baru yang minat berniaga. Untuk menggalakkan urus niaga yang berkesan usaha-usaha mempromosi premis-premis berkenaan perlu dilakukan. Selain daripada itu, kontrak menyediakan jamuan makan untuk majlis-majlis keraihan yang dianjurkan pihak berkuasa wajar diberikan kepada saudara baru yang berminat. Pihak berkuasa juga boleh mensyaratkan mana-mana syarikat yang ingin mendapatkan tender yang ditawarkan dikehendaki mengambil saudara baru sebagai sebahagian daripada pekerjaanya.

g) Menerus Dan memperkemaskan Program-Program Kebajikan Semasa

Pihak berwajib hendaklah memikirkan dengan bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai untuk melaksana dan menyelaras program-program berkaitan dengan saudara baru. Pegawai yang bertugas sepenuh masa sekiranya tidak mencukupi untuk mengendalikan pelbagai program dan pelbagai masalah yang berbangkit di kalangan saudara baru sewajarnya ditambah. Penambahan ini akan memberi keselesaan kepada pegawai-pegawai untuk melaksanakan tugas. Penambahan guru-guru untuk kelas-kelas pengajian saudara baru, membolehkan terbentuknya kelas-kelas yang seimbang dan ini akan meningkatkan keberkesanan kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

Program-program lain seperti program ziarah, lawatan dan siasatan, program meraikan saudara baru sempena hari-hari kebesaran Islam dan sebagainya seperti yang dinyatakan di awal penulisan ini, pada hemat penulis wajar diperkasakan lagi atau

diberi wajah baru. Sekiranya penglibatan pertubuhan-pertubuhan dakwah mampu membawa wajah baru, sewajarnya ia dilaksanakan. Mungkin usaha gigih dengan hanya melibatkan tenaga kerja sedia ada harus diperhebatkan dengan mewujudkan kerja sama dengan pihak yang berkecimpung dalam arena yang sama.

h) Mengenal Pasti Sumber-Sumber Pembiayaan Baru

Pihak bertanggungjawab disyorkan agar berusaha untuk mendapatkan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membiayai sebarang aktiviti dakwah terhadap saudara baru. Sekiranya dana sedia ada yang diperuntukkan hanya boleh menggerakkan gerak kerja dakwah dalam keadaan biasa, harus difikirkan bagaimana untuk mendapatkan dana yang lebih besar sehingga ia boleh menyelesaikan isu-isu seperti kemiskinan, kedaifan, kejahilan, ketiadaan pekerjaan di kalangan saudara baru.

Isu ini berbangkit kerana sebahagian besar program dan aktiviti yang melibatkan saudara baru memerlukan peruntukan kewangan yang agak besar. Isu kewangan menjadi perbincangan sejak seseorang saudara baru memeluk Islam. Pemberian sejumlah wang sugu hati dan bantuan-bantuan lain dianggap sebagai sesuatu yang menarik minat seseorang itu untuk memeluk Islam.¹⁹⁹ Lebih-lebih lagi ajaran Islam memang memperuntukan kadar tertentu daripada bahagian zakat untuk diagihkan kepada golongan saudara baru. Namun oleh kerana tuntutan-tuntutan lain yang berkaitan dengan keperluan saudara baru seperti yang dinyatakan di awal penulisan ini menjadikan jumlah kewangan yang diperlukan semakin meningkat.

¹⁹⁹ Ustaz Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 23 Oktober 2008jam 9.00 pagi.

Justeru, tidak hairan berdasarkan temu bual dan soal selidik yang dijalankan, sebahagian besar responden bersetuju bahawa faktor kewangan amat penting dan menjadi faktor utama untuk menggerak dan melicinkan perjalanan program yang diatur. Dalam keadaan desakan dan tekanan kehidupan yang semakin hebat penambahan peruntukan kewangan yang bersesuaian dirasakan wajar dan akan memudahkan pihak pegawai untuk melaksanakan aktiviti yang dirancang.

6.1.2 PERANAN BADAN-BADAN / PERTUBUHAN-PERTUBUHAN

DAKWAH

Sebagaimana dimaklumi terdapat banyak badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan dakwah di Malaysia. Sebahagian dari pertubuhan-pertubuhan ini agak ke hadapan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka mengembangkan syiar Islam. Peranan mereka dalam membantu golongan saudara baru dan umat Islam secara keseluruhannya tidak dapat dinafikan lagi.

Usaha mereka memberikan pelbagai bantuan kepada golongan saudara baru telah banyak membantu golongan ini di awal dan di sepanjang mereka bergelar muslim. Kelas-kelas bimbingan fardu ain, bantuan tempat tinggal, bantuan kewangan, bantuan keperluan asas dan seumpamanya telah banyak membantu golongan saudara baru meneruskan kelangsungan hidup mereka sebagai seorang muslim. Tidak dinafikan terdapat sebahagian saudara baru yang terserlah keperibadiaannya, berkemampuan

membina kehidupan diri dan keluarga kerana mendapat bantuan daripada sesetengah pertubuhan dakwah di negara ini.²⁰⁰

Walau bagaimanapun di sana masih ada ruang untuk badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan dakwah ini meneruskan atau menggandakan usaha untuk membantu golongan saudara baru. Antaranya mereka perlu menggerakkan usaha-usaha untuk mengesan tempat tinggal golongan saudara baru dan menjalinkan hubungan berterusan dengan mereka. Satu jawatankuasa khas perlu digerakkan untuk merealisasikan usaha ini. Setelah mengenal pasti lokasi dan tempat tinggal saudara baru yang ingin dikunjungi, gerakan menziarahi mereka secara berjadual pula perlu diusahakan.

Hasil daripada gabung jalin dan usaha yang dilakukan ini sudah pasti akan dapat dikenal pasti masalah-masalah yang telah dan sedang ditanggung golongan saudara baru. Bantuan segera dan tepat boleh disalurkan terus kepada yang memerlukan. Sekiranya bantuan kewangan yang diperlukan, dana yang ada boleh digunakan secara berhemah, sekiranya masalah penghayatan kehidupan sebagai seorang muslim gagal diserlahkan, bimbingan segera dan berterusan boleh digerakkan dan pelbagai masalah lain yang boleh dipantau segera.

²⁰⁰ Ustaz Fauzi Siva bin Abdullah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Temu bual pada 23 Oktober 2008 jam 9.00 pagi.

6.1.3 PERANAN ANGGOTA MASYARAKAT

Masyarakat setempat yang menjadi rakan sehariian kepada golongan saudara baru juga mempunyai peranan yang amat penting dalam membantu memantapkan pengurusan dakwah terhadap golongan ini. Golongan saudara baru melaksanakan kebanyakan urusan dan aktiviti harian kehidupan mereka di tempat mereka tinggal. Urusan dan aktiviti harian tentulah melibatkan urusan-urusan ekonomi, pendidikan, pergaulan, pengibadatan dan sebagainya.

Justeru, masyarakat setempat merupakan pihak yang paling hampir untuk melihat apa juga perkembangan yang melibatkan golongan saudara baru. Sekiranya masyarakat setempat mempunyai ikatan dan hubungan mesra lagi erat dengan golongan saudara baru di samping bersifat prihatin dan hidup jiwa Islamnya, nescaya apa juga masalah golongan ini akan ditangani secara bersama sehingga selesai sebahagian atau keseluruhan masalah yang timbul.

Banyak tindakan yang boleh dibuat oleh masyarakat setempat untuk membantu golongan saudara baru, antaranya:

- i) Memberikan bantuan dalam menyempurnakan amalan pengibadatan golongan saudara baru.

Sebahagian besar golongan saudara baru menghadapi masalah untuk menyempurnakan amalan pengibadatan mereka sama ada yang melibatkan fardu

ain atau fardu kifayah. Alasan mudah bagi golongan ini untuk mengabaikan apa yang diwajibkan agama adalah kerana tidak tahu melakukannya.

Sekiranya golongan saudara baru ini sudah lanjut usianya ketika memeluk Islam, keadaan akan lebih menyukarkan untuk memastikan mereka menerima panduan dan didikan yang diberikan. Ketidakmampuan untuk melafaz, menghafaz dan mengingat sesuatu yang diajar sering menjadi halangan dan alasan untuk tidak menunaikan sebahagian atau keseluruhan ibadat yang diwajibkan.

Dalam hal ini, masyarakat setempat boleh menggunakan kemudahan masjid atau surau yang ada di kawasan mereka atau tempat-tempat khas yang terpilih untuk membantu golongan saudara baru memahirkan diri melaksanakan amalan pengibatan yang diwajib atau disunatkan. Masyarakat setempat boleh menggunakan saluran yang sedia ada yang bersesuaian di tempat mereka seperti Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Masjid atau Surau.

Melalui salah satu atau kedua-dua saluran ini, boleh dibentuk satu jawatankuasa bertindak untuk menangani masalah yang melibatkan golongan saudara baru. Kalaupun tidak selesai semua masalah yang ditangani, mesti ada perubahan dan kebaikan yang diperolehi hasil dari tindakan terancang yang dilaksanakan. Berat sama dipikul ringan sama dijinjing harus dipraktikkan sampai bila-bila dalam kehidupan bermasyarakat.

Dana masjid yang diperolehi melalui kutipan dan sumbangan yang diberikan melalui pelbagai nama dan cara, sebahagiannya boleh diperuntukkan kepada

jawatankuasa khas ini untuk menjalankan aktivitinya. Sekiranya dana yang diperlukan untuk melaksanakan program bagi kebajikan golongan saudara baru ini tidak mencukupi pihak berkenaan boleh memajukan permohonan untuk mendapatkan peruntukan tambahan dari pihak bertanggungjawab. Sekiranya pihak yang bakal memberikan sumbangan melihat gerak kerja yang ingin dan akan dilaksanakan amat baik dan memuaskan dan menepati gaya kerja mereka yang telah berjaya, alasan untuk tidak memberikan sumbangan mungkin tidak difikirkan lagi.

Setelah semua yang berkaitan telah diperolehi maka antara bentuk bantuan yang boleh diberikan untuk membolehkan golongan saudara baru berkemampuan melaksanakan pengibadatan wajib atau sunat mereka ialah:

- a) Mengadakan kelas bimbingan bacaan al-Quran dan kelas memantapkan ibadat solah

Kelas bimbingan ini merupakan kelas bimbingan yang amat diperlukan dan ia saling berkaitan di antara satu sama lain. Ini adalah kerana kebolehan membaca al-Quran memudahkan penunaian ibadat solah sama ada solah fardu atau solah sunat. Mempunyai kefahaman yang baik dan mantap terhadap kewajipan solah akan meninggalkan kesan yang berterusan dalam menunaikan tuntutan ibadat ini.

- b) Mengadakan kelas pengajian umum

Melalui kelas pengajian umum ini golongan saudara baru boleh mempelajari hal-hal berkaitan dengan keilmuan Islam bermula dari peringkat rendah atau

asas kepada peringkat yang seterusnya. Penumpuan kepada perkara-perkara berkaitan dengan pelajaran akidah, fekah, akhlak, ibadat, sirah dan sebagainya boleh disusun sebagaimana saudara seagama mereka yang lain telah memperolehnya di sepanjang kehidupan mereka sebagai muslim.

c) Mengadakan majlis-majlis khas untuk golongan saudara baru

Majlis-majlis khas ini antaranya majlis musabqah membaca al-Quran, majlis perjumpaan mingguan atau bulanan, majlis perkahwinan yang ditaja dan sebagainya. Usaha pihak-pihak tertentu yang telah memulakan dan memperhebatkan cadangan ini di beberapa tempat harus dicontohi dan disokong dan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab di tempat sendiri.

d) Memberikan bantuan dalam menyempurnakan masalah kewangan yang dihadapi golongan saudara baru

Di antara yang boleh dilakukan oleh masyarakat tempatan ialah menyalurkan bantuan kewangan yang boleh dirancang sumbernya kepada golongan saudara baru. Sumber yang mudah mungkin datangnya daripada dana kutipan Jumaat yang diperolehi hasil sumbangan jamaah pada hari Jumaat. Mengikut kajian, ada masjid yang memperolehi kutipan di antara lima ribu ke sepuluh ribu ringgit sebulan sehingga menjadikan jumlah yang terkumpul dan tidak digunakan hampir ratusan ribu. Alangkah baiknya jika sebahagiannya diperuntukkan kepada golongan saudara baru untuk memberikan kelegaan dan ketenangan kepada mereka setelah menghadapi dugaan hidup kerana bergelar sebagai seorang muslim.

Pemberian yang diberikan hendaklah berhemah agar tidak menimbulkan masalah dan tidak meninggalkan kesan yang tidak diharapkan. Golongan saudara baru yang mendapat bantuan ini sekiranya selalu dipantau dan diikat dengan program yang tersusun untuk menaikkan harga dirinya sebagai seorang muslim, sudah tentu tidak akan sentiasa bergantung hidup kepada sumbangan yang disediakan. Identiti baru yang diperolehi, yang diberikan Islam kepadanya sudah tentu akan dijaga dan dihargai.

ii. Memberikan bantuan tempat tinggal yang bersesuaian

Sebahagian golongan saudara baru tidak mempunyai rumah atau tempat kediaman untuk berlindung. Keadaan ini mungkin perkara yang baru berlaku dalam hidupnya demi kerana Islam yang dianuti. Sebelumnya, ia mungkin seorang yang cukup segalanya tetapi terpaksa atau dipaksa meninggalkan segalanya. Jika tiada bantuan sementara yang diberikan tentulah kesukaran untuk menjalani kehidupan seharian akan amat dirasakan.

Rumah atau bilik yang disediakan mungkin merupakan rumah yang disewakan dengan menggunakan peruntukan dana yang diwujudkan oleh masyarakat setempat atau dari sumber-sumber lain. Pemantauan terhadap rumah dan bilik sewa ini mesti dilakukan secara berterusan sehingga tiba masa untuk saudara baru itu berdiri di atas kakinya sendiri.

iii) Menjadi penyampai maklumat kepada pihak yang bertanggungjawab Pihak berkuasa yang diberikan tanggungjawab untuk menangani keperluan dan masalah golongan saudara baru mengharapkan bantuan masyarakat setempat untuk menyalur dan menyampaikan maklumat mengenai golongan saudara baru kepada mereka. Di peringkat awal pengislaman mereka, pihak berkuasa telahpun menyediakan peruntukan yang agak besar untuk mendepani apa juga isu yang melibatkan golongan saudara baru dan peruntukan ini sentiasa bertambah dari masa ke semasa.

Justeru, pihak berkenaan berharap hasil yang terbaik diperolehi dari peruntukan yang diberikan atau sekurang-kurangnya tidak menampakkan kerugian atau pembaziran. Maklumat yang disalurkan mungkin memudahkan pihak berkenaan untuk meningkatkan usaha ke arah memastikan golongan saudara baru yang telah lama mendapat bantuan mampu berdiri sendiri dalam pelbagai aspek dan mampu pula membantu sesama rakan saudara baru mengatasi masalah hidup yang telahpun mereka lalui.

Kerjasama yang wujud antara masyarakat setempat dan pihak berkuasa yang terlibat dalam menangani isu-isu berkaitan saudara baru akan memberikan kesan jangka pendek atau jangka panjang yang akan memberi kelegaan dan kebaikan kepada semua umat Islam. Masalah saudara baru pada ketika itu bukan lagi seperti kata pepatah menanggung biawak hidup kepada seluruh umat Islam. Golongan saudara baru ini tidak lagi berharap

dan bergantung hidup kepada sumbangan dan bantuan daripada umat Islam ataupun organisasi umat Islam.

6.1.4 PERANAN MEDIA MASSA

Pihak media massa hendaklah sama-sama memainkan peranan untuk menangani masalah saudara baru. Sebagai sebuah badan yang berperanan menyebarkan maklumat kepada pembaca, pendengar dan penonton, tentulah banyak peranan yang boleh diketengahkan. Antara tindakan yang boleh dilakukan ialah melaksanakan kempen untuk membantu golongan saudara baru. Kempen-kempen ini mungkin berkaitan dengan kewangan, pendidikan, kebajikan dan sebagainya.

Melalui media massa, maklumat boleh disebarkan ke arena yang lebih luas. Maklumat tentang wujudnya tabung untuk membantu golongan saudara baru akan dapat diketahui oleh jumlah yang ramai. Saluran media yang sedia ada pada masa kini dan masa akan datang yang semakin menjadi tumpuan, dirasakan mampu untuk menggerakkan masyarakat umat Islam seluruhnya memberikan sumbangan bagi membantu saudara baru. Terbukti banyak kempen yang dilancarkan dengan media massa sebagai pengantara seperti kempen derma untuk tabung gempa bumi, tabung keperluan asas kehidupan dan sebagainya harus diberikan tumpuan dan dicari jalan penyelesaiannya.

6.2 KESIMPULAN

Umat Islam keseluruhannya tentulah seronok dan merasa gembira sekiranya mereka mempunyai bilangan yang terbanyak dan mendominasi dalam banyak perkara. Namun harus diperakui bahawa bilangan yang banyak kurang manfaatnya seumpama buih di lautan, sekiranya tidak mempunyai daya tahan dan kekuatan untuk mempertahankan integriti diri dan kemuliaan Islam itu sendiri. Lebih malang lagi seandainya umat Islam mendominasi pula dalam isu lain yang sukar ditangani seperti penyalahgunaan dadah, masalah sosial yang gawat, kemiskinan, kedangkalan ilmu dan sebagainya.

Justeru, usaha berterusan untuk memperkasakan Islam dan umatnya serta institusi-institusi yang diberikan tanggung jawab memimpinnya harus dipertingkatkan dari masa ke semasa. Secara khusus, usaha-usaha untuk mengangkat darjat dan kemuliaan Islam dan umatnya perlu diperhebatkan termasuklah dalam hal-hal berkaitan dengan bidang pengurusan dakwah terhadap saudara baru. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh para sarjana Islam, wajar disorot pandang dan diteliti sebagai alternatif kepada prosedur sedia ada dan diamalkan selama ini.

Semua pihak khususnya mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha-usaha penyebaran dan pemantapan dakwah Islamiah, hendaklah berganding bahu memperhebatkan lagi penghayatan cara hidup Islam di kalangan umat Islam khasnya golongan saudara baru. Kegagalan golongan saudara barudan umat Islam keseluruhannya menghayati ajaran Islam sudah pasti akan memberikan kerugian kepada umat Islam keseluruhannya.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN BAHASA ARAB

Al-Quran al-Karim.

Abi Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazâli (1992), *Ihyâ' Ulûm al-Dîn*, j.1, Beirut: al-Maktabatu al-'Asriyyah.

Ibn Manzûr (t.t), *Lisân al-'Arab*, Jil.14. Beirut: Dâr Sadir.

RUJUKAN BAHASA MELAYU

Ab Aziz Mohd Zin (2006), *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

_____ (2006), *Tamadun Islam Dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

_____ (1999), *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abd. Halim bin Hj. Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Metodologi*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abd. Rahim Abd Rashid (2006), *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdullah Alwi Hj. Hassan (2005), *Teori Dan Aplikasi Kontemporari : Sistem Ekonomi Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdullah Muhammad Zin (2004), *Asas Kecemerlangan Ummah*, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.

Abdul Manaf Bohari, Mohd Adan Omar (2006), *Sistem Komputer Dalam Pengurusan Perniagaan : Asas Aplikasi Pengkomputeran*, Selangor : Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Abdul Munir Yaacob (2005), *Manusia Diikat Peraturan*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abu Bakar Yang (2005), *Pertembungan Etika Dengan Akhlak*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Ahmad Bashir Aziz (2007) *Aplikasi Syura Dalam Proses Pembuatan Keputusan: Alternatif Kaedah Dan Pelaksanaannya Dalam Pengurusan Moden*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Ahmad Sarji (2005) *Sekadar Pendapat, Tekno-Da'ei dan Pendakwahan*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Ali Yakub Matondang (ed.), (2004), *Asas Kecemerlangan Ummah*, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.

Akademi Pengurusan YPEIM (2005), *Pengurusan Dalam Islam: Menghayati Prinsip Dan Nilai Qurani*, Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM.

Anwar al Jundi (2001), *Kejatuhan Ideologi Materiasme Dan Agenda Pengisian Islam*, (terj.) Rosli Alias, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Buletin MAIS. Ogos 2006:4, Selangor : Jabatan Agama Islam Selangor.

Buletin MAIS, Ogos 2006:12, Selangor : Jabatan Agama Islam Selangor.

H. AhmadYani, Drs. (1999), *Panduan Memakmurkan Masjid*, Jakarta: Dea Press.

H. Moh Abdai Rothomy (1993), *Terjemahan Hadis Shahih Bukhary Jilid I, II & III*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Imam Barnadib (1982), *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP.

Imam Shahrastani (2006), *Agama dan Ideology*, Muhammad Ramzi Omar (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (1991), *Kecemerlangan Pentadbiran : Dasar Dan Amalan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia.

J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan : Penggunaannya dalam pemasaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Joyce M.Hawkins (2000), *Kamus Dwibahasa* (1985), C.3, Kuala Lumpur: Fajar Bakti

Juli Edo (2006), *Retorik Pembangunan Orang Asli : Malaysia Menangani Perubahan Dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kamus Dwibahasa (1995), Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Eagle Trading Sdn. Bhd.

Kenneth D., (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Koentjaraningrat (1983), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, P.T. Gramedia, Jakarta.

Koleksi dakwah (1998), Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Kumpulan Petugas Jaringan Pusat Krisis Wanita (2000), *Ke Arah Keunggulan*. Pulau Pinang: Pusat Krisis Wanita Pulau Pinang.

Laporan Bulan Jun Tahun 2007, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang.

Laporan Bulan Julai Tahun 2008, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang.

Laporan Bulan Ogos Tahun 2008, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Klang.

M. Bahri Ghazali (1997) , *Da'wah Komunikatif*, Jakarta: Pedoman Ilmu Jaya.

Mohd Rumaizuddin Ghazali (2003), *Panduan Berdakwah Kontemporari*, Pahang: PTS Publications & Distributors.

M. Umer Chapra (2005), *Islam dan Cabaran Ekonomi* terjemahan Syed Putra Syed Hamid dan Zahrita Hamzah, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Fauzi Hamat (2005), *Ketokohan Al-Ghazali Dalam Bidang Logik*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Fauzi Yaacob (2006), *Malaysia: Menangani Perubahan Dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Izani Mohd Zain (2007), *Demokrasi Dan Dunia Islam*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.

Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd. Ridhuan Tee Abdullah (2007), “Suara Mualaf Belum Masin”. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.

Mohd Rumaizuddin Ghazali (2003), *Panduan Berdakwah Kontemporari*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Salleh Aman (2006), *Asas Pengurusan Sukan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Muhammad Yusuf Khalid, Syamsul Bahri Andi Galigo (2002), *Dakwah Dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia

Muhammad Yusuf Khalid, Syamsul Bahri Andi Galigo dan Mohd Radhi Ibrahim (2002), *Isu Dakwah Dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi*, Kuala Lumpur: Fajar Ulung.

Muhammad Yusuf Khalid (2004), "The Seven Habits of Highly Effective People: Ditinjau Dari Perspektif Pengurusan Islam", dalam Ali Yakub Matondang et. al. (eds), *Asas Kecemerlangan Ummah*, Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.

Mustafa Masyur (1999), *Jalan Da'wah: Antara Keaslian Dan Penyelewengan*. (Thoriq al-Da'wat Baina al-Asolati Wa al-Inhiraf)) Mohd. Yusuf Ismail (terj.) Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*. Shah Alam: Ummah Media Sdn. Bhd.

S. Hashim Ahmad (2005), *Abdullah Ahmad Badawi: Menuju Kecerlangan Hakiki*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Shafie Hj. Mohd. Salleh, Mohd Affandi Hassan (1991), *Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar Dan Amalan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia.

Sidek Baba (2005), " *Etika Dan Integriti Di Malaysia : Isu Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.

Talib Samat (2004), *Berjihad Menerusi Tulisan*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.

_____ (2002), *Sastera Di antara Percikan Pengurusan Dan Kemanusiaan*, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Thahâ Jabîr Fayyâdh al-‘Alwani (2001), *Etika Berbeda Pendapat Dalam Islam (adab al-Ikhtilâf Fi al-Islâm)* Ija Suntana (Terj.). Bandung: Pustaka Hidayah.

Yusri Abu (2004), *Kefahaman Akidah Di Kalangan Saudara Baru*, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Zaleha Muhamat (2006), " *Islam Dan Kesejahteraan Keluarga*", Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Zulkifple Abd. Ghani, Mohd. Syukri Yeoh Abdullah (2005), *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.

RUJUKAN BAHASA INGGERIS

Christina Ruse (1988), *Oxford Student's Dictionary Of Current English For KBSM*, second Edition, Shah Alam: Fajar Bakti.

Naceur Jabnoun (1994), *Islam And Management*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.

Norani Othman (2005), *Muslim Women Abd The Challenge Of Islamic Extremism*. Kuala Lumpur: Sisters In Islam.

RUJUKAN SELAIN BUKU DAN DOKUMEN BERTULIS

Homepage MACMA - <http://www.macma.org.my>, 16 November 2007.

Homepage PUM - <http://www.e-ulama.org>. 11 November 2008.